



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL KETIGA**

**MESYUARAT KEDUA**

---

**SHAH ALAM, 17 OGOS 2015 ( ISNIN )**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali, S.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimatun Saadiah Binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Jurasmadi bin Pauzi  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

### **Bentara**

**Encik Abdul Khalil bin Sabiis (Ketua)**

Encik Izal Izlan bin Misnon

Encik Ahmad Hafizan Yusof

### **Pelapor Perbahasan**

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

## (Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahirrahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas pada 17 Ogos 2015 dimulakan dengan bacaan doa.

### I. DOA

### II. PROKLAMASI

**SETIAUSAHA DEWAN:** OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J., dengan kurnia Allah, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ehsan serta segala daerah takluknya.

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam *Warta* memanggil Dewan Negeri :

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J., dengan kurnia Allah, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ehsan serta segala daerah takluknya, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, dengan ini memanggil Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 17 Ogos hingga 21 Ogos 2015 dan 24 Ogos hingga 28 Ogos 2015 dan pukul 10.00 pagi kecuali hari Jumaat pukul 9.30 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Ketiga Belas yang akan diadakan di Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada 29 hari bulan Jun 2015.

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor,

**TUAN SPEAKER:** Salam sejahtera dan selamat datang kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri, Pegawai-pegawai Kerajaan dan para pemerhati

sekalian. Bertemu lagi dalam Mesyuarat Kedua Dewan yang mulia ini, bagi Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor yang Ketiga Belas.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ingin saya memaklumkan bahawa :-

- i) Pihak Urus setia telah meletakkan pindaan bagi Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor yang telah diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor pada 4 Disember 2014 di atas meja Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya juga ingin memaklumkan bahawa cetakan buku Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor yang baru akan diedarkan pada Persidangan Pembukaan tahun hadapan.
- ii) Sukacita juga dimaklumkan bahawa lif di bangunan Dewan Negeri telah berfungsi dan boleh digunakan.
- iii) Yang Berhormat Batang Kali telah memohon kepada saya untuk menunaikan ibadah bagi tahun 2015 dan saya telah meluluskan permohonan beliau.

Sekarang, saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan aturan urusan mesyuarat pada pagi ini.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya membentangkan kertas-kertas mesyuarat.

- 1) Kertas Mesyuarat Bilangan 32 Tahun 2015.
  - Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Negeri Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) (No. 2) 2015. Rang Undang-Undang Enakmen Wakaf Negeri Selangor 2015, Rang Undang-Undang Enakmen Tabung Amanah Warisan Anak Selangor 2015 (TAWAS).
- 2) Kertas Mesyuarat Bilangan 33 Tahun 2015.
  - Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan, Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2014, siri 1 dan 2.
- 3) Kertas Mesyuarat Bilangan 34 Tahun 2015.
  - Laporan Tahunan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor bagi tahun 2011.
- 4) Kertas Mesyuarat Bilangan 35 Tahun 2015.
  - Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor Tahun 2014.



- 6) Kertas Mesyuarat Bilangan 36 Tahun 2015.
  - Resolusi Tribunal Pengurusan Strata dan Pelantikan Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Anggota, Setiausaha, Pegawai dan kakitangan Tribunal Pengurusan Strata di bawah subseksyen 103 (1) dan 104 (1), Akta Pengurusan Strata 2013, Akta 757 bagi Persidangan Dewan, DUN Negeri Selangor.
  
- 7) Kertas Mesyuarat Bilangan 37 Tahun 2015.
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Selangor (*Select Committee On Raw Water Resource Management Of The State Of Selangor – JPK SAM*) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung pengurusan air Negeri Selangor, kualiti, kaedah, menangani pencemaran air.
  
- 8) Kertas Mesyuarat Bilangan 38 Tahun 2015.
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Selangor (*Select Committee On Raw Water Resource Management Of The State Of Selangor – JPK SAM*) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung pengurusan air Negeri Selangor, kuantiti, persediaan bekalan air untuk musim kering dan masa depan.
  
- 9) Kertas Mesyuarat Bilangan 39 Tahun 2015.
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung isu perumahan awam kos rendah dan *Commisioner of Bulidings* (COB) susulan daripada lawatan ke *Housing Development Board* (HDB) dan Majlis Perbandaran Ang Mo Keong, Singapura.
  
- 10) Kertas Mesyuarat Bilangan 40 Tahun 2015.
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung isu penyelenggaraan jalan di Negeri Selangor.
  
- 11) Kertas Mesyuarat Bilangan 41 Tahun 2015.
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung isu pelupusan sampah dan pembersihan awam.

- 13) Kertas Mesyuarat Bilangan 42 Tahun 2015.
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung amalan terbaik perancangan bandar susulan daripada lawatan ke *Urban Re-Development Authority* (URA) dan Majlis Perbandaran Ang Mo Kiong, Singapura.
- 14) Kertas Mesyuarat Bilangan 43 Tahun 2015.
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (*Special Select Committee On Competents, Accountability and Transparency – SELCAT*) bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan penyelenggaraan dan pemantauan perumahan (PPR) Negeri Selangor.
- 15) Kertas Mesyuarat Bilangan 44 Tahun 2015.
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pejabat Tanah dan Daerah (JPPADAT) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung isu lesen pendudukan sementara (LPS) bagi tujuan papan iklan.
- 16) Kertas Mesyuarat Bilangan 45 Tahun 2015.
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pejabat Tanah dan Daerah (JPPADAT) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung masalah kecurian pasir di kawasan pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah di Negeri Selangor.
- 17) Kertas Mesyuarat Bilangan 46 Tahun 2015.
  - Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (*Public Account Committee – PAC*) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung isu-isu pada tahun 2014.
- 18) Kertas Mesyuarat Bilangan 47 Tahun 2015.
  - Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (*Public Account Committee – PAC*) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung isu-isu pada tahun 2015.
- 19) Kertas Mesyuarat Bilangan 48 Tahun 2015.
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JPABAS) bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Darul Ehsan *Investment Group* (DEIG).

- 20) Kertas Mesyuarat Bilangan 49 Tahun 2015.
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JPABAS) bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan pengurusan bangunan Yayasan Selangor di Bukit Bintang.
- 21) Kertas Mesyuarat Bilangan 50 Tahun 2015.
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JPABAS) bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan PJ Central Development Sdn. Bhd. (PJ Central).
- 22) Kertas Mesyuarat Bilangan 51 Tahun 2015.
- Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK Pembasmian Kemiskinan) bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan dasar, pelaksanaan perumahan mampu milik dalam membasmi kemiskinan di negara Singapura.
- 23) Kertas Mesyuarat Bilangan 52 Tahun 2015.
- Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JPPADAT) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung masalah-masalah yang dihadapi oleh Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) di Selangor.
- 24) Kertas Mesyuarat Bilangan 53 Tahun 2015.
- Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JPABAS) bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Selaman Sdn. Bhd. (SSB).
- 25) Kertas Mesyuarat Bilangan 54 Tahun 2015.
- Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK Pembasmian Kemiskinan) bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan cadangan menyelesaikan punca-punca kemiskinan dan ketidaksamarataan di kalangan rakyat di Negeri Selangor.
- 26) Kertas Mesyuarat Bilangan 55 Tahun 2015.
- Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JPABAS) bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn. Bhd. (KUIS).

- 27) Kertas Mesyuarat Bilangan 56 Tahun 2015.
- Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JPABAS) bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan MAIS Health Care Services Sdn. Bhd.
- 28) Kertas Mesyuarat Bilangan 57 Tahun 2015.
- Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JPABAS) bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan MAIS Construction and Property Sdn. Bhd.
- 29) Kertas Mesyuarat Bilangan 58 Tahun 2015
- Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Selangor (*Select Committee On Raw Water Resource Management Of The State Of Selangor – JPK-SAM*) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung bagi pelaksanaan projek *Hybrid Of River Augmentation System, HORAS 600*.
- 30) Kertas Mesyuarat Bilangan 59 Tahun 2015.
- Maklum balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Selangor (*Select Committee On Raw Water Resource Management Of The State Of Selangor – JPK-SAM*) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung pencemaran ammonia di loji rawatan air, Batu 11 Cheras dan Bukit Tampoi di Sungai Langat.
- 31) Kertas Mesyuarat Bilangan 60 Tahun 2015.
- Maklum balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah (*Select Committee On Raw Water Resource Management Of The State Of Selangor – JPK-SAM*) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung gangguan bekalan air tidak berjadual di Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang disebabkan pencemaran di Sungai Semenyih
- 32) Kertas Mesyuarat Bilangan 61 Tahun 2015.
- Maklum balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah (*Select Committee On Raw Water Resource Management Of The State Of Selangor – JPK-SAM*) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung pengurusan Air Selangor dan pembekalan sumber air mentah Sungai Selangor.

33) Kertas Mesyuarat Bilangan 62 Tahun 2015.

- Maklum balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Selangor *Food Valley* (SFV), dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) Life Stock Farm Sdn Bhd.

### III. PERTANYAAN-PERTANYAAN

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, jika hendak menjawab soalan bersekali sila maklumkan kepada saya Nombor Soalan yang terlibat. Jika ada banyak soalan yang perlu dijawab sekali saya boleh memberikan masa tambahan, kalau tidak hanya 3 minit setiap soalan. Soalan seterusnya, Kajang.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Puan Speaker, Soalan Nombor 1.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(N25 KAJANG)**

**TAJUK : UNISEL**

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah kerajaan negeri akan menyediakan satu '*turn around plan*' untuk menaik-taraf mutu kursus akademik di UNISEL?
- b) Mohon nyatakan tempoh yang diperlukan untuk tindakan tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Memandangkan ADUN YB Seri Setia masih dalam perjalanan balik atas urusan rasmi Kerajaan Negeri Selangor maka saya tangguhkan soalan 1 untuk dijawab esok pagi. Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, Soalan Nombor 2.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : PRESTASI DAN KEDUDUKAN KEWANGAN NEGERI Selangor**

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sila nyatakan status terkini prestasi dan kedudukan Kewangan Negeri Selangor?
- b) Sila perelaskan apakah implikasi kejatuhan mata wang Ringgit dan kelembapan ekonomi Negara terhadap prestasi Kewangan Negeri?
- c) Sila nyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan Negeri demi memperkukuhkan kedudukan kewangan Negeri?

**Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Y.B. Tuan Speaker, Soalan Y.B. Sekinchan berkisar tentang soalan prestasi dan kedudukan kewangan kerajaan negeri. Sebelum saya memberi respons kepada soalan ini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan rasa bersyukur dan gembira apabila melihat Yang Berhormat, Dato' Pegawai Kewangan Negeri dapat kembali bertugas pada hari ini setelah menjalani sedikit rawatan baru-baru ini. Walaupun, pihak Doktor menasihatkan beliau supaya berehat tetapi beliau menunjukkan komitmen yang begitu tinggi untuk terlibat dalam sidang Dewan. Saya memulakan ini kerana Y.B. Speaker, prestasi kewangan dan ekonomi Negeri ini bergantung kuat kepada komitmen anggota perkhidmatan awam dan kita di Negeri Selangor bersyukur mempunyai aset yang kuat iaitu anggota perkhidmatan awam yang memberikan khidmat secara profesional dan telah berjaya mengendalikan dasar-dasar kerajaan Negeri sehingga meningkatkan hasil dan pendapatan bagi kerajaan Negeri. Sebab itu kita senantiasa menghargai sumbangan yang diberikan oleh anggota perkhidmatan awam, kita tidak mahu mengulangi kesilapan yang lepas dengan memberikan batang penyapu kepada pegawai awam ataupun menggunakan istilah mengherdik dengan istilah-istilah yang tidak sihat ataupun memburu dan menangkap pegawai-pegawai penyiasat. Ini semua perkara yang tidak boleh dilakukan kerana mesti ada *separation of powers* dalam pentadbiran sesebuah negara atau negeri iaitu *judiciary*, *legislative* dan juga *executive*. Jadi ini satu peringatan kemajuan sesebuah negeri itu dapat terus ditingkatkan. Untuk makluman Y.B. Saudara Y.B. Sekinchan, rizab kewangan negeri terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga kumpulan wang disatukan iaitu akaun hasil disatukan, akaun amanah disatukan dan akaun pinjaman disatukan. Secara keseluruhannya bagi kumpulan disatukan pada 13 Ogos 2015 adalah berjumlah RM3,733.60 juta ataupun RM3.7 bilion. Lebih sebilion daripada jumlah derma yang diterima oleh seseorang. Berbanding RM3,288.14 juta pada 31 Ogos 2014 dan RM3,200.91 juta pada 31 Disember 2014. Prestasi kewangan kerajaan Negeri Selangor sehingga 13 Ogos 2015 adalah seperti berikut :

Jumlah hasil yang dianggarkan dalam belanjawan 2015 adalah RM1,970 juta. Tetapi sehingga 13 Ogos 2015 kita telah berjaya mengutip hasil sebanyak RM94.06 %

daripada sasaran dan dengan usaha yang telah dijalankan saya yakin dengan komitmen yang ditunjukkan oleh pegawai-pegawai kerajaan di peringkat daerah dan juga PBT kita dapat mencatatkan *Insyah-Allah* RM2.2 Bilion bagi tahun ini. Bagi perbelanjaan mengurus daripada RM1,288.53 juta yang dianggarkan dalam belanjawan tahun 2015 kita telah berbelanja sebanyak 53.14 % dan bagi perbelanjaan pembangunan yang dianggarkan sebanyak RM1,133.97 juta kita telah berbelanja sebanyak 45.69 %. Kerajaan Negeri senantiasa memandang serius akan perkembangan ekonomi global dan domestik kejatuhan harga komoditi tidak boleh lagi dijadikan alasan untuk menjustifikasikan penyusutan nilai ringgit dan kegawatan ekonomi. Negara hari ini sebenarnya sedang berdepan dengan krisis keyakinan yang memberikan kesan yang negatif kepada ekonomi negara. Secara umumnya kejatuhan mata wang ringgit dan kelembapan ekonomi negara menjejaskan ekonomi negeri Selangor dari sudut kuasa beli pengguna dan juga harga barang yang mempunyai komponen import. Walau bagaimanapun, impak kejatuhan dan kelembapan tersebut adalah minima ke atas prestasi kewangan dan dana diuruskan oleh kerajaan negeri disebabkan tiada risiko pelaburan luar negara dan instrumen pelaburan yang berubah mengikut pasaran yang mungkin akan memberikan kesan negatif secara langsung ke atas kewangan kerajaan negeri. Untuk mengukuhkan kedudukan kewangan, Kerajaan Negeri telah melaksanakan perkara-perkara berikut:

1. Mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri untuk membantu Kerajaan Negeri dalam menguruskan lebih tunai dengan lebih efisien di samping memberikan pulangan faedah yang optimum.
2. Pelaksanaan operasi bersepadu mengutip hasil tanah dengan kerjasama di antara Perbendaharaan Negeri Selangor, Semua Pejabat Daerah dan Tanah, Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Bahagian Teknologi Maklumat SUK sebagai satu pasukan yang disebut sebagai Ops Kutip.
3. Kerajaan Negeri terutamanya melalui Pejabat Daerah dan Tanah sentiasa berusaha meningkatkan kutipan cukai tanah melalui kaedah :
  - i. Mengenal pasti dan mengasingkan semua hak milik yang tertunggak yang bermasalah agar tindakan susulan dapat diambil.
  - ii. Membuka kaunter kutipan di luar pejabat bagi Pejabat Daerah dan Tanah di kawasan pendalaman.
  - iii. Membuka kaunter pada waktu rehat.
  - iv. Menambahkan saluran kaedah pembayaran secara atas talian ataupun *online* dan pusat pembayaran di kaunter PBT. Kerajaan Negeri juga dalam perancangan untuk menambahkan saluran pembayaran cukai tanah,

Contohnya kaunter bergerak. Kerajaan Negeri juga berusaha menangani tunggakan hasil cukai tanah dengan menubuhkan Jawatankuasa Kerja Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah Peringkat Negeri yang berfungsi untuk melaksanakan kutipan tunggakan cukai tanah secara holistik yang melibatkan penunggak tegar dan penyelesaian hak milik yang terlibat dengan permasalahan tanah di semua Pejabat Daerah dan Tanah.

- v. Kerajaan Negeri turut mewujudkan Pasukan *Task force* Mengurangkan Cukai Tanah di Empat Pejabat Daerah dan Tanah iaitu Petaling, Klang, Gombak dan Hulu Langat untuk menangani secara khusus masalah tunggakan cukai tanah daripada hak milik bermasalah. Kerajaan Negeri mengambil maklum masalah bangunan strata yang sukar diselesaikan untuk pengeluaran hak milik strata turut menyumbang kepada tunggakan hasil cukai tanah. Akhirnya, Y.B. Sekinchan, sukacita saya memaklumkan bahawa Perbendaharaan Negeri Selangor juga telah mengeluarkan beberapa Surat Pekeliling yang bertujuan untuk memperkemaskan dan membuat penambahbaikan terhadap perbelanjaan berhemat dan langkah-langkah tambahan yang perlu diambil ke arah pengurusan perbelanjaan wang awam yang lebih sempurna. Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan dasar pemilikan tanah kerajaan untuk tujuan bangunan kediaman persendirian di mana bayaran premium nominal pada kadar RM1000 bagi setiap hak milik dan bayaran khas tanah pada kadar yang ditetapkan apabila tanah tersebut hendak dipindah milik melalui proses jual beli. Hak milik bagi tanah ini akan dikenakan sekatan kepentingan tambahan dan rayuan pengurangan premium tidak dibenarkan dan akhirnya pelaksanaan dasar penuh penolakan semua permohonan rayuan pengurangan premium atau premium tambahan sama ada melalui Borang 5A atau 7G kecuali kes pembermilikan tanah kepada individu bagi tujuan bangunan kediaman yang telah diduduki. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Tuan Speaker. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Selangor kerana telah berjaya mengurus tadbir dengan baik sehingga rizab telah bertambah daripada laporan dah bertambah tanpa perlu menerima apa-apa *donation*. Soalan tambahan saya, daripada jawapan tadi Y.A.B. Dato' Menteri Besar sebanyak 45.69 perbelanjaan, peratus perbelanjaan untuk pembangunan telah disalurkan. Tetapi saya tengok masa dah bulan Lapan ini kenapa sampai sekarang hanya apa kekangan yang berlaku hanya 45.69, sepatutnya lebih 50% ke ataslah. Ini saya nak tahu, apa kekangan nya. Sekian, terima kasih.



**Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih Y.B. Sekinchan, Perkara ini memang kita ambil maklum supaya kerja-kerja pembangunan khususnya ini tidak dilakukan pada saat-saat akhir kerana apabila projek dibuat pada saat-saat akhir kelazimannya ada kemungkinan mereka akan *compromise* dari segi kualiti dan juga proses perolehan tersebut. Apa yang berlaku sekarang ialah semua projek-projek yang perlu dilaksanakan akan dikenal pasti lebih awal dan proses tender itu akan dibuat lebih awal supaya kerja-kerja itu dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan tersusun daripada awal tahun. Statistik yang saya berikan ini adalah jumlah yang telah dibelanjakan dalam soal pembangunan. Projek sebenarnya telah berjalan tetapi pembayaran itu hanya dibuat apabila tahap kemajuan sesebuah projek itu telah diperakui untuk dibuat pembayaran. Maka, saya yakin perbelanjaan pembangunan yang telah ditetapkan, yang telah dianggarkan pada Tahun 2015 adalah sebanyak RM1,133.9 juta itu akan dibelanjakan sepenuhnya. Kerana itulah teguran yang telah dibuat oleh BBC dan Ahli-Ahli Dewan sebelum ini dan saya akan pastikan ia nya dapat dilaksanakan sepenuhnya mengikut jadual.

**TUAN SPEAKER:** Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Tuan Speaker Soalan Nombor 3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI  
(N02 SABAK)**

**TAJUK: *MODERN PIG FARMING***

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) *Progress cadangan modern pig farming?*
- b) Bila jangkaan projek ini akan selesai?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih kepada Sabak yang bertanya berkenaan dengan *modern pig farming*. Setakat ini, Kerajaan Negeri sedang giat untuk *facilitate* ataupun membantu pihak-pihak swasta dengan kerjasama penternak-penternak untuk mewujudkan *modern pig farming*. Tetapi sehingga ke hari ini, belum lagi ada pihak-pihak swasta yang telah pun dipersetujui secara bersama dengan penternak untuk menjayakan projek ini. Dari sudut jangkaan projek ini akan diselesaikan, ia mengambil tempoh 3 tahun, maka oleh yang demikian, dijangkakan beroperasi *Insyaa-Allah* pada 2019. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali. Ya Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tuan Speaker, saya mohon mengambil Soalan Nombor 4.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK: PELABURAN DI SELANGOR**

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
- a) Berapakah jumlah pelaburan masuk ke Selangor sehingga Jun 2015 berbanding 2014?
  - b) Apakah langkah-langkah di sepanjang tahun 2015 untuk menarik pelaburan ke Selangor?

**TUAN SPEAKER:** Peraturan Tetap.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** 4 (2).

**TUAN SPEAKER:** Silakan Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker. Bagi tempoh Januari hingga Mac 2015, sebanyak 62 projek perkilangan diluluskan di negeri Selangor dengan nilai RM1.950 bilion. Manakala sebanyak 58 projek perkilangan dengan nilai pelaburan sebanyak 1.979 bilion telah diluluskan di negeri Selangor bagi tempoh Januari hingga Mac 2014.

Antara langkah-langkah yang diambil sepanjang tahun 2015 bagi menarik pelaburan ke negeri Selangor adalah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan program promosi pelaburan di dalam dan di luar negara.
- (ii) Penyertaan wakil kerajaan dalam misi penggalakan pelaburan perdagangan anjuran *Biotech Corp.*
- (iii) Penerbitan iklan-iklan dalam media cetak dan media elektronik dalam dan luar negara.
- (iv) Program-program pertemuan dengan pelabur sedia ada bagi membantu menyelesaikan isu berbangkit.

- (v) Program bertemu dengan pihak Kedutaan dan Dewan-dewan Perniagaan Asing.
- (vi) Penyertaan di dalam pameran-pameran yang berkaitan dalam dan luar negara.
- (vii) Memantau kemajuan serta membantu mempercepatkan proses cadangan-cadangan pelaburan melalui Mesyuarat Penyelarasan Projek yang dipengerusikan oleh YB. EXCO.
- (viii) Mengadakan mesyuarat IPMC secara berkala bagi membantu menyelesaikan isu-isu infra di kawasan-kawasan perindustrian melalui mesyuarat IPMC yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan.
- (ix) Meningkatkan program *Engagement* bersama *Stakeholder*.

Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULNANDAM:** Soalan Nombor 5, Tuan Speaker.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULNANDAM  
(N49 SERI ANDALAS)**

**TAJUK: PERUNTUKAN PENYELENGGARAAN JALAN-JALAN LUAR BANDAR**

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah peruntukan dari Kerajaan Negeri untuk penyenggaraan Jalan-jalan Luar Bandar (PLB)?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tuan Speaker, Seri Andalas bertanya berkaitan dengan jumlah peruntukan Kerajaan Negeri dengan jalan-jalan luar bandar. Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan RM12 juta ringgit di bawah vot Menteri Besar dan SUK P01/2007 penyelenggaraan jalan kampung untuk tahun 2015 khas untuk menaik taraf jalan-jalan kampung di semua daerah di negeri Selangor. Walau bagaimanapun, kelulusan sesuatu projek adalah tertakluk kepada keperluan serta kewajaran kos projek yang dicadangkan. Sehingga Julai 2015, pihak Unit Perancang Ekonomi telah meluluskan sebanyak 115 buah projek menaik taraf jalan-jalan kampung di semua daerah di Selangor melibatkan peruntukan RM8juta 950,507.78 dengan perincian seperti berikut:

Daerah Petaling dengan 10 buah projek dengan anggaran kos projek RM702,975.00

Klang 11 permohonan projek dengan anggaran kos RM 710,710.00.

Gombak 8 permohonan dengan jumlah anggaran kos RM590,250.00.

Kuala Selangor 18 permohonan projek dengan jumlah anggaran kos RM1,459,350.30.

Kuala Langat 22 permohonan projek dengan anggaran kos RM726,036.00.

Hulu Selangor 19 permohonan projek dengan anggaran kos RM606,014.48.

Hulu Langat dengan jumlah permohonan projek 45 dengan anggaran kos RM2,188,751.00.

Sepang dengan permohonan projek 10 projek. Anggaran kos RM815,344.00.

Sabak Bernam 15 permohonan projek dengan anggaran kos projek RM1,238,050.00 dengan memberikan 155 projek dengan anggaran kos sejumlah RM8,957,507.78. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULNANDAM:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULNANDAM:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak minta, tanya EXCO ini. Terima kasih atas kelulusan atas RM12 juta untuk kerja-kerja luar bandar. Tiap-tiap daerah ini ada *fixed amount* nya yang dibagi kepada mereka ataupun mereka minta lepas membuat kertas kerja untuk adakan beberapa kawasan mereka nak baiki di dalam daerah itu dan saya minta adakah EXCO pun minta DO-DO di semua Pejabat Tanah untuk hubungi ADUN-ADUN Tempatan untuk tahu mana kawasannya untuk dimajukan atau dibaiki sebab ini soalan ini, saya tak dapat apa-apa surat dari Pejabat Tanah Klang. Sampai sekarang ini, apakah cagaran mereka dan manakah mereka nak telah belanjakan RM700,000.00, betul ke RM700,000.00 Klang telah dibelanjakan sampai sekarang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih, Sri Andalas. Strategik Kerajaan Negeri dengan adanya peruntukan RM12 juta adalah menguruskan ataupun menguruskan jalan-jalan kampung yang di atas tanah rizab kerajaan. Dan ini kita memberikan maklumat kepada semua Pejabat-pejabat Tanah/Daerah untuk dibincangkan di peringkat daerah, bersama-sama juga Ketua Kampung, Penghulu dan juga Ahli Dewan Negeri melalui pembangunan daerah untuk melihat jalan-jalan

yang menjadi *priority* kepada semua-semua kampung yang ada di daerah tersebut. Pihak Kerajaan Negeri tidak memberikan kuota-kuota tertentu kepada daerah-daerah daripada peruntukan ini. Dan di bahagian Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor, Bahagian Agihan akan menerima permohonan-permohonan dari daerah-daerah dan seterusnya mempertimbangkan dan meluluskan cadangan-cadangan yang dikemukakan dan kemudian akan menurunkan waran untuk pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan Tambahan, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, ada tak bercadang untuk mengkaji sistem yang sedia ada. Saya ambil contoh, kalau untuk daerah Gombak, saya difahamkan 8 projek yang dimohon, dan lima ratus, lebih kurang RM560,000.00, tetapi sebenarnya apa maklum balas yang kita terima daripada JKKKK adalah banyak permohonannya yang mereka mohon itu sebenarnya telah ditolak atas dasar peruntukan yang tidak mencukupi daripada kerajaan negeri. Jadi, ada tak saya cadangkan, ada tak kerajaan negeri akan mengkaji supaya rasionalnya kita dikira ikut jumlah perkampungan dan menilai apa keperluan-keperluan sebab bukan semua kampung hendak naik taraf jalan dan sebagainya, ada permohonan yang lain supaya peruntukan itu lebih *to reflect* dengan izin apa yang keperluan sebenarnya yang di setiap kampung di Selangor ini.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Kerajaan Negeri merancang untuk terus mengadakan penambahbaikan daripada segi kewangan untuk pembiayaan jalan kampung yang mana sebenarnya kerajaan kalau dulunya kita kalau ada, kita pulangkan kepada daerah untuk berbincang dengan daerah bersama-sama ketua-ketua kampung, Cuma apa yang kita dapati sebilangan besar permohonan-permohonan tidak dapat diterima kerana permohonan-permohonan yang tidak lengkap. Pun begitu, di peringkat negeri sedang menyediakan *checklist* dan juga dalam bentuk *template* keperluan permohonan-permohonan yang akan diajukan kepada, supaya permohonan itu akan dapat, proses itu dapat dilakukan dengan lancar. Dan saya akan lihat semula, kalau kita melihat kepada kelulusan yang pernah kita luluskan supaya ada satu jawatankuasa pengurusan jalan di peringkat daerah. Ini termasuklah pengurusan kewangan, kiraan jalan MARIS yang mana saya kira dengan adanya jawatankuasa itu ia boleh dapat diperbaiki dengan mempertimbangkan keperluan-keperluan penyelenggaraan jalan-jalan kampung, jalan-jalan PBT, jalan-jalan JKR dan juga jalan JPS bandaran atau pun jalan luar bandar. Jadi, saya kira proses penambahbaikan itu perlu terus dilakukan dan saya selaku EXCO yang dipertanggungjawabkan, jalan kampung akan melihat perkara-perkara ini supaya ia dapat dijalankan dengan sebaik mungkin.

Selain daripada itu, kerajaan juga bersetuju memperuntukkan sebanyak RM10 juta daripada MARIS untuk selenggara jalan kampung pada tahun ini. Saya kira jumlah, kalau ikutkan jumlah agak besarlah, jadi kalau daripada kerajaan negeri secara langsungnya adalah RM12 juta ditambah pula dengan jalan-jalan peruntukan MARIS RM10 juta, ada RM22 juta yang saya kira sepatutnya sekiranya dirancang dengan baik dia dapat diselenggarakan sebanyak yang boleh untuk penyelenggaraan jalan-jalan di kawasan luar bandar ini. Pun begitu, kita akan terus menambah baik untuk perancangan tahun hadapan. Terima kasih

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULNANDAM:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULNANDAM:** Terima kasih kepada EXCO. Saya nak minta EXCO untuk bagikan *checklist* itu kepada semua ADUN lah. Saya, sampai sekarang tak tahu apa *checklist* dia untuk kita lulus atau pun kita nak buat permohonan untuk jalan-jalan luar bandar. Kalau boleh minta EXCO untuk bagi satu *checklist* untuk kitalah, untuk teliti dan kita boleh buat demikian.

**TUAN SPEAKER:** Itu cadangan Sri Andalas, bukan soalan. Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan ke-6.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: PERTELINGKAHAN ANTARA FAS DENGAN FAM**

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah sebab utama FAS enggan melepaskan pemain-pemain Selangor kepada pasukan kebangsaan dalam persediaan melawan pasukan Liverpool memandangkan peluang beraksi bersama-sama pasukan bertaraf antarabangsa adalah sangat penting bagi pemain-pemain tempatan?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Kampung Tunku atas soalan yang telah dibangkitkan. Pertamanya saya nak jelaskan tajuk soalan ini. Saya rasa tidaklah begitu tepat, mengatakan bahawa pertelingkahan di antara Persatuan Bola sepak Selangor dan FAM. Hanya ada sedikit perbezaan pandangan terhadap usaha untuk melepaskan pemain-pemain Selangor ketika perlawanan persahabatan di antara pasukan kebangsaan dan pasukan Liverpool pada 24 hari bulan Ogos yang

lalu. Lain-lain perkara saya rasa tidak ada pertelingkahan besar, hanya ada sedikit perbezaan.

Faktor pertama yang menyebabkan pihak pengurusan Persatuan Bola Sepak ataupun pasukan Liga Super, kita tidak membenarkan pemain-pemain beraksi dalam perlawanan tersebut adalah disebabkan oleh faktor jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada tahun ini jadual Liga Super telah berubah beberapa kali dan di antara faktor yang paling besar telah menyebabkan pemain-pemain kita terpaksa beraksi lima kali dalam bulan Ramadhan Al-Mubarak. Prestasi yang telah ditunjukkan itu menyebabkan pemain-pemain terpaksa berdepan dengan jadual-jadual yang ketat dan akhirnya akan memberikan keletihan yang agak berat kepada pemain-pemain dan selebih daripada itu pula, kita terpaksa melambatkan permainan kita berbanding dengan pasukan-pasukan lain iaitu pada 3 Ogos iaitu kira-kira 3 hari ataupun sebelum 4 hari kita berhari raya Aidilfitri. Pasukan-pasukan lain habiskan permainan pada bulan Ramadhan pada 8hb Ogos tetapi pasukan negeri Selangor dan pasukan JDT terpaksa berlawan pada 13hb Ogos disebabkan perubahan jadual. Atas sebab-sebab tersebut dan hasil perbincangan di antara pemain-pemain pasukan dan pengurusan pasukan negeri Selangor kita menganggap panggilan pasukan kebangsaan pada tarikh 19 itu agak membebankan sebahagian besar pemain dan juga memberikan faktor keletihan yang agak berat kepada pemain-pemain untuk beraksi pada hari depan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, atas faktor-faktor tersebut dan faktor ketiga, berkenaan dengan jadual juga, berkenaan dengan jadual yang terpaksa ditempuhi pada perlawanan pada masa ini. Selepas liga berjalan dalam beberapa bulan yang lepas, perlawanan berjalan selang satu minggu iaitu pada setiap hari Sabtu. Namun bermula pada bulan Ogos ini iaitu selepas Hari Raya Aidilfitri, perlawanan dilangsungkan setiap 3 hari, iaitu bagi setiap minggu pada perlawanan hari Rabu dan ada perlawanan pada hari Sabtu. Dan ini juga akan memberikan tambahan bebanan keletihan kepada pemain-pemain dan kita terpaksa menyediakan pasukan kita dengan keadaan yang terbaik dengan kadar kekuatan dan saiz pasukan yang sedia ada.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, keputusan yang kita buat ini juga adalah berdasarkan kepada penelitian pihak pengurusan terhadap perkara 36 Peraturan FIFA Perkara D, iaitu perlawanan yang di luar daripada jadual ataupun di luar daripada perjalanan yang telah ditetapkan oleh badan induk bola sepak dunia iaitu FIFA. Perlawanan ini diuruskan oleh pihak *promoter* diambil tanggungjawab oleh FAM dan ia di luar daripada kalendar yang telah ditetapkan oleh FIFA dan *ranking* ataupun memberikan kesan kepada *ranking* pasukan negara ataupun kedudukan pasukan negara. Malahan, pasukan Selangor telah membenarkan pemain-pemain untuk beraksi pada perlawanan persahabatan bersama dengan pasukan Tottenham Hot Spurs ataupun yang dipanggil Spurs beberapa bulan sebelum perlawanan ini.

Dan kesan daripada perlawanan tersebut, bapa pemain-pemain utama kita termasuk penyerang dan pemain-pemain tengah yang cukup vital kepada pemain tempatan kepada pasukan negeri Selangor berdepan dengan keletihan dan akhirnya berdepan dengan kecederaan.

Berdasarkan pada faktor-faktor yang saya sebutkan tadi, itulah antara faktor yang menyebabkan pengurusan pasukan bola sepak negeri Selangor mengambil kira untuk tidak melepaskan pemain atas sebab-sebab yang ada landasan daripada peraturan FIFA dan faktor-faktor perlawanan liga pada masa depan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Soalan nombor 7.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK: PEKERJA LADANG**

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan jumlah perumahan yang dibina dalam kawasan ladang dan dibeli/dimiliki oleh pekerja ladang mengikut daerah di Selangor?
- b) Apakah tindakan kerajaan dalam menyelesaikan status pemilikan perumahan di kawasan ladang?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih kepada Tanjung Sepat yang sentiasa peka kepada nasib pekerja ladang.

Tuan Speaker,

Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang tidak menyimpan sebarang data berkenaan perumahan di kawasan ladang. Dan sehingga kini, tiada dasar atau perancangan khusus untuk membantu mengatasi masalah pemilikan rumah kediaman bagi bekas pekerja-pekerja ladang di negeri Selangor. Namun begitu di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang, kerajaan negeri telah mengambil beberapa langkah dan inisiatif dalam menangani masalah ini dengan melaksanakan beberapa siri lawatan dan turun padang ke ladang-ladang di seluruh negeri Selangor bagi mendapatkan maklum balas, pandangan dan permasalahan



yang dihadapi oleh pekerja ladang berkenaan bagi membantu menjaga kebajikan pekerja ladang.

Di bawah Portfolio Pekerja Ladang juga, kami sentiasa mengadakan sesi perbincangan bersama majikan dan atau pemilik ladang tersebut dalam mengekalkan *facilities* sedia ada seperti tapak rumah ibadat serta sekolah-sekolah di kawasan estet sebagai kemudahan pekerja ladang mereka itu sendiri. Apabila ladang dibangunkan, kami amat menitik beratkan nasib pekerja ladang dalam mendapatkan kediaman yang selesa untuk mereka mendiami apabila ladang dibangunkan seperti:

- a) Ladang bukit Rajah  
Seramai 75 keluarga telah dibantu dalam memiliki rumah teres satu tingkat dengan harga diskaun di bawah Portfolio Pekerja Ladang. Selain itu juga, portfolio Pekerja Ladang telah membantu mereka untuk mendapatkan tapak kuil sebagai kemudahan kepada mereka;
- b) Ladang Bangi  
Seramai 22 keluarga pekerja ladang telah dibantu bagi mendapatkan persetujuan oleh pemilik ladang dalam membina rumah kos rendah dan kos ditanggung sepenuhnya oleh pemilik ladang tersebut;
- c) Ladang Semenyih  
Seramai 22 orang pekerja ladang telah mendapat manfaat berdasarkan perbincangan bersama majikan dan mereka bersetuju untuk membina 22 buah rumah kepada pekerja ladang serta memberikan tapak rumah ibadat dan mengekalkan tapak sekolah Tamil;
- d) Ladang Tumbok  
Seramai 12 keluarga telah diberi bantuan untuk mendapatkan rumah dan atau tapak rumah;
- e) Ladang Dunedin  
Seramai 22 keluarga telah dibantu bagi mendapatkan rumah serta tapak rumah ibadat untuk mendirikan kuil dan gereja;
- f) Ladang Dusun Durian  
Seramai 107 keluarga sedang dibantu bagi penempatan semula dalam memiliki rumah kediaman sendiri serta tapak kuil;
- g) Ladang Elmina East  
Perbincangan dengan pemaju telah diadakan untuk menyediakan rumah kos rendah dengan harga munasabah dan tapak rumah ibadat kepada 16 keluarga;

h) Ladang RRI

Di mana Pembangunan Kwasa Land, perbincangan telah memuktamadkan penyediaan tapak sekolah Tamil dan juga perbincangan mengenai tapak kuil masih diteruskan.

Bagi penempatan semula bagi bekas pekerja ladang daripada Putrajaya seramai 393 keluarga daripada Taman Permata Dengkil, kerajaan negeri juga telah menyerahkan seluas 30 ekar tanah kepada kerajaan pusat dalam membina rumah teres kepada mereka.

Portfolio Pekerja Ladang masih meneruskan perbincangan sebegini demi memastikan hak dan kebajikan pekerja ladang dijaga. Dengan cara begini, boleh dikatakan satu pencapaian yang agak besar oleh kerajaan negeri di bawah Portfolio Pekerja Ladang dengan menunjukkan peningkatan terhadap jumlah pekerja ladang yang dibantu dari tahun-tahun sebelum ini. Ini adalah satu kejayaan kerajaan negeri dalam memberikan bantuan kepada para pekerja ladang dan bekas pekerja ladang. Hal ini boleh dianggap sebagai satu kejayaan di bawah Portfolio Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang dalam membantu mengatasi masalah pemilikan dan rumah kediaman yang dihadapi oleh pekerja ladang secara tidak langsung. Kerajaan negeri Selangor amat menitikberatkan nasib pekerja ladang kerana golongan ini dianggap terpinggir dan tumpuan lebih harus diberikan kepada mereka dalam memastikan kebajikan mereka dijaga.

Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang sedar dan peka akan keperluan memiliki kediaman sendiri di kalangan pekerja ladang dan bekas pekerja ladang disebabkan oleh peningkatan harga rumah pada masa kini yang tidak mampu dimiliki oleh sebahagian besar pekerja ladang. Kediaman yang diduduki oleh pekerja ladang adalah hak milik ladang tersebut. Kerajaan negeri Selangor tidak mempunyai kuasa terhadap tanah hak milik persendirian.

Namun begitu, kerajaan negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Kerajaan Prihatin telah memberi peluang kepada semua rakyat di negeri Selangor yang mempunyai tanah di atas nama sendiri untuk memiliki sebuah rumah bantuan dengan syarat Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin ini adalah terbuka kepada seluruh rakyat di negeri Selangor dan termasuklah kepada pekerja ladang dengan mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI:** Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Permatang. Ya, Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI:** Tuan Speaker, Peraturan 24(2) mengambil soalan no.8.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK: JAMBATAN KETIGA KLANG**

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
- a) Apakah status terkini pembinaan jambatan ketiga Klang?
  - b) Bagaimanakah proses dan berapakah kos pengambilalihan tanah bagi kawasan yang terlibat?
  - c) Nyatakan kos, nama syarikat kontraktor dilantik dan proses tender pembinaan?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih kepada Permatang yang bertanya berkaitan dengan Projek Jambatan Ketiga Klang. Status kini adalah di peringkat pembinaan untuk fasa 1 dengan kemajuan di tapak sebanyak 36.18% berbanding dengan jadual 34.0%. Maka alhamdulillah kita telah pun mendahului jadual dengan 2.18%.

Manakala proses pengambilan tanah dilaksanakan oleh pejabat tanah (Pejabat Daerah dan Tanah Klang) dengan mematuhi Akta Pengambilan Tanah 1960.

Kos keseluruhan pengambilan adalah sebanyak RM41,497,553.91 dan kos kontrak bagi fasa 1 ini adalah sebanyak RM199,156,069.39 dan telah pun dianugerahkan kepada Syarikat Cergas Murni Sdn. Bhd. secara tender terbuka. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kajang.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Soalan nombor 9. Terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(N25 KAJANG)**

**TAJUK: INDUSTRI AIR**

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah butiran tambahan kepada perjanjian penstrukturan pengurusan industri air di Selangor (*supplementary agreement*)?
- b) Berapakah kos terkini yang perlu ditanggung PAAB untuk mengambil alih Puncak Niaga, SYABAS, ABBAS dan SPLASH?
- c) Apakah manfaat yang akan diperolehi rakyat serta kesannya kepada skim air percuma?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Y.B. Speaker dan Y.B. Kajang. Setelah saya meneliti soalan-soalan yang diajukan dalam Sidang kali ini, saya mendapati terdapat beberapa soalan yang telah dibangkitkan berhubung penstrukturan semula industri perkhidmatan air di negeri Selangor dan yang melibatkan perjanjian tambahan yang ditandatangani sebelum ini.

Saya pohon persetujuan Y.B. Speaker untuk menjawab soalan-soalan nombor 9 daripada Y.B. Kajang, nombor 122 daripada Meru, 170 daripada Tanjung Sepat, 179 daripada Sungai Burong, 213 daripada Sekinchan dan 215 Batang Kali. Oleh kerana ia melibatkan 6 soalan dan perkara yang kita bincangkan ini adalah perkara yang amat penting, saya pohon sedikit masa tambahan kerana banyak kejayaan yang telah kita capai dan saya perlu maklum pada Dewan kerana kalau saya gagal ini ada pihak yang minta saya letak jawatan. Jadi, saya nak *share* lah kejayaan kerajaan negeri dalam memuktamadkan perjanjian utama ini.

Y.B. Tuan Speaker,

Izinkan saya untuk menumpukan jawapan kepada 3 perkara utama iaitu pertama isu yang berbangkit di dalam memenuhi CP ataupun *condition precedent* perjanjian utama hingga membawa termeterainya perjanjian tambahan. Kedua, kos pengambilalihan syarikat konsesi air di bawah penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor dan yang ketiga status pajakan tanah negeri selepas penstrukturan semula.

Dalam usaha untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor, pada 12 September 2014 perjanjian utama ataupun *master agreement* telah ditandatangani di antara kerajaan negeri, kerajaan persekutuan, Pengurusan Aset Air Berhad atau PAP dan Pengurusan Air Selangor Berhad ataupun Air Selangor. Dalam perjanjian utama telah dipersetujui bahawa aset-aset air milik kerajaan negeri berserta tanah. Ini perlu dijelaskan. Aset-aset air milik kerajaan negeri berserta tanah bernilai sehingga RM2bilion akan dipindah milik kepada PAP oleh Air Selangor untuk Air Selangor mendapatkan pembayaran tunai berjumlah RM2bilion bagi membiayai pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi. Antara aset air yang telah disenaraikan untuk dipindah milik adalah:-

- a) Loji Rawatan Air Sungai Semenyih;
- b) Loji Rawatan Air Bukit Nanas;
- c) Loji Rawatan Air Sungai Langat; dan
- d) Loji Rawatan Air SSP 1.

Dalam mesyuarat yang diadakan di Qatar pada 16 Februari 2015, dimaklumkan bahawa kerajaan persekutuan menuntut bahawa aset-aset air yang terletak di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya iaitu Loji Rawatan Air Sungai Semenyih dan Loji Rawatan Air Bukit Nanas adalah hak milik kerajaan persekutuan. Kerajaan persekutuan enggan menerima pindah milik tapak tanah dan kedua-dua aset air tersebut sebagai aset yang akan dipindah milik kepada PAP. Tiga perkara utama telah menjadi pertikaian hingga menyebabkan *condition president* di dalam perjanjian utama tidak dapat dipenuhi iaitu:-

- a) Pertikaian hak milik aset-aset air di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya;
- b) Aset-aset air syarikat konsesi yang terletak di negeri Selangor yang perlu dipindahkan bersekali dengan tanah; dan
- c) Aset-aset air di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya ataupun KPWA.

KPWA terdiri daripada aset-aset air yang terletak di Wilayah Kuala Lumpur dan Putrajaya seperti paip, kolam-kolam air, stesen pam serta aset-aset yang digunakan untuk pentadbiran aktiviti-aktiviti perkhidmatan bekalan air seperti pejabat pentadbiran, pusat pungutan bayaran bil-bil air, pusat latihan, kuarters kakitangan dan sebagainya. Aset-aset ini telah disenaraikan dan termasuk sebagai aset-aset air di bawah perjanjian konsesi SYABAS di mana *right of use* ke atas aset-aset ini telah diberikan kepada SYABAS selama tempoh perjanjian konsesi. Kerajaan persekutuan pada awalnya berpendirian seperti berikut:-

- a) Aset air yang terletak di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya seperti Loji Rawatan Air Bukit Nanas dan Loji Rawatan Air Sungai Semenyih adalah hak milik kerajaan persekutuan. Kerajaan persekutuan enggan menerima pindah milik tapak tanah dan kedua-dua aset air tersebut sebagai aset yang akan dipindah milik kepada PAP;
- b) Pemindahan hak milik aset-aset air syarikat konsesi ataupun CCWA yang terletak di negeri Selangor hendaklah dipindah milik kepada PAP bersama-sama hak milik tanah tapak tanah aset-aset air tersebut; dan

- c) KPWA tidak akan ditangani dalam langkah penstrukturan industri air ini dan akan ditangani secara berasingan mengikut kaedah yang akan dipersetujui bersama di antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan kelak.

Y.B. Tuan Speaker,

Kerajaan Negeri tidak boleh bersetuju dengan pendirian kerajaan persekutuan atas sebab-sebab berikut. Pertama, berhubung pertikaian hak milik aset-aset air di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Seperti yang telah saya jelaskan dengan panjang lebar dalam sesi yang lalu, kerajaan negeri berpandangan bahawa dalam perjanjian utama atau *master agreement* yang ditandatangani pada 12 September 2014 telah pun disenaraikan Loji Rawatan Air Sungai Semenyih dan Loji Rawatan Air Bukit Nanas di dalam apendiks 3 sebagai aset-aset air milik kerajaan negeri Selangor. Perjanjian utama tersebut di dalam apendiks 3 telah diteliti oleh kerajaan persekutuan dan seterusnya ditandatangani dan diturunkan *initial* pada setiap helaian perjanjian utama sebagai tanda bersetuju kedua-dua aset tersebut adalah milik kerajaan negeri Selangor. Saya juga telah menyatakan dalam sesi yang lepas, kalau kita melihat apendiks 3 dalam perjanjian utama, tajuknya juga ialah '*Air Selangor Water Assets*' dan disenaraikan Sungai Semenyih dan Bukit Nanas sebagai 2 aset daripada 4 aset yang diserahkan dan ditandatangani oleh kerajaan persekutuan menunjukkan penerimaan kerajaan persekutuan kedua-dua aset ini adalah milik kerajaan negeri Selangor.

Yang keduanya aset-aset air milik air syarikat konsesi yang terletak di Negeri Selangor yang perlu dipindahkan bersekali dengan tanah yang ini menjadikan pertikaian hebat kerana saya bagi pihak rakyat negeri Selangor tidak akan membenarkan Kerajaan Persekutuan mendesak Kerajaan Negeri untuk memindahkan aset-aset ini bersekali dengan tanah. Dalam perjanjian utama yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan pada 12 September 2014 telah secara khusus menyatakan aset-aset milik syarikat konsesi atau CCWA akan dipindahkan aset sahaja dan bukan tanah yang berkenaan. Sekali lagi ianya terkandung dalam Apendiks 7 yang dengan jelas menunjukkan tajuknya '*List Of Consention Companys Water Aset*' yang juga menyenaraikan aset-aset berkenaan dengan tajuk '*Upgraded And Rebailed Part Of The Following Water Treatment Plants*'. Ini menunjukkan persetujuan yang telah dicapai pada ketika itu aset-aset ialah milik syarikat konsesi ini akan dipindah milik aset sahaja dan bukan tanah yang berkenaan. Maka Kerajaan Negeri Selangor telah menyenaraikan aset-aset milik syarikat konsesi air yang akan dipindah milik kepada PAAB secara terperinci di dalam Apendiks 7 yang mengandungi beberapa aset-aset milik syarikat konsesi termasuk '*Upgraded And Rebailed Part Of The Following Water Treatment Plants*'. Maknanya bukan semua aset itu akan dipindah milikan, tapak tanah aset milik syarikat konsesi air tidak akan termasuk dalam senarai aset syarikat konsesi yang akan dipindah milik kepada PAAB.

Isu ketiga ialah aset-aset air di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang tidak termasuk dalam senarai CCWA iaitu KPWA tidak pernah dibangkitkan oleh Kerajaan Persekutuan. Sepanjang rundingan malahan tidak pernah disebut di dalam *Memorandum of Understanding dan Head of Agreement* mengenai penstrukturan semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air namun Kerajaan Negeri mendesak supaya perkara ini diambil kira dalam *Supplementary Agreement* supaya diselesaikan dalam *Facility Agreement* untuk mengelakkan gangguan operasi apabila Kerajaan Negeri mengambil alih sepenuhnya Industri Perkhidmatan Air ini. Lanjutan daripada pertikaian tersebut beberapa siri perbincangan rundingan telah diadakan Pegawai yang diketuai oleh Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, wakil daripada UPEN dan juga daripada wakil Air Selangor. Selain daripada peringkat pegawai, Saya sendiri telah mengadakan beberapa perbincangan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Teknologi Hijau dan Air seperti tarikh berikut, pertemuan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 29 Jun 2015. Kedua pertemuan dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 1 Julai 2015, khusus untuk membincangkan soal air bukan soal yang lain. Ketiga pertemuan dengan YB Menteri KETTAH pada 19 Mei 2015, 18 Jun 2015, 23 Jun 2015 dan 30 Jun 2015. Rundingan yang diadakan menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri di dalam mempertahankan kepentingan rakyat di dalam Negeri Selangor supaya apa juga persetujuan yang dicapai antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor di dalam memuktamadkan dalam penstrukturan semula industri perkhidmatan air ini di tidak memberikan kesan sampingan kepada rakyat negeri Selangor. Hasil daripada rundingan yang telah diadakan tersebut perkara-perkara yang telah dipersetujui untuk dimuktamadkan dalam perjanjian tambahan adalah seperti berikut :-

1. Isu loji rawatan air Semenyih dan loji rawatan air Bukit Nanas. Loji rawatan Sungai Semenyih dan Loji Rawatan Air Bukit Nanas akan kekal dalam perjanjian utama di dalam Apendiks 3 namun bagi tujuan meneruskan penstrukturan semula ini 4 Aset baru dimasukkan dalam perjanjian tambahan sebagai Apendiks 3A sebagai menggantikan loji rawatan Sungai Semenyih dan loji rawatan air Bukit Nanas.
2. Aset-aset air syarikat konsesi CCWA yang terletak di Negeri Selangor. Bagi CCWA yang telah terletak di dalam negeri Selangor pemindahan hak milik CCWA kepada PAAB tidak termasuk hak milik tapak tanah dan ini adalah kejayaan terbesar Kerajaan Negeri untuk mempertahankan tapak-tapak tanah ini tidak diserahkan kepada PAAB. Manakala CCWA yang terletak di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bersetuju memberi hak milik tapak tanah kepada PAAB bagi

membolehkan aset air tersebut dipajakkan secara sempurna oleh PAAB kepada Air Selangor.

3. Lesen kemudahan *Facility Licence*. Lesen kemudahan ke atas kesemua aset yang tidak dipindah milik kepada PAAB dan terletak di dalam negeri Selangor akan dikeluarkan di dalam kepada Air Selangor bagi membolehkan Air Selangor memiliki kesemua aset-aset air tersebut. Ini satu lagi kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan Negeri mana kala lesen kemudahan akan dikeluarkan kepada PAAB bagi aset-aset air yang terletak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Putrajaya dan juga untuk 5 loji di Selangor yang akan dipindah milik daripada Air Selangor kepada PAAB untuk membolehkan PAAB memiliki aset-aset air tersebut dan seterusnya memajakkan kepada Air Selangor.
4. Lesen Perkhidmatan. Air Selangor akan diberikan lesen perkhidmatan untuk menjalankan perkhidmatan bekalan air di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dan yang
5. Aset-aset air di Wilayah Persekutuan dan Putrajaya atau yang di sebut KPWA bagi memastikan penstrukturan air yang holistik bagi menyeluruh KPWA perlu ditangani di dalam perjanjian tambahan dan dimasukkan sebagai salah satu syarat terdahulu di mana isu KPWA mesti diselesaikan ketiga terma-terma perjanjian *Facility Agreement dan List Agreement* dipersetujui. Antara lain pajakan KPWA kepada Air Selangor perlu diperuntukkan sebagai obligasi ke atas PAAB di dalam *Facility Agreement dan List Agreement*. Perjanjian tambahan kepada perjanjian utama telah dimeterai pada 10 Julai 2015 yang baru lalu bagi membolehkan penstrukturan semula Industri Air diteruskan dan untuk memastikan tiada lagi masalah berbangkit di kemudian hari mengenai kesamaran dan ketidaktentuan terma perjanjian utama. Perjanjian tambahan ini adalah lebih terang atau lebih konklusif jelas dalam perinciannya dalam penyelesaian dan kemenangan ataupun *win win situation* kepada semua pihak yang terlibat. Oleh yang demikian perjanjian tambahan ini harus dilihat sebagai sesuatu yang positif ke arah pencapaian matlamat semua pihak iaitu untuk memuktamadkan perjanjian utama di dalam tempoh yang telah dipersetujui. Perjanjian tambahan juga telah memanjangkan tempoh untuk menyempurnakan perjanjian utama selama 60 hari bermula daripada tarikh perjanjian tambahan berkenaan. Lanjutan tarikh penyelesaian perjanjian utama ini juga akan memudahkan penyempurnaan perjanjian jual beli yang telah ditandatangani daripada Air Selangor dan Puncak Niaga Holding Berhad untuk pengambilalihan kepentingan ikuti sebanyak 70% di dalam Syarikat Bekalan Air Selangor ataupun SYABAS dan kepentingan ekuiti sebanyak 100% di dalam Puncak Niaga Sdn Bhd. Akhirnya lanjutan daripada termeterai bahan



kepada 10 Julai 2015 pengambilalihan operasi SYBAS oleh Air Selangor dijangka dimuktamadkan lepas bayaran pengambilalihan diselesaikan oleh PAAB. Untuk membolehkan pembayaran dibuat perjanjian kemudahan dibuat ataupun *Facility Agreement* perjanjian pajakan di antara Air Selangor dan PAAB dimuktamadkan di mana di bawah perjanjian tambahan kepada perjanjian utama penstrukturan semula Industri Perkhidmatan air Negeri Selangor yang ditandatangani pada 10 Julai 2015 tempoh untuk memuktamadkan perjanjian kemudahan adalah 60 hari daripada 10 Julai 2015.

Di bawah perjanjian konsesi perjanjian pemegang konsesi SYABAS, SPLASH, Puncak Niaga dan ABASS syarikat pemegang konsesi diberikan hak untuk menggunakan tanah-tanah negeri ataupun *state land* selagi mana perjanjian konsesi masih berkuat kuasa. Tanah-tanah negeri itu tidak dipajakkan dan tiada suratan hak milik dikeluarkan untuk kegunaan syarikat-syarikat pemegang-pemegang konsesi air. Melalui penstrukturan semula Industri Air, Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju untuk memindahkan aset air termasuk bahagian tanah di mana aset air itu berada kepada aset air Selangor. Syarikat milik Kerajaan Negeri, sebahagiannya akan dipajak kepada pengurusan aset Air Berhad bagi tempoh 45 tahun untuk membiayai dana pengambilalihan syarikat-syarikat pemegang konsesi air berkenaan. Kerajaan Negeri telah menetapkan syarat-syarat yang cukup ketat bagi kesemua tanah-tanah ini termasuk seperti berikut kegunaan tanah hanya untuk kegunaan berkaitan dengan bekalan air sahaja bagi tanah yang dipajak kepada PAAB selepas tempoh 45 tahun PAAB akan menyerahkan semula tanah pajakan ini kepada Pihak Berkuasa Negeri Selangor dan sekiranya air Selangor tidak lagi menjadi operator bekalan air di Negeri Selangor sebelum atau selepas tempoh 45 tahun berkenaan tanah-tanah milik kerajaan hendaklah dikembalikan semula kepada Pihak Berkuasa Negeri Selangor.

Tajuk yang terakhir ialah tentang kos pengambilalihan syarikat konsesi air di bawah penstrukturan semula Industri Perkhidmatan Air di Negeri Selangor. Harga tawaran pengambilalihan syarikat pemegang konsesi air keseluruhan kekal sehingga hari ini berjumlah RM1.68 bilion untuk 3 buah syarikat. Iaitu RM1.07 bilion untuk pengambilalihan Puncak Niaga Sdn Bhd., RM0.52 bilion untuk Syarikat Bekalan Air Selangor dan RM0.09 bilion untuk Konsortium ABASS Sdn Bhd. Kos pengambilan syarikat-syarikat pemegang konsesi air adalah kos yang perlu ditanggung oleh Air Selangor untuk membiayai kos pengambilan ini, Air Selangor telah bersetuju untuk memindahkan air dan tanah yang bernilai RM2 bilion kepada PAAB untuk jumlah pertimbangan tunai sehingga 2 bilion ringgit bagi Air Selangor untuk membiayai pengambilan 100% kepentingan ekuiti di dalam syarikat-syarikat pemegang konsesi air iaitu SYABAS, Puncak Niaga, Malaysia Sdn Bhd, ABASS dan Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd ataupun SPLASH. Ketika ini rundingan dengan pihak SPLASH masih lagi berjalan, Air Selangor telah diberi tempoh selama 12 bulan selepas tamat perjanjian utama untuk menyelesaikan pengambilalihan SPLASH.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Bagi mengakhiri jawapan pada pagi ini, bagi pihak Kerajaan Negeri, Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, Timbalan Pengarah Seksyen Makro dan Penswastaan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor dan CEO Air Selangor yang telah menyetujui delegasi Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan perkara yang menjadi pertikaian sekian lama dan akhirnya dengan komitmen dan kesungguhan telah berjaya mempertahankan hak rakyat negeri Selangor dalam industri perkhidmatan air. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang

**Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB:** Terima kasih Dato' Menteri Besar di atas jawapan yang lengkap komprehensif. Adakah Kerajaan bercadang untuk menerbitkan penyelarasan daripada Dato' Menteri Besar sebagai sebuah '*booklet*' semua jawatan dan rakyat?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang, saya memaklumkan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Air Selangor untuk segera menyiapkan satu penjelasan yang lebih mudah difahami supaya tidak timbul fitnah dan tohmahan di kalangan rakyat dalam usaha kita untuk berikan khidmat air ini kepada rakyat negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kajang

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Terima kasih kepada Y dan tahniah tetapi saya nak tanya kesan susulan rakyat Selangor, apakah tarif air apa semua dijamin tidak naik dan apabila apa ini bekalan itu tidak akan terganggu di masa-masa yang akan datang?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Kajang, sudah tentu satu keprihatinan yang bertanggung jawab untuk memastikan Industri Perkhidmatan Air Selangor ini tidak dibebankan kepada pengguna khususnya di kalangan rakyat dan juga industri. Kita sedia maklum, bahawa Industri Perkhidmatan Air Negeri Selangor ini agak *fragmented* dan tidak diuruskan dengan baik sebagai contoh masalah yang besar ialah masalah NRW yang tinggi dan tidak dapat ditangani dan salah satu tujuan pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi ini ialah kerana Kerajaan Negeri yakin kita dapat menguruskan industri ini dengan lebih efisien, efektif, mesra pengguna dan dapat memberikan khidmat yang lebih baik. Pengalaman kita dalam kumpulan ABASS membuktikan bahawa Kerajaan Negeri mempunyai potensi untuk memberikan khidmat yang lebih baik.

Tentang kadar tarif pada ketika ini Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk menaikkan kadar tarif tetapi untuk jangka panjang akan melihat bagaimana penstrukturan semula ini dapat dimuktamadkan telah selesai perbincangan kita dengan SPLASH dan sudah tentu adalah kos kepada *restrucing* balik industri ini, namun tanggungjawab kerajaan negeri untuk tidak membebankan rakyat itu sedang diteliti pada masa yang sama kita mahu memberikan perkhidmatan yang baik sudah tentu ada kosnya termasuk bagaimana usaha-usaha kita untuk kita kurangkan NRW yang pada masa ini telah mencapai peratusan yang agak tinggi 35 peratus dan untuk mengurangkan ini ia memerlukan satu kos yang agak besar dan bagaimana kita dapat memastikan kos ini tidak di pindahkan kepada pengguna sehingga membebankan mereka. Ini tanggungjawab kerajaan negeri dan saya memberikan jaminan kita akan memberikan perhatian kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kajang.

**TUAN SPEAKER:** Semenyih.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ:** Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin bertanya dalam tempoh penstrukturan ini dah ditandatangani mungkin siapnya 2018 atau 2019 mungkin ada tempoh proses ini saya lihat di kawasan khususnya di DUN Semenyih setiap hari ada taman yang tak dapat air. Contohnya hari ini hari yang ketiga Taman Pelangi Semenyih 2, hari yang ketiga dah tak ada air. Sebelum itu ada banyak lagi taman. Apakah langkah kerajaan negeri mengatasi kebanyakan isu selain daripada ammonia, paip pecah setiap hari. Dah hampir empat bulan ke lima bulan setiap hari di DUN saya. Jadi saya ingin penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Semenyih tentang perkara yang dibangkitkan. Cuma saya nak jelaskan tadi Yang Berhormat Semenyih ada sebut bahawa proses ini mungkin siap dalam tempoh 2017, 2018 cuma saya nak jelaskan sedikit dia ada dua perkara yang berbeza. Pertama isu penstrukturan semula industri air. Yang ini kita telah pun muktamadkan pada 10 Julai yang lepas dan dalam perjanjian utama seperti yang saya tegaskan tadi kita diberikan tempoh 60 hari untuk menyelesaikan soal-soal pajakan dan kadar sewaan dengan PAAB itu tidak lagi melibatkan kerajaan persekutuan. Dan kalau kita lihat kenyataan terbuka wakil PAAB baru-baru ini beliau amat berpuas hati kerana rundingan dengan kerajaan negeri itu berjalan dengan baik dan lancar dan beliau yakin ia nya dapat diselesaikan dalam tempoh 60 hari. Dan saya bagi pihak kerajaan negeri juga merasakan dengan semangat yang ujud pada hari ini kita boleh selesaikan dalam tempoh yang berkenaan sebelum ketiga-tiga syarikat ini diambil alih sepenuhnya diambil oleh Kerajaan Negeri. SPLASH kita ada tempoh satu tahun selesai perjanjian utama dan walau bagaimana pun rundingan telah pun bermula untuk kita lihat bagaimana kita boleh selesaikan dengan SPLASH. Itu perkara yang pertama. Yang tidak ada kaitan secara langsung dengan bekalan air terawat. Yang

dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi adalah yang berlakunya gangguan bekalan air terawat khususnya dalam beberapa tempoh yang lepas. Kerajaan Negeri mengambil maklum ini satu perkara yang serius yang perlu ditangani sebab itu kita memberikan komitmen bahawa projek Langat 2 itu perlu disegerakan dan kita minta supaya ia nya dapat disiapkan mengikut jadual. Beberapa kelulusan telah pun diberi sebelum ini oleh mantan Menteri Besar dan baru-baru ini pun kerajaan negeri telah meneliti beberapa permohonan yang baru dikemukakan dan kelulusan telah pun diberikan. Jadi tidak timbul kerajaan negeri cuba sabotaj pembangunan Langat 2. Yang kita mahu supaya proses pembangunan itu dijalankan secara telus dan terbuka dan menggunakan spesifikasi yang telah ditetapkan oleh pihak yang berwajib. Dan selain daripada itu kita kena ingat juga isu yang kita hadapi hari ini bukan isu bekalan air mentah. Bekalan air mentah sehingga hari ini nampaknya baik dan margin yang ada di empangan semua dalam keadaan yang terkawal dan menjamin satu bekalan yang baik. Masalah kita ialah loji rawatan air yang ada ini, ada 34 loji rawatan itu tidak dapat proses kerana kita dah sampai satu kapasiti yang maksimum sebab itu kita perlukan Loji Rawatan Air Langat 2 ini segera. Selain daripada itu program mitigasi air yang dijangka siap pada bulan September ini *insya-Allah* dapat kita salurkan bekalan air mentah dari utara Selangor ke selatan dan itu dapat kita menjamin satu bekalan yang lebih *sustainable* yang baik. Walau bagaimana pun ada beberapa insiden dan kes gangguan air yang berlaku yang ini sedang dipantau secara dekat oleh UPEN dan sebaik sahaja kita mengambil alih sepenuhnya operasi SYABAS saya yakin dengan kemampuan Kerajaan Negeri melalui Air Selangor untuk menguruskan pengalihan air ini ke kawasan-kawasan yang berkenaan supaya tidak ada gangguan bekalan air. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan bagaimana perancangan kerajaan negeri berkaitan dengan pemberian air percuma kalau sekiranya muktamad selesai semua perjanjian bagaimana program air percuma ini, dan kedua impaknya implikasinya terhadap bebanan kewangan sama ada ditanggung oleh syarikat air atau pun kerajaan akan tanggung bebanan air pemberian air percuma. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Sehingga ini Kerajaan negeri masih lagi meneruskan program pemberian air percuma dan tidak ada cadangan untuk menghentikan program tersebut. Walau bagaimana pun apabila industri ini diuruskan sepenuhnya oleh air Selangor maka kosnya pasti akan dipindah kepada Air Selangor dan seperti yang saya nyatakan tadi apabila kita memberikan perkhidmatan seperti ini ia nya mempunyai kos, dan cuma kos ini apakah adil di pindahkan kepada pengguna khususnya rakyat atau pun sebaliknya sedang diteliti oleh kerajaan negeri. Pada masa yang sama saya kira kita harus meneliti semula program pemberian air percuma ini apakah ia benar-benar menepati hasrat asal program tersebut yang bertujuan untuk membantu rakyat yang berpendapatan

rendah. Kerana apa yang kita dapati selama hari ini dengan perbelanjaan yang berjumlah 120 juta ringgit setahun untuk program ini apakah ia benar-benar memanfaatkan rakyat keseluruhannya. Kerana kita dengar juga rungutan bahawa yang mendapat program ini mereka yang tidak memanfaatkan air tersebut. Dia gunakan 20 meter padu ini bukan untuk dirinya tapi untuk *gardening* untuk cuci kereta untuk kolam apa ni *swimming pool*, sedangkan rakyat miskin yang tidak ada kolam renang, tidak ada kenderaan tidak ada *garden* tidak mendapat manfaat. Jadi kita kena telitilah. Tapi pada masa ini belum ada hasrat untuk membatalkan program tersebut maka tanggungjawab ahli-ahli Yang Berhormat untuk membahaskan perkara ini dalam sidang yang akan datang khususnya ketika kita membentangkan belanjawan 2015 untuk meneliti apakah program ini dapat diperbaiki supaya kumpulan sasaran itu dapat manfaat daripada perbelanjaan yang dikeluarkan oleh kerajaan Negeri.

**TUAN SPEAKER:** Ya saya bagi Dengkil dulu.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Ya, terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, berkenaan dengan saham air untuk rakyat ini juga dibincangkan dalam penstrukturan semula air yang mana ianya adalah salah satu juga aspek yang akan diketengahkan oleh kerajaan negeri. Saham air untuk rakyat. Jadi bagaimanakah pelaksanaannya apakah perancangannya dan adakah ia nya akan diteruskan setelah penstrukturan air ini selesai. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dengkil patut tanyakan soalan ini dulu tahun lepas, kerana cadangan ini dikemukakan oleh mantan Menteri Besar Yang Berhormat Pelabuhan Klang. Dengan niat yang baik supaya industri ini dapat kembali kepada rakyat negeri Selangor. Cuma pada ketika ini kita sedang masih lagi dalam proses yang terakhir untuk mengambil alih syarikat-syarikat konsesi. Tiga telah pun selesai tinggal satu lagi. Namun saya percaya kalau program itu baik dapat memberikan manfaat kepada rakyat bukan menjadi halangan bagi kerajaan negeri untuk meneliti cadangan tersebut. Cuma mekanisme itu perlu diperincikan oleh pihak UPEN, Air Selangor dan perlu dibentangkan dalam sidang dewan supaya kita dapat teliti apakah mekanisme yang terbaik untuk melaksanakan cadangan tersebut supaya rakyat negeri Selangor ini dapat memiliki saham-saham air tersebut. Ini perlu diteliti dan dikaji secara mendalam kerana kita tidak mahu sesuatu program yang di adakan itu akhirnya gagal di tengah jalan dan saya nyatakan kalau program itu baik untuk rakyat saya bersedia untuk meneliti dan melaksanakannya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Bernam

**Y.B. DATUK ROSNI BIN SHOHAR:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Apakah Kerajaan Negeri

akan mempertahankan kedudukan staf serta kakitangan SYABAS dan Puncak Niaga setelah diambil alih. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ia, baru ni saya tengok ada satu kenyataan ada individu yang menawarkan nak menjadi penasihat kepada Kerajaan Negeri untuk industri air. Yang penting ialah kakitangan dan pegawai yang berkhidmat di dalam syarikat-syarikat konsesi yang telah di ambil alih oleh Air Selangor itu akan diserapkan di dalam Air Selangor dan kebajikan mereka terus terjamin dan itu antara perkara yang telah kita bincangkan daripada awal lagi saya ingat sebelum semasa Yang Berhormat Pelabuhan Klang mengetuai perbincangan tersebut perkara-perkara ini telah pun diambil kira supaya kebajikan mereka terjamin dan tidak berlaku sebarang masalah pekerjaan bagi pekerja-pekerja yang berkenaan.

**TUAN SPEAKER:** Selain daripada Yang Berhormat Semenyih, ada lagi ADN yang nak bertanyakan soalan tambahan. Pelabuhan Klang, tak ada. Semenyih.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ:** Tuan Speaker, saya jawapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi saya kira macam tak jawab soalan saya. Apa langkah yang hendak di atasi tentang kerap berlaku tiada air khususnya di DUN Semenyih saya. Setiap hari saya tak tahu besok lusa taman mana saya tak tahu. Mungkin saya dapat maklumat daripada SYABAS setiap minggu menghadiri mesyuarat dan memorandum telah dihantar oleh penduduk kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan tak ada satu jawapan ya, sering terus berlaku tak ada air ini. Jadi ini rakyat tertanya-tanya, tadi juga tentang pengambilan ini saya nak bertanya sudah kah selesai dan bila tarikh selesai pengambilan anak-anak syarikat ini di bawah kuasa kerajaan negeri. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Semenyih, saya telah pun memberikan jawapan tadi. Untuk tiga syarikat yang telah kita muktamadkan perjanjian tambahan baru-baru ini, enam puluh hari daripada tarikh berkenaan ianya perlu diselesaikan. Enam puluh hari daripada 10 Julai. Tarikh itu pun saya telah beritahu tadi. Nanti satu-satulah yang saya telah jawab mengaku dulu yang saya telah jawab. Tak apalah yang jawab mengaku dulu. Ini masalah yang tak nak mengaku ni. Saya telah beritahu 10 Julai kita tandatangani perjanjian tambahan dan enam puluh hari daripada tarikh berkenaan PAAB dengan kerajaan negeri akan selesaikan soal fasiliti *aggreement*, dan juga kadar sewaan dan pajakan kemudahan-kemudahan tersebut. Itu dan saya sebut tadi wakil daripada PAAB telah buat kenyataan resmi baru-baru ini dan mengatakan mereka rasa selesa kerana rundingan itu berjalan dengan baik dan lancar dan saya bagi pihak kerajaan negeri tadi yakin dalam tempoh enam puluh hari itu boleh diselesaikan. Itu yang pertama. Soal gangguan itu soal yang kedua saya sebutkan tadi. Ada langkah-langkah yang telah saya nyatakan tadi. Yang pertama program mitigasi 2 yang dijangka siap pada bulan September. Program ini ialah bertujuan untuk mengambil lebih air mentah dibelah utara Selangor dibawa ke selatan Selangor. Jadi bila berlaku kekurangan

bekalan air mentah di selatan negeri Selangor ia nya dapat ditampung melalui projek mitigasi 2 ini. Itu langkah yang pertama. Kita juga telah meminta beberapa loji rawatan air meningkatkan keupayaannya seperti loji rawatan air Sg. Selangor telah pun memulakan kerja-kerja meningkatkan kapasiti pengeluaran bekalan air terawat untuk pengguna-pengguna yang memerlukan.

Yang Ketiga, saya juga telah nyatakan tadi, apabila air Selangor telah mengambil alih sepenuhnya operasi SYABAS khususnya kita akan pastikan pengagihan itu lebih adil ya dan sekarang ini kita lihat bekalan air ke Wangsa Maju itu perlu ditampung oleh loji rawatan SSP1 yang berdekatan dengan kawasan tersebut supaya Loji Langat dan Sungai Semenyih ini dapat menumpukan soal bekalan air di Semenyih dan kawasan-kawasan yang sering berlaku gangguan.

Yang Keempat, loji rawatan air Langat 2 ini sebenarnya akan memberikan tumpuan kepada permintaan Bekalan Air Bersih dan terawat di Semenyih dan kawasan sekitar. Jadi saya telah nyatakan Kerajaan Negeri komited untuk memberikan semua kelulusan sebaik sahaja mereka memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan baru-baru ini pun selain daripada kelulusan yang diberikan oleh Pelabuhan Klang sebelum ini seminggu selepas Hari Raya Aidilfitri beberapa permohonan termasuk permohonan tanah-tanah 23 lot tambahan kita telah berikan kelulusan supaya projek ini dapat berjalan lancar dan tidak ada sebarang tunggakan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Pelabuhan Klang, masa telah mencukupi untuk pertanyaan. Tadi saya beri peluang mungkin dalam soalan yang akan datang kita ada peluang lagi untuk soalan tambahan. Saya telah....

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM:** Boleh saya buat kenyataan tak? Tak sampai satu minit?

**TUAN SPEAKER:** Tak boleh. Saya telah memperuntukkan 40 minit untuk soalan industri air dan kami telah memberikan 7 soalan tambahan. Peluang untuk bertanya, 7 soalan tambahan tapi Peraturan Tetap menyatakan bahawa cukup jam 11.30 pagi kita kena tangguhkan sesi pertanyaan kepada Urusan seterusnya.

Baiklah Setiausaha Dewan, silakan.

#### **IV. RANG UNDANG-UNDANG (Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) (No.2) 2015**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor Pindaan No. 2/2015 semua Peringkat. Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Untuk Meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Sijangkang, silakan.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tuan Speaker, oleh sebab Rang Undang-Undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga saya mencadangkan di bawah Peraturan Tetap 78 supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 48 dan 53 bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata ya. Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian. Saya bangun mencadangkan suatu Rang Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 pindaan No. 2/2015 yang bertujuan untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 untuk bacaan kali kedua. Perlembagaan Persekutuan telah pun memperakui kedudukan Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam di negeri yang berkenaan. Perkara 3 Fasal 2 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan di dalam tiap-tiap negeri selain negeri-negeri yang tidak mempunyai raja. Kedudukan raja sebagai Ketua Agama Islam di negerinya mengikut cara dan setakat yang diakui dan ditetapkan oleh Perlembagaan di negeri itu tertakluk kepada Perlembagaan itu. Segala hak keistimewaan prerogatif dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua Agama Islam tidak tersentuh dan tercacat. Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri 1959 juga mempunyai peruntukan yang sama seperti mana yang diperuntukkan di bawah perkara 96 iaitu segala hak keistimewaan prerogatif dan kuasa yang dinikmati oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam hendaklah tidak tersentuh dan tercacat atau dikurangi oleh Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor itu sendiri.

Perkara 47 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri 1959 memperuntukkan Duli Yang Maha Mulia Tuanku hendaklah menjadi Ketua Agama Islam dan boleh menyebabkan diperbuat Undang-Undang bagi maksud mengawal selia hal ehwal Agama Islam dan menubuhkan Majlis Agama Islam Selangor untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam semua perkara yang berhubung dengan Agama Islam.

Selaras dengan peruntukan seksyen 4 dan 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 Majlis Agama Islam Selangor ditubuhkan berfungsi untuk



membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam perkara-perkara yang berhubung dengan Agama Islam selain penentuan hukum syarak dan yang berhubung dengan pentadbiran keadilan selanjutnya Majlis Agama Islam Selangor adalah Pihak Berkuasa Utama Agama Islam selepas Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Sejak tahun 1952, Undang-Undang bertulis berkaitan pentadbiran hal ehwal Agama Islam Negeri Selangor iaitu Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam 1952 telah diwujudkan. Undang-Undang tersebut telah dipinda daripada masa ke semasa untuk tujuan penambahbaikan sesuai dengan perubahan zaman dan masa. Pindaan kali pertama dibuat pada tahun 1989. Pindaan kali kedua pada tahun 2003 dan Pindaan kali ketiga adalah pada tahun 2008 di mana pindaan tersebut telah berkuat kuasa dengan pewartaan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 Pindaan 2008 pada 31 Disember 2008.

Selanjutnya Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor dipinda kali keempat pada 12 Ogos 2011 seterusnya Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 telah dipinda kali terakhir pada tahun 2015 dan diwartakan pada 21 Mei 2015.

Cadangan pindaan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 Pindaan No. 2/2015 ini juga telah dibincangkan dan diputuskan di dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor Khas Bilangan 3/2015 pada 7 Julai 2015 supaya dibuat pindaan terhadap beberapa peruntukan mengikut kepada keperluannya. Pindaan kali ini melibatkan peruntukan-peruntukan berkaitan dengan wakaf di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 yang perlu dipinda bersekali dengan Penggubalan Rang Undang-Undang Enakmen Wakaf Negeri Selangor 2015.

Seterusnya, sebelum Rang Undang-Undang ini dibentangkan cadangan pindaan ini telah dipersembahkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah memperkenankan semua pindaan terhadap Rang Undang-Undang tersebut pada 15 Julai 2015.

Ini bertepatan dengan Perkara 47 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 memperuntukkan Duli Yang Maha Mulia Tuanku hendaklah menjadi Ketua Agama Islam dan boleh menyebabkan diperbuat Undang-Undang bagi maksud mengawal selia hal ehwal Agama Islam dan menubuhkan Majlis Agama Islam Selangor untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam semua perkara yang berhubung dengan Agama Islam termasuk sebarang pindaan atau penggubalan Undang-Undang berkaitan Agama Islam.

Huraian ringkas mengenai cadangan pindaan kepada Enakmen adalah seperti berikut:-

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memansuhkan penaksiran Wakaf. Wakaf Am dan Wakaf Khas selari dengan pewujudan Enakmen Wakaf 2015.

Fasal 3 dan 4 bertujuan untuk meminda Seksyen 89 dan Seksyen 90 untuk memotong peruntukan berkaitan dengan wakaf di mana-mana jua terdapat dalam kedua-dua seksyen ini selaras dengan pewujudan Enakmen Wakaf Negeri Selangor 2015.

Fasal 5 dan 6 bertujuan untuk meminda Seksyen 91 dan Seksyen 92 untuk memotong peruntukan mengenai wakaf termasuk Wakaf Khas selaras dengan pewujudan Enakmen Wakaf Negeri Selangor 2015.

Fasal 7, 8 dan 9 bertujuan untuk meminda Seksyen 93, 94 dan 95 untuk memotong peruntukan berkenaan dengan wakaf supaya selaras dengan pewujudan Enakmen Wakaf Negeri Selangor 2015.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda Seksyen 97 untuk meluaskan peruntukan sedia ada supaya meliputi surau dan bukan hanya masjid.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda Seksyen 98 untuk peruntukan mana-mana surau yang dibenarkan penggunaannya sebagai masjid adalah tertakluk kepada terma yang ditentukan oleh Majlis.

Fasal 12 bertujuan untuk meminda Seksyen 99 supaya peruntukan hal-hal mengenai penyelenggaraan turut meliputi surau. Fasal ini juga mengadakan peruntukan mengenai keperluan untuk mendapat persetujuan bertulis Majlis bagi perubahan material pada struktur surau.

Fasal 13 bertujuan untuk meminda Seksyen 104 untuk mengadakan peruntukan mengenai Penubuhan Jawatankuasa Surau dan Jawatankuasa Pengurusan Surau seperti perkara lain yang berkaitan.

Fasal 14 bertujuan untuk meminda Seksyen 105 supaya peruntukan berhubung dengan pengecualian daripada peruntukan bahagian 7 Enakmen 1/2003 turut terpakai bagi surau.

Fasal 15 bertujuan untuk meminda sub-seksyen 119 (1) Enakmen 1/2003 bagi peruntukan pelajaran Agama Islam Tanpa Tauliah adalah satu kesalahan. Kesalahan ini tidak hanya meliputi orang yang mengajar Agama Islam tetapi juga termasuk orang yang cuba mengajar dan atau menyebabkan pengajaran Agama Islam Tanpa Tauliah.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, saya mohon mencadangkan.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli Yang Berhormat Sekalian, cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-Undang untuk dibahaskan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Timbalan Speaker. Tanjung Sepat ingin mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor Pindaan No. 2/2015 seperti mana yang telah dibacakan oleh Yang Berhormat EXCO tadi. Secara umumnya Tanjung Sepat menyatakan sokongan terhadap pindaan yang dicadangkan ini dengan erti kata ataupun dengan sebab adalah untuk memperkasakan tentang pengurusan dan juga pentadbiran masjid-masjid dan surau-sarau yang terdapat di seluruh Negeri Selangor, itu yang pertama.

Yang keduanya adalah untuk mengelakkan dari berlakunya tentang penyebaran ajaran-ajaran sesat ataupun yang menyeleweng daripada ajaran Islam yang sudah tentu ianya akan menimbulkan sedikit ataupun banyak perkara ketidakselesaian oleh mereka yang beragama Islam. Dalam menyokong pindaan ini, Tanjung Sepat melihat suatu perkara yang perlu diteliti adalah tentang pelaksanaan terhadap masjid-masjid ataupun surau-sarau yang aset ataupun tapaknya adalah masih lagi di bawah wakaf yang tidak diletakkan di bawah Majlis Agama Islam itu sendiri atau pun MAIS. Ini berlaku kalau ianya dilaksanakan sudah barang tentu ia akan memberi impak Undang-Undang atau pun melaksanakan daripada penguatkuasaan terhadap mereka yang melakukan kesalahan di bawah peraturan ataupun enakmen ini.

Oleh yang demikian satu perincian terhadap peraturan-peraturan ataupun tatacara pelaksanaan terhadap Undang-Undang yang dicadangkan ini iaitu Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor Pindaan No. 2/2015 ini perlulah disediakan bagi memberi panduan kepada semua khususnya pentadbir ataupun pengurus atau pun anak kariah masjid-masjid surau di seluruh Negeri Selangor itu. Maka dengan itu, Tanjung Sepat memohon menyokong Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor Pindaan 2/2015 tahun ini. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, saya mewakili Kota Anggerik menyanjung usaha murni Majlis Agama Islam Selangor MAIS dalam usaha untuk menambah baik pentadbiran Agama Islam di Negeri Selangor ini dengan

memasukkan perkataan surau dalam masjid. Maknanya kalau sebelum ini Enakmen ini hanya berkuasa pada masjid tetapi dengan masukkan surau ini, makna surau-surau, masjid adalah di bawah Pentadbiran Agama Islam. Namun demikian kita harus melihat bahawa fungsi surau dan masjid itu dalam skopnya makin luas tidak hanya sebagai tempat untuk ibadah, sembahyang jemaah sahaja. Di mana surau dan masjid ini hendaklah apa ni diberi kebebasan dalam usaha untuk melebar luaskan dakwah islamiah di negeri ini sebab kita dapati semenjak 2008 di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat sambutan masyarakat kepada surau masjid ini sangat menggalakkan bila mana ulama-ulama diberi kebebasan untuk menyampaikan dakwah tanpa had asalkan masih berteraskan pada perkataan Islam.

Dalam enakmen ini juga soal apa ni, soal Fasal 14 iaitu kawalan kepada mengajar itu supaya tidaklah terlalu ketat sebab ketika zaman Barisan Nasional dulu kawalan-kawalan ini begitu ketat sekali. Jadi ramai ulama-ulama yang nak mengajar di masjid-masjid dan surau ini dikawal lantaran perbezaan pandangan politik. Sebab itu saya menyokong enakmen ini dan diharapkan pihak EXCO dapat menyusun pentadbiran tatacara supaya lebih teratur agar tidak menyekat sangat jawatankuasa surau masjid dalam menjalankan aktiviti-aktivitinya. Seterusnya apakah apa kah dengan kemasukan surau dan masjid ini, ini bermakna bahawa tanggungjawab MAIS akan dilebarkan kepada surau seperti soal-soal untuk membaiki bajet. Ketika ini ada surau-surau yang dinaik taraf kepada Solat Jumaat mengakibatkan ia jadi sempit dan tidak selesa. Tetapi oleh sebab di surau jadi MAIS apa ni Kerajaan Negeri tidak bertanggungjawab kepada pembesaran sebab surau tidak masuk dalam program-program pembesaran ini. Jadi saya menyokong enakmen ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sabak

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Saya bangun untuk menyokong pindaan Rang Undang-undang bagi pentadbiran Agama Islam dalam Persidangan Dewan pada kali ini. Namun ada beberapa perkara yang ingin saya lontarkan dalam perbahasan ini supaya Rang Undang-undang ini dapat difahami dan diterima secara terbuka bukan sekadar oleh Dewan ini tetapi yang paling penting kerana ia akan melibatkan secara langsung dengan masyarakat dan umat Islam yang ada di luar Dewan ini. Dan khususnya dalam beberapa perkara yang melibatkan tauliah, yang melibatkan memasukkan surau bersekali dengan masjid dalam pentadbiran dan dalam, dalam urusan pentadbiran MAIS itu sendiri. Dalam soal tauliah mengajar, saya pada dasarnya bersetuju apabila memasukkan bukan sekadar tauliah ataupun kesalahan ataupun dengan menggantikan perkataan mana-mana orang yang mengajar Agama Islam atau perkara-perkara tentang Agama Islam dan untuk tauliah. Dengan perkataan mana-mana orang yang mengajar, cuba mengajar atau menyebabkan pengajaran Agama Islam tanpa tauliah. Ini penting bagi kita untuk memastikan sebagaimana yang juga telah disebut oleh Tanjung Sepat sebentar tadi bagi memastikan supaya tidak akan berlaku dan kita mengekang tentang

penyebaran-penyebaran ajaran-ajaran sesat ataupun ajaran-ajaran yang tidak ada sumber di Negeri Selangor ini. Namun pada waktu yang sama, saya fikir melalui Majlis Agama Islam Selangor, kita perlu mengemukakan satu kaedah yang paling mudah dan paling senang bagaimana Negeri Selangor boleh mempelopori untuk melahirkan sebanyak mungkin di kalangan guru-guru agama, ataupun agamawan ataupun ulama-ulama yang mereka mempunyai tauliah. Dan yang paling mudah, saya fikir ialah di kalangan pelajar-pelajar yang telah dihantar oleh Kerajaan Negeri melalui, melalui biasiswa Majlis Agama Islam Selangor ataupun melalui bantuan umum ataupun anak-anak Selangor yang dihantar keluar belajar di mana-mana di *middle east*, di Timur Tengah di pengajian dalam dan luar dan negeri yang mengambil jurusan khusus dalam soal-soal agama ini supaya saya fikir mereka terus diberikan tauliah sejurus mereka telah dapat sijil dan ini bagi memudahkan kerana saya yakin bahawa kejayaan mereka untuk pengajian mereka sebenarnya adalah satu pengiktirafan keupayaan mereka di dalam menyampaikan ilmu dan keupayaan mereka dalam ajaran yang mereka telah perolehi. Sebab kadang-kadang berlaku sedikit pelanggaran apabila mengajarnya itu adalah satu yang betul tetapi oleh kerana kadang-kadang sebagaimana yang disebut oleh Kota Anggerik sebentar tadi tidak betulnya kerana ialah kerana *background* di belakang itu ialah kerana soal politik pada hal semasa mengajar itu tidak ada unsur-unsur soal, soal politik. Jadi ini menjadi satu, satu tekanan. Jadi oleh sebab itu memastikan bahawa di kalangan pengajar-pengajar ini bukan sekadar mereka dikekang dalam soal tauliah tetapi dipermudahkan untuk mereka memperolehi tauliah.

Kemudian yang kedua, soal memasukkan surau dalam enakmen dalam Rang Undang-undang baru ini, bagi saya ia perlu dilakukan secara cermat. Sebab dalam konteks surau-surau yang banyak di Negeri Selangor saya fikir sebahagian besar surau-surau adalah surau-surau yang memang dibangunkan melalui Institusi Wakaf, melalui wakaf orang ramai, melalui derma orang ramai walaupun tak sampai RM2.6 bilion tetapi saya fikir kemurahan hati di kalangan masyarakat Islam di Negeri Selangor ini telah melahirkan surau-surau yang banyak yang mereka sudah tentu mempunyai satu impian, mempunyai satu kehendak bahawa surau yang dibangunkan itu akan terus dimakmurkan menjadi satu institusi ilmu, pusat ilmu, ibarat ilmu dan sebagainya. Jadi saya fikir sudah tentu nanti akan berlaku sedikit pertembungan terhadap surau-surau ini apabila dalam proses untuk kita, untuk kita memastikan bahawa pengurusan surau juga selepas daripada ini akan sama juga seperti, seperti pengurusan masjid-masjid juga. Dan saya fikir nanti yang akan, akan menerima kesan sekiranya tidak beri kefahaman secara tepat ialah di kalangan mereka yang telah mengeluarkan, ataupun mereka yang telah mengeluarkan derma yang banyak, sumbangan yang banyak dengan harapan supaya surau ini akan kadang-kadang pentadbiran dia ada lebih baik daripada setengah-setengah masjid dan kemakmuran mereka kadang-kadang jauh lebih baik daripada beberapa setengah-setengah masjid. Jadi yang ini akan timbul kebimbangan di kalangan jawatankuasa yang sedia ada yang boleh jadi antara mereka ialah penderma-penderma sehingga dapat membangunkan surau itu sendiri.

Dan yang ketiga ialah soal di kalangan pegawai-pegawai untuk memahami tentang enakmen ataupun tentang Rang Undang-undang ini sendiri supaya dapat difahami dan mereka tetap dalam, mereka tetap konsisten dalam Rang Undang-undang yang diluluskan dan mengenali antara menggunakan Rang Undang-undang ini dengan budi bicara yang ada pada mereka. Ini penting sebab saya sendiri telah dikemukakan, telah diajukan beberapa masalah. Antaranya beberapa hari sebelum saya masuk Dewan seorang penjaga yang anak yang mohon untuk masukkan anaknya ke tingkatan 1 di Sekolah Rendah Integrasi bawah Jabatan Agama Islam Selangor telah ditolak permohonan oleh kerana ibunya bukan di kalangan warganegara Malaysia. Tetapi ayahnya adalah seorang warganegara Malaysia yang berkelahiran di Negeri Selangor. Jadi saya memberi jawapan sebagaimana saya pernah beri jawapan juga kepada orang lain sebelum daripada itu bahawa yang menjadi masalahnya ialah kerana ibunya, soal warganegara. Jadi dia memberi alasan dia tak boleh nak elak dah, nak macam mana dah kahwin dengan orang bukan warga negara sebab dia kata cinta itu buta dia kata. Jadi, tetapi apa yang ingin saya nyatakan sedikit kepelikan ialah bagaimana kakak kepada budak ini telah berada di Sekolah Agama Rendah Integrasi dengan ibu yang sama. Jadi, nampak di sana ada satu jawapan yang nampak tidak konsisten terhadap, terhadap alasan untuk menolak sedangkan saya fikir seorang ayah yang naik motor ke pejabat berkeinginan untuk supaya anaknya dididik di sekolah agama. Jadi saya terkedu untuk tidak mampu menjawab melainkan saya kemukakan semula permohonan ini atas budi bicara pihak Jabatan Agama Islam Selangor supaya oleh kerana kakaknya dengan ibu yang sama sudah berada di tingkatan 3 sekarang, jadi darjah 3 di Sekolah Rendah Agama Islam Selangor. Jadi yang ini saya memerlukan satu jawapan. Kalau boleh jawapannya ialah kita beri budi bicara dan kalau sekiranya masih ada tempat, maka berilah kepada pelajar yang bernama Amin Hamim bin Mohamad Kamal ini. Yang merayu sangat supaya kerana dia ada kelayakan. Kata Guru Besar tempat ada, kelayakan ada tetapi kerana jawapan daripada pihak pegawai sedemikian, maka dia bimbang untuk mengambil, memasukkan pelajar ini. Jadi dengan itu saya, saya menyokong Rang Undang-undang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Meru.

**Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN:** *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan terima kasih kepada Tuan Speaker yang telah memberikan peluang untuk Meru untuk membahaskan tentang pindaan Rang Undang-undang. Saya, Meru memberitahu bahawa kita, Meru menyokong penuh bukan setakat 100%, 152% apa nama pindaan Rang Undang-undang ini. Tetapi ada beberapa perkara yang perlu kita tengok balik. Rasulullah ada menyebut (Sabda Rasulullah SAW). Yang dikata insan itu makna kita semua ni tidak lari daripada kita membuat kesilapan dan kita kadang-kadang terlupa. Maknanya Meru berharap supaya kita tengok balik apa yang berlaku sebelum ini. Sebab itu dalam Quran sendiri Allah menciptakan sejarah Nabi Musa a.s., Nabi Isa a.s., Jesus Cryes dan juga Nabi Ibrahim serta

Firaun, Namrud supaya manusia mengambil iktibar dan pengajaran daripada apa yang berlaku sebelum ini. *History never tell lies*, sejarah tak pernah menipu manusia. Ada orang mengatakan bahawa *expiience are the best teacher ini our lives*. Jadi kita tengok balik apa yang berlaku di Selangor. Sebenarnya sebelum 2008, *before 2008* dengan izin, tak pernah adapun, tak pernah adapun ni apa nama arahan daripada mana-mana MAIS ke JAIS supaya nazir dan pengerusi surau ini dibuat satu kaedah untuk dipilih. Saya sokong apa yang diberitahu sekarang. Tetapi dulu sebelum 2008, nazir dan pengerusi surau *handpick* oleh parti-parti tertentu. Dan mereka menjadi nazir, contoh di Masjid Meru tu, nak kata tiap-tiap malam pun kadang-kadang *orak tekor*, dulu, *before that*, Tetapi selepas ni 2008, Alhamdulillah, Kerajaan Pakatan Rakyat apa yang kita buat, kita buat pemilihan di kariah masing-masing. Hanya ahli kariah lebih layak dan tahu siapa yang layak menjadi nazir, siapa yang layak jadi pengerusi. Dan kita tak kisah kalau yang jadi pengerusi itu daripada orang UMNO sendiri tak kisah asalkan dia boleh memakmurkan masjid dan juga surau-surau ini. Sebab itu kita tengok sekarang Alhamdulillah, bila selepas 2008 ni majoriti masjid-masjid, tengok Masjid Meru tak pernah sebelum ni Masjid Meru bila 2008 kita tengok *almost evey night* kata jawanya, dengan izin, *almost every night* ada pengajian. *Almost every night* dan tak pernah 2008, *after 2008* lah dengan izin tiap kali masuk Ramadhan, *first* Ramadhan sampai akhir Ramadhan, tiap-tiap hari ada majlis buka puasa, ada qiamullail, ada pengajian sebelum apa nama ni solat dan sebagainya Solat Tarawih dan tiap-tiap malam ada makan sahur. Ini tak pernah berlaku. Dan saya, saya sebenarnya menyimpan semua teks-teks ini titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di setiap kali Majlis Perasmian Pembukaan Mesyuarat Sidang Dewan saya simpan. Dan setiap kali tu, Baginda memuji apa yang pentadbiran, pengurusan yang, yang, yang di bawah Pakatan Rakyat. Alhamdulillah ya. Saya simpan dengan baik. Cuba tengok balik Baginda memuji dan berasa bangga dengan pentadbiran dan pengurusan masjid-masjid di Selangor ini. Sebab itu kita nak bagi tahu bahawa kita berharap sangat, berharap sangat biarlah hanya ahli kariah itu yang lebih kenal siapa yang layak menjadi nazir mereka, siapa yang layak menjadi apa nama ni, dia punya, dia punya pengerusi-pengerusi surau dan sebagainya.

Kemudian saya juga nak bagi tahu bahawa apa nama ni yang disebut tadi tentang saya baca sikit yang dikatakan apa nama pindaan Seksyen 99 dengan menggantikan Subseksyen 4 dengan Subseksyen yang berikut :

Semua perubahan material pada struktur masjid dan surau hendaklah mendapat persetujuan bertulis majlis sebelum dikemukakan untuk kelulusan, alhamdulillah bagus. Sepatutnya ada *Task Force* yang pastikan kontraktor-kontraktor yang layak, yang layak sahaja yang boleh apa nama ni mengendalikan tentang apa yang disebut sebagai material pada satu masjid dan sebagainya. Kita mesti ada, mesti transparansi. Minta maaf nak katalah kita tak mahu apa yang berlaku di apa nama di apa nama, di mahkamah-mahkamah syariah kita sendiri pun di seluruh masjid di seluruh Selangor ni macam-macam masalah kita timbul. Sebab *the same, sorry to*

say *the same* kontraktor yang diambil juga. Ha, ni kita tak mahu sebut namalah. Tetapi kalau boleh tengokkan balik. Tapi tak kiralah, tak kisahlah sama ada kita kena pasti siapa yang di belakang mereka, siapa, nama apa semua kita tengok balik dia punya apa nama dia punya *past fifty*. Tak kisahlah Meru Corp ke, Sijangkang Corp ke ataupun MAIS Corp. Ha, sebut ajelah kan. Maknanya mesti ada transparensi dan sebagainya. Jadi setakat itulah apa yang nak disampaikan *insya-Allah*, saya berharap,

**Y.B. TUAN NG SUE LIM:** Minta penjelasan

**Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN:** Ya?

**Y.B. TUAN NG SUE LIM:** Minta penjelasan

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ia, Sekinchan minta penjelasan

**Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN:** Sila

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Y.B. Meru, saya nampak, tahniahlah Y.B. berbahas dengan berkobar-kobar penuh semangat ya. Cuma ana nak tanya sikit tentang ini apa nama Y.B. cakap ni ada gambar selalu nampak macam ada bagi kuliah kat masjid ada tauliah ke Y.B.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI OSMAN:** Ha...ha...ha...saya nak bagi tau ini terus terang saya bagi tau hatta kalau yang datang tu, minta maaf ini apa penceramah daripada Parti PAS sendiri. Saya tidak menghalang kalau kita sebut tentang politik di dalam...di dalam apa nama masjid sebab Islam itu adalah satu yang apa nama (bacaan ayat dalam quran)...Islam tu ada, dalam pentadbiran Islam tu ada tetapi jangan sebut parti. Sebut parti saya minta maaf *I'll be the first one to .....tak bagi dah dia masuk....tak bagi dah dia masuk dan kuliah yang sebenarnya.....tunggu dulu saya ....I will be to explain*. Sebenarnya saya cukup setuju dengan sijil ini.... sijil ini bukan sahaja di....apa nama...di...sepatut diaplikasi di negara kita sekarang ini tetapi *even in Cairo...even* di apa nama ni...aa....di Masjid apa nama Masjid Haram di ...mesti ada sijil. Kalau tak ada sijil, saya bukan bagi pun bagi tazkirah sikit-sikit saja. Wallahualam. Ya .....

**TUAN SPEAKER:** Ya Teratai.....

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Timbalan Tuan Speaker. Tadi Y.B. Meru, tak faham ayat dalam bahasa Jawi itu. Boleh minta penjelasan. Satu ayat ...sebab kita dengarkan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Aa..tak apa...tak apa....Kota Anggerik.



**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya nak minta penjelasan daripada Meru, ada setengah golongan profesional yang punya komitmen agama yang sangat baik, tapi tanpa sijil dari segi agama apakah mereka ini dipertimbangkan dari segi watikah untuk mengajar.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI OSMAN:** Setahu saya selepas 2008 JAIS membuka seluas-luas apa orang kata tangan untuk memanggil sesiapa saja hal yang dikatakan apa nama ni profesional ke apa yang nak ....dia boleh...seakan-akan apa orang kata memudahkan membagi sijil kebenaran sementara untuk ni....tak ada masalah.....saya tau benda tu tapi minta maaf kadang-kadang ada orang kita ni “orak tekor” (bahasa Jawa)...tak nak datang pulak ke.....

**TUAN SPEAKER:** Bahasa apa tu bahasa apa tu.....

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI OSMAN:** ....itu bahasa Jawa Sekinchan ya....Jadi sepatutnya orang-orang yang profesional ni pergi...pergi ke JAIS *interview* ni tak ada masalah. Jadi itu, sepatutnya yang tadi itu (bahasa Arab) is it....Hari ini kata Allah dalam Quran Aku telah sempurnakan agama .....Aku telah sempurnakan agama kamu, maknanya semua persoalan kehidupan manusia ini dah ada dalam Al-Quran. Daripada kita bangun sampailah kita tidur ada dalam diajar dan Islam tak pernah ajar kita untuk mengutuk agama-agama lain.....*no...no way*...tak pernah...sebab itu kita kena balik kepada ajaran kita. Orang Melayu minta maaf, sebagai penutup saya nak bagi tau, orang Melayu, yang tidak berpegang kepada ajaran-ajaran kitab ataupun hadis tidak akan menjadi orang-orang yang baik. Orang-orang India kalau tidak berpegang kepada kitab-kitab “*tirugural*”, “*tirul Aropa*” “*Vadas*”, “*Vedas*”, “*Remayan*as” tidak akan menjadi orang-orang India yang baik. Begitu juga Kristian, *if you with Bibe ...to the teaching of your Bible you'll become a good Christian. We don't fight*....tak pernah bergaduh antara kita, Insya-Allah, Wallahualam.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDIN BIN OTHMAN:** Tuan kasih Tuan Speaker, saya ingin mengambil perbincangan dalam perbincangan yang dicadangkan pindaan terhadap enakmen yang dibawa oleh Y.B. EXCO Kerajaan Negeri Selangor. Pada prinsipnya hak untuk meminda mana-mana undang-undang adalah hak kerajaan. Dan sudah tentu apabila pindaan dibawa ia bermaksud untuk menambahbaikkan dengan niat yang baik untuk membawa pada satu perubahan terhadap kedudukan agama Islam di Negeri Selangor. Tuan Speaker saya Paya Jaras menyokong penuh terhadap apa yang dibawa dalam cadangan ini adalah prinsip yang dibawa untuk membaik pulih. Kita lihat di Selangor ini surau kita ada banyak masjid kita ada banyak. Saya membaca dan saya yakin pindaan ini adalah dengan bermaksud untuk membawa dan melihat kembali kebajikan surau-sarau yang ada, bukan saja

surau-surau yang ada, jawatankuasa yang ada malah saya yakin pindaan yang dibawa ini adalah untuk membantu jawatankuasa menjalankan pentadbiran sama ada di surau atau di masjid dengan lebih efektif. Walaupun pindaan ini berlaku kita yakin dalam sistem undang-undang ataupun enakmen ia berjalan melalui kaedah-kaedah dan peraturan. Maka dengan sebab itu saya yakin walaupun tidak disebut saya yakin Kerajaan Negeri Selangor akan menggubal satu kaedah peraturan bagi mentafsirkan apa yang ada dalam enakmen ini. Kalau kita ada Al-Quran ia ditafsirkan oleh Hadis. Kalau kita ada enakmen ini ia ditafsirkan kembali pelaksanaan kaedah yang bakal dibuat oleh EXCO-EXCO kita. Kita menaruh harapan yang tinggi agar Kerajaan Selangor melihat kembali melalui pindaan ini memperkasakan surau-surau yang dilihat terlalu daif. Bukan sahaja terlalu daif malah ada juga jawatankuasa yang dilantik itu tidak mampu mentadbir dengan baik sehingga tidak mampu membuat sepucuk surat. Maka saya yakin ini adalah maksud pindaan ini adalah untuk kerajaan melihat pada kebajikan mereka meletakkan surau ini dalam tempat yang betul, melihat kepada status tanah mereka, tidak ada surau yang menumpang di atas tanah pemaju, tidak ada surau yang duduk di atas tanah haram, tidak ada surau yang duduk di atas tanah yang membahayakan kedudukan surau itu sendiri.

Maka dengan sebab itu meletakkan peraturan dan syarat ini adalah hak kerajaan dalam mana-mana kerajaan. Betul kita mempunyai demokrasi tetapi mesti dipandu melalui kaedah dan enakmen. Betul Islam itu tinggi tetapi mesti ditafsir enakmen dan kaedah. Dengan sebab itu Timbalan Speaker saya melihat bukan sahaja kita menyokong pindaan yang dibawa kita juga mahu Kerajaan Negeri Selangor memperkasakan banyak lagi perkara berhubung kait dengan perkara-perkara Islam. Mahkamah Syariahnya, orang yang...saudara barunya, kaedah-kaedah tempatnya, berbagai-bagai yang masih ketinggalan dalam Negeri Selangor itu. Secara prinsip enakmen ini mesti diluluskan. Secara pelaksanaan kita minta EXCO-EXCO memberi maklum balas bagaimana cara pelaksanaan melalui kaedah-kaedah yang baik untuk kebaikan orang di Negeri Selangor ini sendiri. Sekian, Paya Jaras menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Selat Klang

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** *Assalamualaikum* dan selamat sejahtera, Timbalan Speaker saya ingin menyokong Rang Undang-undang pindaan Seksyen 119. Oleh kerana Kerajaan Negeri Selangor *Insyallah* telah pun meletakkan satu matlamat untuk menjadikan Selangor negeri yang baik serta mendapat rahmat daripada Allah SWT, untuk "*Baldatun Turbatun Warrabun Ghafur*" dan sudah tentulah di antara yang telah disebutkan oleh Paya Jaras tadi untuk memperbaiki sistem yang sedia ada dan khususnya di sini pentadbiran Agama Islam di bawah MAIS ini untuk memperbaiki apa yang sudah sedia ada bagi pengurusan masjid dan surau supaya ia lebih sistematik dan *Insyallah* ia lebih cekap dan berkesan. Saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Selangor melihat yang disebut di dalam pindaan ini sub seksyen 99(1) enakmen itu dipinda dengan

menggantikan perkataan “mana-mana orang yang mengajar Agama Islam atau perkara-perkara tentang Agama Islam bertauliah dengan perkataan mana-mana orang yang mengajar atau menyebabkan pengajaran Agama Islam tanpa tauliah. Saya ingin mencadangkan oleh kerana saya bersetuju di mana surau ini memerlukan orang-orang yang mengajar bertauliah maknanya orang yang berkredibiliti, orang yang mempunyai ilmu dan kemahiran dan orang yang telah diiktirafkan. Tetapi saya mencadangkan supaya dan saya bersetuju apa yang disebutkan oleh Paya Jaras tadi di mana Kerajaan Negeri mesti mengambilkan satu pendekatan di mana kaedah-kaedah itu mesti dibuat dengan secara teliti pendekatan supaya Islam bukanlah sebagai satu yang ritual sahaja tetapi Islam sebagai Addin, maknanya secara holistik.

Saya ada ditangani saya ini satu contoh ya tauliah mengajar berceramah di Negeri Selangor Darul Ehsan. Jadi oleh kerana Islam itu adalah satu cara Addin, satu cara hidup ialah mestilah inklusif. Maknanya orang yang mengajar Agama Islam bukan sekadar Munakahat, bukan sekadar Fikah sahaja tetapi ia perlulah merentasi pelbagai keperluan dan kepentingan umat Islam itu sendiri. Termasuk bidang ekonomi, bidang pendidikan, bidang *parenting*, bidang sosial, bahkan yang disebutkan oleh Meru tadi bidang politik Fikh Aulauyat, bagaimana nak membuat satu keputusan kalau sama-sama penting yang mana satu didahulukan, yang mana satu dikemudiankan. Antara masalah mana yang besar mana yang kecil. Maknanya dengan sumber yang terhad apa yang mesti kita buat. Begitu juga dengan masalah ada yang kecil ada yang besar. Bagaimana nak membuat keputusan supaya kita meminimumkan kesan masalah yang apa ....yang kecil kita pilih, kerana kedua-duanya tak bagus tetapi kita pilih yang mana lagi kurang mudaratnya. Jadi saya mencadangkan.....kalau ikut di sini di apa yang ada pada saya ini kategorinya ada pelbagai kategori. Jadi saya mencadangkan Kerajaan mengkaji semula supaya menyenaraikan segala kategori-kategori yang perlu supaya orang yang diberi tauliah ini bukan sekadar yang mungkin yang ada sekarang ini yang mungkin yang agak terhad kategorinya agak sedikit jadi supaya kalau kita betul-betul nak pastikan orang yang memberikan pengajaran bertauliah ini diambil tindakan dan sebagainya sudah tentulah kerajaan sendiri mesti memastikan ia telah mencakupi segala bidang kehidupan di dalam masyarakat ini. Jadi saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Tolong betulkan *mic* ni, saya banyak cakap agaknya minggu ni. *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera....

**TUAN SPEAKER:** Sekejap Sungai Air Tawar ya...Sungai Air Tawar menggunakan platform mikrofon Subang Jaya sekarang, silakan.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Tapi bukan dari Subang Jaya ya. Terima kasih kepada Speaker kerana memberi kelonggaran kepada saya untuk membahaskan usul Rang Undang-undang pindaan Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar cuba *test* mikrofon yang itu pulak. Tekan...tekan semula....tekan semula. Teruskan.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya mengambil maklum tentang pindaan ini dan ada beberapa perkara yang perlu saya jelaskan mengenai dengan pengajaran konsep dakwah bertauliah dan tidak bertauliah. Kita sedia maklum bahawa kadangkala pendakwah ataupun ustaz-ustaz ni yang profesional belajar di luar negara ya di mana mereka akan belajar di Iran ya ataupun di Mesir di mana di situ banyak mazhab-mazhab seperti Syiah, IS dan sebagainya. Kadangkala mereka ini cuba membawa perkara-perkara ini dalam masjid di mana masjid-masjid ini adalah tempat untuk mendapatkan ilmu ya...mencari ilmu memberi penjelasan. Dan contohnya yang saya dengar sendiri ya mengenai pengajaran dakwah ini di mana kadangkala perkara ini dah berlaku bertahun-tahun bahawa contohnya saya nyatakan bahawa ada ustaz-ustaz ini mengatakan bahawa Talkin itu bidaah, tahlil itu bidaah dan itu sudah tentu menjadi prasangka kepada ahli-ahli Qariah dan saya haraplah dalam pemberian tauliah ini biarlah mereka yang benar-benar ....ya mereka yang benar-benar tinggi ilmunya ya yang telah pun dipelajari dan kita sedia maklum bahawa sampai ke hari ini doa...doa yang dibaca setiap masjid pun telah dinyatakan bahawa kita tolak Syiah...ya ...kita amalkan Sunah Waljamaah...di mana-mana masjid. Kalau perkara-perkara yang saya nyatakan tadi tak berlaku sudah tentu ya doa ini tidak dimasukkan dalam doa imam-imam tadi lah. Selain daripada itu kita juga kadangkala terfikir dalam pemilihan jawatankuasa Qariah kadangkala mereka yang terpilih secara sebulat suara tetapi bila keputusan akhir keluar nampaknya mereka terkeluar dimasukkan mereka yang kalah atau kadangkala tak terpilih pun dalam senarai ahli qariah itu memang membimbangkan kepada Qariah Masjid kenapa mereka dipilih kelayakan-kelayakan yang tertentu yang sedia maklum bahawa peraturan-peraturan penggunaan masjid telah pun di '*frame*' kan besar, ia besar di setiap masjid ataupun surau oleh di bawah Duli Tuanku dan nampaknya ia minta maaf saya juga bekas Setiausaha Surau Kg Sungai Air Tawar. Kadangkala para penceramah ini mula-mula memang bagus tetapi akhirnya menghentam ia menghentam bayangkanlah, ni saya bayangkanlah kalau tuan-tuan seseorang ahli qariah datang ke masjid dengan hati yang terbuka sanggup datang kadang berhujan tetapi bila sampai ke masjid dibantai dan sebagainya sudah tentu keikhlasan nawaitu ke masjid itu sudah lari daripada hasrat mereka dan sedikit sebanyak niat mereka sudah terganggu. Oleh itu saya berharaplah agar pemilihan mereka-mereka yang mengajar berdakwah ya di masjid ini diambil perkara penting supaya mereka yang datang ke masjid ini dengan hati terbuka dan bila balik dapat ilmu dan sebagainya. Oleh itu saya dengan besar hati menyokong pindaan Rang Undang-Undang

Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor. *Wabillah Hitaufiq Walhidayah, Assalamualaikum warahmatullah hiwabaratu.*

**TUAN SPEAKER:** *Walaikumussalam.* Saya persilakan kerajaan untuk memberikan penjelasan jika ada.

**Y.B DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih kepada Ahli-Ahli Dewan Negeri yang memberikan respons ataupun berbahas dalam perbahasan ini terima kasih kepada Tanjung Sepat, Kota Anggerik, Sabak Bernam, Sabak, Meru, Paya Jaras, Selat Klang dan Sungai Air Tawar.

Saya kira rata-rata membangkitkan berkaitan dengan pindaan Enakmen dengan penambahan surau dalam Rang Undang-Undang ini yang mana secara umumnya kenapa dimasukkan surau di dalam pindaan ini adalah untuk memperkasakan pengurusan surau daripada penubuhan, penyelenggaraan surau dan juga sehinggalah pelantikan pegawai-pegawai termasuklah pegawai surau atau pun pegawai pengurusan surau yang saya kira '*message*' utamanya adalah untuk memperkasakan institusi surau itu sendiri di mana '*message*' bagaimana kita memperkasakan masjid-masjid yang ada di Negeri Selangor. Ya saya tidak menafikan jumlahnya begitu besar dan mungkin juga kita terpaksa menghadapi pelbagai kerenah daripada penubuhan surau sehinggalah pelantikan Jawatankuasa dan sebagainya. Dengan adanya lebih daripada 400 buah masjid yang ada di Negeri Selangor pun kita masih lagi mempunyai kekangan-kekangan di dalam pengurusan dan juga dalam penyelenggaraan masjid-masjid di Negeri Selangor apatah lagi dengan jumlah surau yang melebihi daripada 4 ribu surau yang ada di seluruh Negeri Selangor sudah tentulah kekangan-kekangan yang terpaksa kita hadapi. Walaupun begitu kita melihat kita mahu ada Jawatankuasa dalam Rang Undang-Undang ataupun Enakmen yang kita ada di dalam Negeri Selangor ini supaya akhirnya pengurusan ini akan menjadi lebih baik sifatnya dan saya kira perkara yang ditimbulkan oleh Tanjung Sepat termasuklah berkaitan dengan surau ataupun tanah aset yang pada masa ini adalah mungkin milik wakaf persendirian yang bukan wakaf yang di wakafkan kepada MAIS mungkin juga akan menimbulkan pelbagai isu tetapi inilah antara bagaimana kita hendak melihat supaya apabila ditubuhkan satu surau itu dia memenuhi tatacara yang baik supaya akhirnya penubuhan, penyelenggaraan dan juga pengurusan surau ini akan dapat dilakukan dengan sebaiknya.

Saya melihat bahawa antara isu yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan pelantikan Jawatankuasa yang mana sudah tentulah Jawatankuasa ini daripada segi kaedah-kaedah pelantikan itu akan ada kaedah yang akan digubal seperti mana berlaku pada hari ini Majlis Agama Islam Negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri Selangor sedang menggubal kaedah-kaedah tatacara pengurusan Jawatankuasa Pengurusan Masjid yang saya kira kita masih lagi di dalam proses penggubalan yang mana kita mengharapkan bahawa faedahnya

adalah yang terbaik kepada pengurusan masjid yang mungkin akan digunakan pakai juga kepada surau-surau pun begitu mungkin sedikit sebanyak kaedah-kaedah itu adalah ada sedikit perbezaan dan di atas kemampuan Kerajaan Negeri ataupun Majlis Agama Islam sendiri dan Jabatan Agama Islam sebagai agensi pelaksana tidak mungkin kita akan mengurus secara keseluruhan pada peringkat awal mungkin beberapa masjid ataupun yang kita akan gunakan melalui kaedah-kaedah ini dan sudah tentulah kaedah-kaedah ini walaupun digubal di peringkat Majlis Agama Islam Negeri Selangor bersama-sama Jabatan Agama Islam Negeri Selangor ianya sudah tentu akan mendapat ataupun mendapat kelulusan dan juga melalui mungkin proses melalui proses Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang akan dibincangkan oleh EXCO-EXCO sebelum ianya boleh dikuatkuasakan.

Jadi perkara yang berkaitan dengan tauliah saya kira ini adalah antara perkara yang kalau kita lihat daripada satu sudut yang baik adalah kita nak melihat bagaimana pendidikan ataupun pengajaran-pengajaran yang berlaku di masjid-masjid dan juga kita harapkan di surau-surau dapat dilakukan dengan sebaik mungkin. Kalau kita mengamalkan Ahli Sunnah Waljamaah maka itulah sifat ajaran-ajaran yang kita nak bawa di surau-surau dan juga di masjid-masjid dan saya tak menafikan mungkin berlaku seperti mana disebutkan oleh Sungai Air Tawar tadi. Kadang-kadang ada pengajian-pengajian yang mungkin ada bibit-bibit politik di sana dan kita mengharap supaya kalau ada berlaku perkara-perkara seperti ini tidak kiralah dari politik mana maka dia akan dibawa kepada peringkat Kerajaan Negeri untuk kita melihat dan mengambil tindakan yang sewajarnya supaya akhirnya ilmu, pendidikan, pengajaran berkaitan Islam itu diajar ataupun dididik kepada masyarakat mengikut lunas-lunas yang sebenarnya.

Jadi saya melihat secara keseluruhannya, Ahli-ahli Yang Berhormat semua bersetuju supaya dengan pindaan ini dan cuma harapan supaya ada perkara-perkara yang boleh dipertimbangkan supaya ada penambahbaikan daripada segi kaedah pelaksanaan yang Insya-Allah sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di peringkat Kerajaan Negeri sendiri kita akan melihat perkara-perkara mengikut kesesuaian pada masa yang tertentu dan sudah tentunya lah prinsip-prinsip keadilan, prinsip-prinsip kebertanggungjawaban, prinsip-prinsip ketulusan itu akan dibawa di dalam kita menggubal apa bentuk pun termasuklah kaedah-kaedah untuk pengurusan surau-surau dan masjid di Negeri Selangor itu sendiri.

Jadi untuk akhirnya saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Dewan yang memberikan pandangan-pandangan dan saya kira pandangan-pandangan tuan-tuan semua akan diambil kira dan demi keselamatan dan kebaikan agama Islam di Negeri Selangor itu sendiri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian cadangan di hadapan Dewan. ialah Bahawa Rang Undang-Undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan YA. Yang tidak, sila katakan TIDAK. DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Bacaan Kali Yang Kedua, Rang Undang-Undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

**Y.B DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tuan Speaker, saya memohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-Undang ini fasal demi fasal.

**Y.B DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 1 hingga Fasal 4

**TUAN SPEAKER:** Fasal 1 hingga Fasal 4 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan YA. Yang Tidak, katakan TIDAK. DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 5 hingga Fasal 9

**TUAN SPEAKER:** Fasal 5 hingga Fasal 9 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan YA. Yang Tidak, katakan TIDAK. DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 10 hingga Fasal 12

**TUAN SPEAKER:** Fasal 10 hingga Fasal 12 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan YA. Yang Tidak, katakan TIDAK. DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 13 hingga Fasal 15

**TUAN SPEAKER:** Fasal 13 hingga Fasal 15 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan YA. Yang Tidak bersetuju, sila katakan TIDAK. DIPERSETUJUI.

**Y.B DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Tuan Pengerusi, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang semula.

**Y.B DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-Undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan Kali Yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-Undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, bersetuju dengan cadangan ini sila katakan YA. Yang Tidak, sila katakan, TIDAK. DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Bacaan Kali Ketiga Rang Undang-Undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor)(Pindaan)(No. 2) 2015.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Mesyuarat seterusnya Rang Undang-Undang Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (semua peringkat).

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi mengadakan peruntukan yang berhubungan dengan wakaf dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

**Y.B DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tuan Speaker, oleh sebab Rang Undang-Undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga, saya mencadangkan di bawah Peraturan Tetap 78 supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 48 dan 53, bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tuan Pengerusi, saya menyokong.



**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan telah disokong. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan YA. Yang Tidak bersetuju, sila katakan TIDAK. DIPERSETUJUI.

**Y.B. DATO' Dr. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya bangun mencadangkan satu Rang Undang-Undang Wakaf Negeri Selangor 2015 yang bertujuan untuk memansuhkan Enakmen Wakaf Negeri Selangor 1999 untuk bacaan kali kedua. Perkara 74 Fasal (2) Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan perundangan sesuatu Negeri yang boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang tersebut satu persatu dalam senarai negeri iaitu senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan atau senarai bersama. Sehubungan dengan itu Butiran 1 senarai Kedua dalam Jadual Kesembilan kepada perlembagaan persekutuan memperuntukkan kuasa membuat undang-undang kepada kerajaan negeri bagi perkara-perkara berkaitan wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang operasi keseluruhannya di negeri Selangor. Selanjutnya Perkara 74 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 memperuntukkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah menjadi Ketua Agama Islam dan boleh menyebabkan diperbuat undang-undang bagi maksud mengawal selia hal ehwal agama Islam dan menubuhkan agama Islam negeri Selangor untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Sultan dalam semua perkara yang berhubung dengan agama Islam. Sehubungan dengan itu, sejak tahun 1999 undang-undang bertulis berkaitan pentadbiran wakaf di negeri Selangor iaitu Enakmen Wakaf negeri Selangor 1999 telah digubal dan diwartakan pada 29 Disember 1999 bagi mengadakan peruntukan-peruntukan yang menyeluruh serta lengkap berhubung pentadbiran wakaf di dalam negeri Selangor. Selain itu Enakmen wakaf di negeri Selangor 1999 adalah Enakmen Wakaf yang pertama diwujudkan dan ia menjadi rujukan utama dalam pengurusan dalam menguruskan terimaan wakaf tunai di negeri Selangor serta pewujudan Enakmen Wakaf di negeri-negeri lain. Sehingga kini, Enakmen Wakaf di negeri Selangor 1999 masih berkuat kuasa tanpa sebarang pindaan serta telah menjadi punca kuasa bagi:

1. Pewujudan wakaf bahagian 3 Enakmen Wakaf di Negeri Selangor 1999.
2. Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Wakaf yang dipertanggungjawabkan untuk mentadbir dan menguruskan semua perkara yang berhubung dengan wakaf di Negeri Selangor. Bahagian 4 Enakmen Wakaf Negeri Selangor 1999 dan kuasa-kuasa Majlis sebagai pemegang amanah tunggal Negeri Selangor Bahagian 8 Enakmen Wakaf Negeri Selangor 1999. Selaras dengan peruntukan seksyen 8 Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri Selangor 2003, Majlis Agama Islam Selangor telah menubuhkan Perbadanan Wakaf Selangor melalui Perintah Penubuhan Perbadanan Wakaf Selangor 2011 yang diwartakan pada 3 Februari

2011 bagi membantu Majlis dalam menguruskan perkara mengenai wakaf seperti terimaan wakaf tunai dan pembangunan harta wakaf di negeri Selangor. Sehingga kini, Perbadanan Wakaf Selangor berfungsi dan diberi kuasa menguruskan wakaf di Negeri Selangor bagi pihak Majlis Agama Islam Selangor. Cadangan penggubaan Enakmen Wakaf Negeri Selangor 2015 ini juga telah dibincangkan dan diputuskan bersekali dengan cadangan pindaan terhadap Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 Pindaan No.2 2015 mengenai wakaf di dalam Mesyuarat MAIS Khas Bil.3/.2015 yang bersidang pada 7 Julai 2015 supaya dibuat pindaan terhadap beberapa peruntukan mengikut keperluan utamanya, iaitu sebagai mematuhi keputusan Mesyuarat MAIS Bil.1/2014 yang memutuskan supaya Jawatankuasa Pengurusan Wakaf dan Ahli Lembaga Perbadanan Wakaf Selangor digabungkan menjadi satu entiti bagi menyelaraskan pengurusan wakaf di Negeri Selangor yang kini diuruskan dan dipertanggungjawabkan kepada Perbadanan Wakaf Selangor, dan keperluan-keperluan lain. Seterusnya, sebelum Rang Undang-undang ini dibentangkan, cadangan pindaan ini telah dipersembahkan ke bawah Duli Yang Mulia Sultan pada 15 Julai 2015 bersekali dengan cadangan pindaan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 Pindaan No.2 2015 mengenai wakaf dan Duli Yang Maha Mulia Sultan telah memperkenankan semua pindaan terhadap Kedua-dua Rang Undang-Undang tersebut. Ini bertepatan dengan Perkara 47 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 memperuntukkan Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah menjadi Ketua Agama Islam dan boleh menyebabkan diperbuat undang-undang bagi maksud mengawal selia hal ehwal agama Islam dan menubuhkan Majlis Agama Islam Selangor untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam semua perkara yang berhubung dengan agama Islam. Huraian ringkas mengenai cadangan pindaan kepada Enakmen adalah seperti berikut:

Bahagian I mengandungi peruntukan permulaan.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Enakmen yang dicadangkan.

Fasal 3 memperuntukkan tentang kuasa prerogatif Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam dalam Negeri Selangor.

Bahagian (II) 2 mengandungi peruntukan yang berhubung dengan kuasa dan tanggungjawab Majlis.

Fasal 4 memperuntukkan kuasa Majlis selaku pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf yang terletak di Negeri Selangor dan kewajipan,

tanggungjawab serta kuasa Majlis berhubung dengan pentadbiran, pengurusan dan pembangunan wakaf.

Fasal 5 memperuntukkan bahawa wakaf yang diwujudkan di bawah Enakmen yang dicadangkan hendaklah terletak hak kepada Majlis.

Fasal 6 memperuntukkan kuasa Majlis untuk membeli harta sebagai wakaf dengan menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Wakaf, Baitulmal atau sumber-sumber lain yang dibenarkan oleh Hukum Syarak.

Fasal 7 memperuntukkan kuasa Majlis untuk menggantikan mawquf dengan cara mengistibdal tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Fatwa.

Fasal 8 memperuntukkan kuasa Majlis untuk mewakili kuasa Majlis kepada Perbadanan penunaian mana-mana kewajipannya atau perjalanan mana-mana kuasanya di bawah Enakmen ini.

Bahagian III (3) mengandungi peruntukan tentang pelantikan Ketua Pendaftar Wakaf dan Pendaftar Wakaf.

Fasal 9 memperuntukkan kuasa Majlis untuk melantik seorang Ketua Pendaftar Wakaf dan Pendaftar Wakaf serta menerangkan tanggungjawab Pendaftar Wakaf.

Bahagian IV (4) mengandungi peruntukan tentang pewujudan wakaf.

Fasal 10 memperuntukkan tentang rukun wakaf.

Fasal 11 memperuntukkan syarat bagi seseorang yang hendak mewujudkan wakaf menurut Hukum Syarak.

Fasal 12 memperuntukkan jenis wakaf yang boleh diwujudkan iaitu wakaf am dan wakaf khas.

Fasal 13 memperuntukkan permulaan kuat kuasa wakaf iaitu apabila segala rukun dan syarat bagi pewujudan sesuatu wakaf menurut Hukum Syarak telah dipenuhi.

Fasal 14 memperuntukkan tentang sekatan ke atas wakaf khas. Sesuatu wakaf khas yang dibuat selepas berkuat kuasanya Enakmen ini hendaklah terbatal dan tidak sah melainkan jika setelah mendapat kebenaran Majlis.

Fasal 15 memperuntukkan tentang pendaftaran sesuatu wakaf dalam suatu daftar wakaf. Perbadanan hendaklah mengadakan daftar wakaf bagi wakaf

yang majlis menjadi mawquf'alah dan wakaf yang Majlis menjadi pemegang amanah.

Fasal 16 memperuntukkan tentang penyiaran senarai mawquf tentang semua harta, pelaburan dan aset yang terletak hak kepada Majlis.

Fasal 17 memperuntukkan bahawa wakaf yang telah disempurnakan menurut Hukum Syarak tidak boleh dibatalkan oleh waqif.

Fasal 18 memperuntukkan hal keadaan di mana wakaf tidak sah dibuat.

Bahagian V (5) mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan mawquf.

Fasal 19 memperuntukkan syarat-syarat bagi sesuatu mawquf.

Fasal 20 memperuntukkan jenis-jenis mawquf.

Fasal 21 memperuntukkan mengenai wakaf tunai daripada mana-mana orang, pertubuhan atau institusi bagi maksud apa-apa wakaf.

Fasal 22 memperuntukkan penawaran saham wakaf oleh Perbadanan kepada mana-mana orang untuk dibeli dan diwakafkan kepada Majlis.

Fasal 23 memperuntukkan tentang wakaf saham yang diwakafkan oleh mana-mana orang, pertubuhan atau institusi dengan syarat bahawa perniagaan atau pelaburan yang dijalankan selaras dengan Hukum Syarak.

Fasal 24 memperuntukkan tentang penyerahan apa-apa hasil di atas tanah yang dimiliki seseorang waqif sebagai wakaf.

Fasal 25 memperuntukkan hak waqif untuk menikmati manfaat sesuatu mawquf bagi kebajikan umum yang diwujudkan olehnya.

Fasal 26 memperuntukkan tentang pembangunan semula sesuatu mawquf yang telah musnah.

Bahagian VI (6) bertujuan untuk membuat peruntukan yang berkaitan dengan mawquf'alah.

Fasal 27 memperuntukkan kuasa Majlis untuk menjadi mawquf'alah bagi sesuatu wakaf.

Fasal 28 memperuntukkan penetapan apa-apa syarat tertentu oleh waqif dengan kebenaran Majlis, berhubung dengan mawquf'alah sebelum

mawquf'alaih itu berhak kepada manfaat, kepentingan atau keuntungan sesuatu mawquf.

Fasal 29 memperuntukkan kuasa Majlis dalam pembahagian manfaat, kepentingan atau keuntungan sekiranya terdapat lebih daripada seorang mawquf'alaih dalam suatu wakaf tanpa ditentukan bahagian mereka masing-masing.

Fasal 30 memperuntukkan tentang hal keadaan sekiranya ketiadaan mawquf'alaih dalam sesuatu wakaf.

Bahagian 7 mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan wakaf secara wasiat.

Fasal 31 memperuntukkan tentang wakaf kepada waris sama ada dalam keadaan marad al maut atau sebaliknya.

Fasal 32 memperuntukkan tentang wakaf kepada bukan waris sama ada dalam keadaan marad al maut atau sebaliknya.

Fasal 33 memperuntukkan tentang pelaksanaan wakaf yang dibuat secara wasiat.

Fasal 34 memperuntukkan tentang kadar bagi wakaf yang dibuat secara wasiat iaitu hendaklah tidak melebihi satu pertiga daripada jumlah harta peninggalan waqif.

Fasal 35 memperuntukkan tentang wakaf yang dibuat secara wasiat yang tidak dilaksanakan.

Bahagian 8 mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan Kumpulan Wang Wakaf.

Fasal 36 memperuntukkan kuasa Majlis untuk menubuhkan Kumpulan Wang Wakaf.

Fasal 37 memperuntukkan pengurusan manfaat atau kepentingan yang diperolehi daripada suatu wakaf sama ada am atau khas.

Fasal 38 memperuntukkan tentang penggunaan Dana Kumpulan Wang Wakaf.

Fasal 39 memperuntukkan tentang akaun dan laporan Kumpulan Wang Wakaf yang perlu diuruskan oleh Perbadanan.

Bahagian 9 mengandungi peruntukan penentuan Hukum Syarak.

Fasal 40 memperuntukkan tentang merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa mengenai apa-apa isu penentuan Hukum Syarak.

Fasal 41 memperuntukkan tentang sesuatu mawquf yang boleh iistibdal oleh Majlis melalui Perbadanan serta tertakluk kepada Jawatankuasa Fatwa.

Fasal 42 memperuntukkan tentang hal keadaan mawquf bagi suatu wakaf khas yang terbiar.

Bahagian 10 mengandungi peruntukan mengenai peruntukan am.

Fasal 43 memperuntukkan tentang kuasa Majlis untuk membuat peraturan-peraturan.

Fasal 44 memperuntukkan tentang kawal Majlis.

Fasal 45 memperuntukkan tentang kesalahan pengurusan dan pentadbiran wakaf tanpa kebenaran Majlis iaitu boleh didenda tidak melebihi seribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Fasal 46 memperuntukkan tafsiran surat cara atau perisytiharan yang mewujudkan atau menyentuh wakaf.

Fasal 47 memperuntukkan tentang rujukan kepada Hukum Syarak bagi apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan dalam Enakmen yang dicadangkan.

Fasal 48 memperuntukkan tentang pemansuhan Enakmen Wakaf Negeri Selangor 1999.

Fasal 49 memperuntukkan perkara-perkara kecualian dan peralihan.

Jadual memperuntukkan perkataan atau ungkapan tertentu di dalam skrip bahasa Arab. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya mohon mencadangkan.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-Undang ini untuk dibahaskan. Sila Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN Dr. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker saya mengambil kesempatan untuk membahaskan Enakmen Wakaf Pindaan 2015 ini yang mana saya rasa pindaan ini adalah bagi menambahbaikkan sistem Wakaf yang dilaksanakan di Negeri Selangor ini. Kita maklum sistem ekonomi Islam dibina pertamanya oleh Zakat di mana setiap umat Islam yang berlebihan dikehendaki membayar Zakat iaitu *Alhamdulillah* kutipan Zakat telah pun meningkat.

Walau bagaimanapun, wakaf ini nampaknya belum mencapai tahap yang diharapkan dan inilah satu lagi sumber ekonomi umat Islam. Kalau kita lihat contohnya Universiti Al-Azhar adalah sebuah universiti yang dibina atas dasar wakaf, yang menjadikan hari ini sesiapa yang belajar di Universiti Al-Azhar antara tempat belajar yang murah sebab yuran dikenakan agak minimum kerana ia dibiayai oleh dana wakaf. Sebab itulah kita rasakan bahawa satu kaedah yang lebih baik di negeri Selangor agar sistem wakaf ini dapat diperkukuhkan dan kita maklum bahawa bagi umat Islam kita percaya apabila kita mati akan terputus segala amalannya kecuali tiga perkara. Pertama; ilmu yang diajarkan yang diamalkan, keduanya doa dari anak yang soleh dan ketiga sedekah jariah yang mana wakaf ini merupakan sedekah jariah yang berkekalan yang menjadi satu tabungan di akhir hayat, iaitu kita menggalakkan supaya umat Islam di negeri Selangor untuk berwakaf agar tahu bahawa wakaf ini dapat diteruskan. Walau bagaimanapun, terdapat masalah juga di mana tanah-tanah wakaf yang diwakafkan ini tidak digunakan sebaik-baiknya. Banyak harta-harta wakaf yang terbiar, yang tidak dimaksimumkan penggunaannya yang menjadikan bahawa supaya Lembaga Wakaf ini menguruskan tanah-tanah wakaf ini. Ada satu kes jumpa saya di mana keluarganya berwakaf sebuah rumah untuk anak yatim, malangnya pihak wakaf tidak menguruskan dengan baik hingga jadi usang rumah itu dan apabila waris-waris nak menguruskan balik, jadi masalah kerana harta wakaf ini tidak boleh dituntut semula. Seterusnya ialah apa ni, kita mengharapkan harta-harta wakaf ini diuruskan dengan baik. Ada baiknya wakaf ini dimonopoli atau dikuasai penuh oleh MAIS untuk menguruskan wakaf tetapi ada sesetengah negara lain yang tidak ada sistem wakaf di mana pewakaf ini akan wakaf terus kepada sekolah agama atau pondok-pondok yang nampaknya ia berkesan di mana mereka yang berwakaf berhak untuk wakaf terus kepada tempat-tempat untuk mereka berwakaf. Apakah ada peruntukan di Majlis Agama Islam Selangor ini supaya jika mereka hendak berwakaf ini boleh wakaf terus kepada institusi-institusi agama yang mereka mahukan dan di negeri Selangor ini wakaf ini dikawal sepenuhnya oleh MAIS. Jadi ia memberi satu, ada baiknya supaya dana itu diuruskan secara pusat tetapi ada kelemahannya. Saya dapati pengagihannya tidak terus iaitu kita lihat banyak tahfiz-tahfiz ini Selangor ini yang sangat daif. Kalau lah dibenarkan kepada mereka yang nak berwakaf terus, makna mereka boleh wakaf terus ke tahfiz untuk mempertingkatkan lagi perjalanan sekolah-sekolah agama ini. Itulah saya menyokong Enakmen ini mudah-mudahan dapat mempertingkatkan lagi ekonomi umat Islam di negeri Selangor.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Sungai Air Tawar. Masih tak ada lagi?

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Nampaknya macam disabotaj je daripada tadi tak dipedulikan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar menggunakan mikrofon Subang Jaya. Silakan.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Terima kasih Timbalan Speaker. Saya menyokong penuh tentang pengurusan tanah-tanah wakaf ini cuma ada satu perkara yang menyatakan mengenai tanah wakaf di masjid. Kadangkala masjid-masjid ini tidak urus setia tanah-tanah wakaf ini kadangkala menjadikan kariah-kariah marah kepada pengurus-pengurus tanah wakaf ini. Kita sedia maklum bahawa pendapatan di tanah wakaf ini tujuannya ialah untuk meningkatkan aktiviti di sesebuah masjid atau surau walaupun pembayaran pentadbiran dan pembangunan masjid itu di mana kita sedia maklum bahawa sesuatu organisasi itu memerlukan kewangan tapi jika lah kewangan itu tidak diurus dengan betul, sudah tentu ia menjadikan satu masalah bagi institusi masjid ini. Apa yang ingin saya nyatakan di sini ialah kadangkala ahli kariah pada waktu ibu bapanya dahulu telah mewakafkannya ke masjid sebagai wasiat dan sebagainya tetapi hingga ke hari ini mungkin saya tak perlulah menyebut masjid-masjid tertentu tetapi saya haraplah Majlis Agama Islam Selangor memastikan atau mewajibkan setiap masjid itu menyatakan tanah-tanah wakaf yang telah pun diwakafkan oleh keluarganya masa dahulu kadang kala sampai sekarang masih ada lagi pertikaian. Mungkin satu borang atau sebagainya perlu diedarkan ke masjid-masjid untuk memberi fakta sebenar tanah-tanah wakaf ini sebab sampai sekarang ada yang tidak terurus. Saya nyatakan perkara ini supaya ahli kariah tidaklah tuduh menuduh antara satu sama lain dan akhirnya menjadi masalah kepada masjid-masjid. Saya rasa itu sahaja yang saya ingin nyatakan pada hari ini. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEKAER:** Saya persilakan pihak kerajaan jika ada penjelasan atau penggulungan.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Kota Anggerik dan juga Sungai Air Tawar yang berbahas berkaitan dengan Rang Undang-undang yang kita bincangkan ini. Jadi saya kira dengan kelulusan Rang Undang-undang ini dapat memberikan banyak perkara kebaikan kepada sistem wakaf yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam Selangor dan perkara yang disebutkan oleh Kota Anggerik dan juga Sungai Air Tawar tadi juga saya kira dengan semangat ataupun dasar yang diluluskan dalam Mesyuarat MAIS Bil. 3/2015 antaranya ialah mewujudkan Seksyen 4, Rang Undang-undang Enakmen tersebut yang memberikan kuasa kepada Majlis, melantik atau memberikan kebenaran bertulis kepada mana-mana pihak untuk menjadi Pengurus, Pentadbir ataupun Pemegang apa-apa *mahpu* dan saya kira seperti mana kita sedia maklum banyak tanah-tanah wakaf yang diwakafkan sebelum ini sebahagian besarnya tidak didaftarkan secara *official*. Sebab itu lah saya



kira dengan adanya Rang Undang-undang ini yang akan diluluskan nanti urusan urus tadbirnya akan menjadi lebih baik dan kekhuatiran sebahagian besar dari masyarakat ingin mewakafkan sama ada mungkin tanah ataupun wakaf tunai dan sebagainya terutamanya wakaf tanah, yang kekhuatiran mereka, yang apabila diuruskan oleh MAIS maka mereka akan terlepas peluang untuk memulakan sesuatu pembangunan tetapi dengan adanya Enakmen Wakaf yang akan kita luluskan ini maka ada kuasa kepada Pengoperasi atau Pengurus ataupun Pentadbir selagi dia mengikut hukum syarak dia boleh menguruskan. Sebab itulah saya lihat bahawa banyak kelebihan yang akan kita perolehi dengan adanya Enakmen Wakaf yang kita akan luluskan nanti. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan adalah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan Kali Yang Kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Bacaan Kali Yang Kedua Rang Undang-undang ini bernama satu Enakmen Bagi Mengadakan Peruntukan Yang Berhubungan Dengan Wakaf dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini Fasal demi Fasal.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 1 hingga Fasal 4.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Fasal 1 hingga Fasal 4 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 5 hingga Fasal 8.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Fasal 5 hingga Fasal 8 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 9 hingga Fasal 12.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Fasal 9 hingga Fasal 12 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 13 hingga 16.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Fasal 13 hingga Fasal 16 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 17 hingga 20.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 17 hingga Fasal 20 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 21 hingga 24.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Fasal 21 hingga Fasal 24 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 25 hingga 28.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Fasal 25 hingga Fasal 28 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 29 hingga 32.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Fasal 29 hingga Fasal 32 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 33 hingga 36.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Fasal 33 hingga Fasal 36 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 37 hingga 40.

**TIMBALAN SPEAKER:** Fasal 37 hingga Fasal 40 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 41 hingga 44.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Fasal 41 hingga Fasal 44 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 45 hingga 49.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Fasal 45 hingga Fasal 49 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dewan bersidang semula.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Bacaan Kali Yang Ketiga, Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015. Aturan seterusnya. Rang Undang-undang Tabung Amanah Warisan Anak Selangor 2015 (semua peringkat). Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen bagi membuat peruntukan mengenai pentadbiran suatu kumpulan wang amanah yang dikenali sebagai 'Tabung Amanah Warisan Anak Selangor' yang ditubuhkan di bawah ketetapan Dewan Negeri Selangor menurut prenggan10 (4) (b) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) dan perkara lain yang berhubung dengannya.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Timbalan Tuan Speaker. Sidang Dewan yang mulia, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* serta Salam Sejahtera.

Pergi ke kebun menanam sayur,  
Sayur ditanam.....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Tak apa dulu. Sementa duduk dulu.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Pukul satu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Duduk dulu. Terima kasih. Ahli Yang Berhormat sekalian, jam telah menunjukkan jam 1.00 tengah hari. Dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**

( Dewan disambung semula )

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**TUAN SPEAKER:** Dewan di sambung semula. Saya persilakan Yang Berhormat Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI:** Tuan Speaker. Oleh sebab Rang Undang-Undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga, saya mencadangkan di bawah Peraturan Tetap 78, supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 48 dan 53 bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini, sila kata **YA**. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. Cadangan ini dipersetujui.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI:** Terima kasih Tuan Speaker. Sidang Dewan yang mulia. *Assalamualaikum warahmatullahi taalah wabarakatuh.*

Pergi ke kebun menanam sayur,  
Sayur ditanam rapat-rapat,  
Program merakyatkan ekonomi Selangor,  
Anak-anak mendapat manfaat.

Anak tupai tidur dipohon,  
Pohon ditanam di kaki lima,  
Capai umur 18 tahun,  
RM1,500.00 bakal diterima.

Pergi ke taman mencari ulat,  
Ulat bertukar menjadi rama-rama,  
YAWAS menguruskan produk bermanfaat,  
Tabung Warisan Anak Selangor diberi nama.

Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) telah mula diperkenalkan pada bulan Jun 2008 iaitu dalam Majlis Sambutan Pencapaian 100 hari Kerajaan Negeri Selangor sebagai salah satu daripada tujuh (7) agenda dalam Program Merakyatkan Ekonomi Selangor atau MES Fasa 1.

Skim TAWAS disasarkan kepada bayi-bayi Selangor yang lahir bermula 1 Januari 2008 dengan perlu memenuhi salah satu daripada syarat-syarat pendaftaran

TAWAS. Objektif Skim TAWAS ini bertujuan untuk mengagihkan secara terus manfaat berjumlah RM1,500.00 yang bersumberkan daripada hasil kekayaan negeri Selangor kepada mereka yang berhak selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada Jun 2008, sebuah Yayasan Pemegang Amanah yang kini dikenali sebagai Yayasan Warisan Anak Selangor atau YAWAS telah ditubuhkan bagi mengurus Skim TAWAS. YAWAS telah ditubuhkan pada 5 Februari 2009 di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah Syarikat Berhad menurut jaminan di bawah Menteri Besar Pemerbadanan (MBI). Berdasarkan Perkara 3 dalam *Memorandum And Articel Of Association* (MMA) dengan izin, penubuhan YAWAS adalah untuk mewujudkan, menganjurkan, mentadbir dan menyelenggara suatu dana untuk digunakan semata-mata bagi faedah kebajikan rakyat Selangor yang lahir dan didaftarkan di negeri Selangor pada dan selepas 1 Jan 2008. Ahli Lembaga Pemegang YAWAS dipengerusikan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor dan terdiri daripada dua (2) orang pegawai Kerajaan Negeri serta tiga (3) orang daripada golongan profesional. Operasi pendaftaran TAWAS telah bermula pada 2008 dan YAWAS telah dipertanggungjawabkan untuk mengurus pendaftaran, mempromosi, mentadbir urus operasi Skim TAWAS dan menyediakan daftar ahli berkomputer.

Sehingga 30 Jun 2015, jumlah ahli TAWAS telah mencapai 186,762 orang iaitu seramai 120,209 orang atau 64 peratus terdiri daripada kaum Melayu, 37,454 orang iaitu 20 peratus daripada kaum cina dan 23,496 orang iaitu 13 peratus kaum India dan lain-lain kaum seramai 5,605 orang iaitu 3 peratus.

Di awal operasi Skim TAWAS ini setiap kanak-kanak yang menjadi ahli akan menerima Sijil Simpanan Tetap atau SST Am Bank bernilai RM100.00 yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri kepada setiap seorang. Walau bagaimanapun berdasarkan keputusan Mesyuarat Ahli Lembaga pemegang Amanah YAWAS Bil 1/2013, pengeluaran Sijil Simpanan Tetap Am Bank diberhentikan dan kemudian telah digantikan dengan pengeluaran Penyata Simpanan TAWAS yang diuruskan sendiri oleh YAWAS. Penyata Simpanan TAWAS ini akan digunakan sebagai bukti oleh ahli semasa membuat tuntutan berjumlah RM1,500.00 apabila mencapai usia 18 tahun.

Pada Mac 2014 YAWAS telah memperkenalkan satu manfaat baru di bawah Skim TAWAS iaitu manfaat khairat kematian ahli TAWAS di mana waris kepada ahli yang meninggal sebelum capai umur 18 tahun akan menerima sumbangan khairat kematian berjumlah RM1,500.00. Manfaat khairat kematian ahli TAWAS ini merupakan perlindungan hayat ahli dalam bentuk insurans tahunan bagi tempoh 18 tahun menggunakan peruntukan RM100.00 yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada YAWAS ke atas setiap ahli yang diluluskan. Selain manfaat kematian ahli TAWAS terdapat beberapa manfaat tambahan yang diberikan kepada mereka yang menjadi ahli TAWAS antaranya:

- 1) Pemberian baucar membeli belah berjumlah RM100.00 kepada ahli kelahiran tahun 2008 iaitu *Jom Shopping Bonus Selangor Ku* pada tahun 2012.
- 2) Bonus tambahan sebanyak RM30.00 kepada ahli kelahiran tahun 2009 dan 2010; serta
- 3) Pemberian baucar bantuan barangan sekolah berjumlah RM50.00 kepada ahli kelahiran tahun 2008 pada tahun 2014.

Setiap ahli TAWAS yang telah berusia 18 tahun akan menerima manfaat berjumlah RM1,500.00 daripada Kerajaan Negeri Selangor. Pembayaran pertama kepada ahli TAWAS akan bermula pada tahun 2026. Bagi kelahiran 2008, Kerajaan Negeri perlu menyediakan dana manfaat Skim TAWAS sebanyak RM31.98 juta pada tahun 2026 bagi membiayai RM1,500.00 kepada 21,323 ahli yang telah mencapai usia 18 tahun. Jumlah dana yang perlu disediakan akan semakin meningkat bagi tahun seterusnya sehingga 30 Jun 2015, jumlah ahli TAWAS telah mencapai 186,762 orang. Ini bermakna jumlah dana TAWAS yang perlu disediakan oleh Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM280.143 juta. Untuk itu bagi mengemas kini kaedah pengurusan dana manfaat Skim TAWAS yang berjumlah RM1,500.00 seorang maka Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke-3/2014 yang telah menimbang dan meluluskan cadangan mekanisme pengurusan pelaburan manfaat Skim TAWAS. Kumpulan Wang Tabung Warisan Anak Selangor atau TAWAS ini, akan ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Sub Seksyen 4 (b) Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi membolehkan Tabung ini menambah nilai dana tersebut melalui pelbagai medium pelaburan seterusnya digunakan untuk tujuan yang berkaitan dengan penubuhannya.

Cadangan Enakmen Tabung Amanah Warisan Anak Selangor atau TAWAS ini telah diluluskan oleh MMKN Ke-21/2015 untuk dibentangkan bagi kelulusan Dewan Negeri Selangor. Justifikasi cadangan penubuhan Tabung Amanah Warisan Anak Selangor adalah seperti berikut:

- i) Kerajaan Negeri bertanggungjawab untuk memastikan dana yang mencukupi bagi menampung bayaran manfaat Skim TAWAS kepada semua ahli TAWAS;
- ii) Skim TAWAS merupakan skim manfaat jangka panjang di mana ahli hanya akan mendapat manfaat Skim TAWAS berjumlah RM1,500.00 selepas mencapai umur 18 tahun. Oleh itu Kumpulan wang TAWAS ini akan menggariskan urus tadbir yang jelas berkaitan pengurusan dana manfaat Skim TAWAS; yang ketiga
- iii) Dengan adanya Kumpulan Wang TAWAS maka laporan tahunan Kumpulan wang ini hendaklah dibentangkan di dalam Dewan Negeri Selangor. Ini bermakna setiap Ahli Dewan Negeri Selangor akan mendapat maklumat yang lengkap berkaitan pengurusan dana manfaat Skim TAWAS.

Lembaga Tabung Amanah Warisan Anak Selangor hendaklah terdiri daripada ahli-ahli berikut:

- a) Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Pengerusi;
- b) Pegawai Kewangan Negeri sebagai Timbalan Pengerusi;
- c) Penasihat Undang-Undang Negeri;
- d) Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Pembangunan);
- e) Timbalan Pegawai Kewangan Negeri sebagai Setiausaha;
- f) Bendahari Negeri sebagai Bendahari; dan
- g) Dua (2) orang yang mempunyai pengalaman serta kepakaran dalam bidang perniagaan, kewangan atau pelaburan.

Kerajaan Negeri akan menyalurkan sejumlah dana secara berperingkat pada setiap tahun yang akan diuruskan oleh Kumpulan Wang TAWAS sehingga tempoh matang bagi ahli TAWAS iaitu apabila ahli TAWAS mencapai umur 18 tahun. Pada tahun 2015 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan dana sejumlah RM12.5 juta untuk disalurkan kepada Kumpulan Wang TAWAS. Lembaga TAWAS akan melaburkan dana tersebut bagi mendapatkan pulangan sewajarnya dalam pelbagai bentuk pelaburan sedia ada seperti mandat pengurusan dana, saham amanah, bon, hartanah dan sebagainya yang selari dengan Rang Undang-Undang yang berkaitan.

Ketika ini terdapat dua (2) Tabung Amanah yang mempunyai bidang kuasa untuk membuat pelaburan yang sama dengan TAWAS iaitu Tabung Amanah Warisan Negeri Selangor dan Tabung Amanah Bencana Alam.

Yang Berhormat sekalian boleh merujuk kepada laporan tahunan 2013 yang telah dibentangkan di Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Ke-13 tahun 2014 yang lalu bagi menilai prestasi kewangan bagi Tabung Amanah Warisan Negeri Selangor dan Tabung Amanah Bencana Alam. Tahun lepas kita ada membentangkan. Seterusnya Kumpulan Wang TAWAS akan membuat bayaran berdasarkan tuntutan kepada pihak YAWAS untuk dibayar kepada ahli TAWAS apabila mencapai umur 18 tahun.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya dengan ini mohon mencadangkan.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah penyokong.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian cadangan ini telah pun disokong saya kemukakan Rang Undang-Undang ini untuk dibahaskan.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.



**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, Sekinchan bangun turut serta untuk membahaskan Enakmen Tabung Amanah Warisan Anak Selangor 2015 yang dibentangkan. Saya nampak apa yang kerajaan laksanakan sejak 2008 iaitu Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) ini memang cukup baik dan tepat pada masanya di mana Tabung ini dapat memberi kebajikan kepada anak-anak di seluruh negeri Selangor yang baru dilahirkan tidak kira sama ada Melayu, Cina, India dan sebagainya tiada kuota dikenakan dalam Tabung ini. Ini cukup baik, tiada kuota dan sesiapa sahaja syarat, kriteria mencukupi, anak Selangor boleh mendaftar dalam Tabung TAWAS ini dan di DUN Sekinchan sendiri, saya nampak sejak permulaan dulu 2008 sebaran agak berkurangan pada ketika itu ya.., permulaan sambutan tidak begitu menggalakkan tetapi sekarang ini, sejak beberapa tahun yang lalu saya nampak sambutan semakin hangat ya, hebaran cukup baik dan sekarang ini di Sekinchan sahaja sudah ada 1,691, 1,691 hingga hari ini pendaftaran ha... lebih kurang daripada jumlah pengundi Sekinchan 10 peratus, 10 peratus di satu DUN. Ini satu angka yang saya nampak, menunjukkan sambutan yang luar biasa apa yang Kerajaan Negeri Selangor buat ini, rakyat menyambut baik Tabung Warisan Anak Selangor ini dan 1,500.00 yang dijamin selepas anak kita dewasa 18 tahun akan dapat 1,500.00. Kita nampak inilah satu kerajaan yang cukup-cukup, betul-betul prihatin, peduli rakyat tiada lagi satu negeri saya nampak setakat ini yang ada tabung sedemikian. Inilah Selangor, Selangorku lain daripada yang lain. Berkat daripada sokongan rakyat yang memberi sokongan yang padu kepada kita, Kerajaan Negeri Selangor kita telah dapat memanfaatkan hasil negeri untuk rakyat dan mengurus dengan baik. Inilah cara Kerajaan Negeri dan saya nampak di sini Tabung ini perlu dikemas kini dan sekarang ini perlu dibuatkan satu Tabung Amanah. Saya menyambut baik dan menyokong, menyokong.

Di sini ada beberapa perkara yang ingin saya cadangkan di mana pemberian baucar, baucar seperti yang dinyatakan oleh EXCO tadi untuk anak-anak yang hari lahir dan sebagainya yang dimulakan baucar *shopping* anak Selangorku 2012 saya nampak sekarang berhenti, berhenti lama dah ia kalau ini boleh diteruskan sebab ada permintaan di bawah mereka memang sangat merasai, sangat dihargai mereka teruja dengan apa yang Kerajaan buat anak-anak boleh disambut hari jadi dengan baucar boleh mana ada Kerajaan negeri yang ada macam ini? Selangor sahaja, ah ini dia. Jadi kalau ini saya cadang boleh diteruskan, ditambah sebab kita ada banyak Anak Syarikat seperti Semesta dan sebagainya boleh salurkan dana kepada Tabung Amanah ini supaya dana itu bertambah-tambah. Ah ini satu caranya dan seterusnya saya nampak juga dari segi apa yang Enakmen ini hendaklah di tubuhkan di mana ada Setiausaha Kerajaan Negeri, adanya anggotanya Pegawai Kewangan dan sebagainya tapi cuma saya nak cadangkan supaya EXCO yang berkenaan juga dimasukkan. EXCO yang berkenaan dimasukkan dan kalau boleh ada ADUN-ADUN juga dipertimbangkan, dimasukkan ke dalam keanggotaan Lembaga ini, Tabung Amanah ini supaya EXCO dan ADUN-ADUN dapat memberi pandangan, pemantauan, idea yang bernas untuk sama-sama memperkasakan Tabung Amanah

Lembaga Tabung Warisan Anak Selangor ini. Inilah perkara yang penting yang saya nampak, pada masa yang sama juga, saya juga nampak ada keperluan di mana Kerajaan negeri nak mencadangkan memandangkan daripada tahun 2026 kita kena bayar RM1,500.00 beransur-ansur setiap tahun. Ini macam insurans kita kena bayar angka akan semakin bertambah besar seperti makin hari makin besar Tuan Speaker. Jadi ini satu bebanan untuk Kerajaan negeri jadi kita kena cari bagaimana kena sarung dana setiap tahun supaya kita dapat mengirakan sediakan payung sebelum hujan. Apabila sampai pada masa umum 2026 anak dapat RM1,500.00 boleh dapat duit itu. Jangan janji itu tidak ditepati, kita khuatir tapi saya yakin Selangor tak ada masalah. Dia tak macam Kerajaan Persekutuan, selalu janji di capati. Jadi sekarang kita kena sediakan mulai hari ini duit itu jadi dalam Rang Undang-undang Enakmen ini ada dinyatakan boleh buat pelaburan. Boleh buat pelaburan supaya menambah dana untuk Tabung ini. Saya setuju tetapi cuma waspada, kena berhati-hati, kita tidak mahu pelaburan itu kalau tidak dipantau dengan betul, tidak diteliti dengan baik kemungkinan pelaburan ini berkecai, akan berkecai risiko yang tinggi kerana ada juga pegawai kerajaan mungkin mereka terlepas pandang dan sebagainya. Ahli Lembaga yang terlepas pandang dan mengalami kerugian, seperti apa baru-baru ini peristiwa yang berlaku di Majlis Amanah Rakyat MARA. Dia buat pelaburan di Melbourne, di Australia beli pangsapuri, apartmen, kondominium dan sebagainya dengan harga yang berlebihan-lebihan tambah duit, tambah sepatutnya harga itu setakat itu sahaja ditambah, di *mark up*, sewenang-wenangnya. Ini kiranya pecah amanah Majlis Amanah Rakyat sudah jadi Majlis Pecah Amanah ah ini kerja UMNO dan Barisan Nasional saya pun tak kenapa boleh buat, boleh buat kerja macam ini, ini kena minta maaf daripada rakyat kerana pecah amanah, amanah ini penting tidak kira dia agama apa Islam ke, Buddhist ke, Katolik, Meru tahu sebab amanah itu penting jadi kita kena ada amanah dalam konteks ini. Jadi saya minta lah seperti juga saya nak tegur Kerajaan Negeri dalam konteks apa Yayasan Selangor. Sebab ini soal pelaburan Yayasan Selangor ini kita bagi tanah banyak, dia tak tahu nak bangunkan, kita tengok laporan Yayasan Selangor tak tahu nak bangunkan biar kan situ satu, yang kedua ada bangunan cantik, strategi di mana di Bukit Bintang, orang sebelah sewa penuh tapi Yayasan Selangor orang ini Wong, dengan izin tak ada orang sewa, kosong dibiarkan terbengkalai di situ, siapa yang buat dan yang arahkan pelaburan dulu mantan Menteri Besar. Bukan Menteri Besar kita sekarang, mantan Menteri Besar saya kena *clear* ini penting jadi Menteri Besar sekarang kena cepat-cepat perbetulkan. Dah betulkan kalau tidak pelaburan itu dapat kenyataan payah, dia silap buat kenyataan di sebab, yang ini kita takkan biar bangunan itu kosong.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan, balik kepada TAWAS.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** TAWAS, saya ambil contoh sebab pelaburan, saya ambil contoh ini pelaburan. Ah ingatan ini walaupun agak sakit telinga didengar tapi ingatan itu baik. Ya, Meru tahu sebab amanah ini jadi soal Yayasan Selangor yang saya nampak saya harap dengan cara sedemikian Tabung Warisan Anak Selangor

ini akan dapat lebih diperkasakan dapat memberi sumbangan dan perkhidmatan yang terbaik rakyat di bawah supaya rakyat di seluruh DUN termasuk DUN-DUN yang belum kita menang Pilihan raya yang akan datang *Insyaa-Allah* atas kebijaksanaan atas kekuatan kita memberi kepada rakyat, rakyat akan terasa dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu ini maka kita dapat menarik sokongan yang lebih banyak daripada rakyat di bawah ini. Jadi saya dengan ini memberi sokongan menyokong Rang Undang-Undang ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Pembangkang dulu, ada yang nak bahas, tak ada. Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahas Rang Undang-undang Enakmen Tabung Anak Warisan. Tabung Amanah Warisan Anak Selangor ini saya memohon maaf terlebih dahulu kerana sekiranya terdapat kesilapan dalam ucapan saya yang akan saya sampaikan ini kerana Rang Undang-undang ini untuk makluman semua hanya dibentangkan kepada Ahli-ahli PBC pada hari Jumaat petang Jumaat lepas dan dari segi masa mungkin untuk meneliti isi kandungannya, namun begitu kita lihat Rang Undang-Undang ini ianya tidak begitu panjang hanya ada 16 Seksyen di mana saya kira Seksyen yang penting adalah bahagian kedua dan ketiga iaitu Seksyen 3 hingga 11 dan 12 hingga 15. Apa yang saya perhatikan di sini dengan masa yang suntuk, saya lihat penubuhan atau pun kewujudan Rang Undang-undang ini adalah satu perkara yang bagus untuk memperkemaskan khususnya satu perkara yang penting iaitu sumber kewangan, dana untuk menabung Tabung Amanah Warisan Anak Selangor atau pun TAWAS dan ini adalah satu program yang saya kira agak popular dan saya boleh gunakan perkataan *Bahasa Inggeris hallmark, it is a flagship programme* oleh Kerajaan Negeri Selangor dan saya kira ini adalah sangat penting. Ianya perlu di pantau atau pun diuruskan dengan satu sumber pendapatan yang tetap. Tetapi yang kedua adalah saya kira kalau saya lihat Rang Undang-undang ini secara spesifik. Tuan Speaker kalau kita teliti Seksyen 5 khususnya, khususnya Seksyen 4 dan 5. Rang Undang-undang ini memperuntukkan penubuhan sebuah Tabung dan Tabung ini sebenarnya kalau saya kira ikut secara *strict* secara ketat ianya sebenar tidak ada kaitan dengan Tabung Amanah, Program TAWAS atau PENGAWAS yang kita adakan itu. Apa yang berlaku di sini kalau kita lihat Seksyen 4 bahawa wang kepada Kumpulan Wang ini adalah daripada Kumpulan Wang Disatukan dan juga mana-mana hasil daripada pelaburan Kumpulan Wang yang dibuat oleh Lembaga dan sebarang hasil atau pun keuntungan yang di jana oleh Lembaga ini dari masa ke semasa hanya akan dimasukkan selepas tahun 2025 iaitu lebih kurang 8, berapa tahun 10 tahun dari sekarang dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan Negeri. Ia tidak terus masuk ke dalam Program TAWAS atau masukkan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan Negeri untuk tujuan dan kemudian untuk tujuan Skim Tabung Warisan Anak Selangor. Jadi dia ada dua, tiga proses selepas itu. Oleh itu saya lihat dari segi teknikal penubuhan tabung ini dia tidak ada kaitan terus dengan

program TAWAS atau cuma apa yang telah disyaratkan di dalam Rang Undang-undang ini ialah sebarang keuntungan atau pun hasil. Ianya mesti disalurkan balik kepada Kerajaan dan dari situ baru boleh di agihkan ke dalam Skim Tabung Warisan Selangor. Jadi itu saya rasa perlu jelas, yang kedua adalah berkenaan dengan peranan dan saya rasa ini adalah sangat penting juga iaitu melalui Rang Undang-undang ini akan ditubuhkan sebuah Lembaga dan saya kira tadi di sebut oleh Sekinchan bahawa Lembaga ini hanya akan terdiri daripada 8 orang Ahli di ketuai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Penasihat Undang-undang, Timbalan Setiausaha Pembangunan, Timbalan Pegawai Kewangan sebagai Setiausaha, Bendahari Negeri dan 2 orang Ahli yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang perniagaan, kewangan dan pelaburan 8 orang. Saya kira ada baiknya Lembaga ini dianggotai oleh sekurang-kurangnya bilangannya mestilah dalam angka ganjil dan bukannya genap. Saya khuatir nanti kalau ada 4 lawan 4 susah. Ini adalah perkara pertama, yang kedua seharusnya Lembaga ini saya mengemukakan cadangan kepada Kerajaan untuk dimasukkan wakil daripada Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri di mana saya rasa kerana ini adalah satu Lembaga yang menguruskan Wang Kerajaan ada banyak supaya cucu Lembaga ini dipantau dengan ketat oleh wakil daripada MMKN. Jadi saya rasa ini cadangan kedua dan yang ketiga Lembaga Tabung ini adalah satu Lembaga yang berkursus, yang khusus untuk membuat pelaburan bagi Tabung ini. Jadi daripada 8 orang anggota ini hanya 2 orang sahaja yang akan dilantik yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang perniagaan. Pada pendapat saya ini adalah mungkin tidak mencukupi dan kalau kita lihat contoh tabung-tabung yang ada di negara kita seperti Tabung Angkatan Tentera LTAT, mereka bukan sahaja ada Lembaga tetapi mereka juga ada satu *Investment Panel* yang khusus untuk mengendali semua peruntukan pelaburan yang dikenali oleh LTAT dan saya rasa ini wajar ini dilihat semula oleh Kerajaan supaya dari segi pelaburan ianya betul-betul ditangani oleh mereka yang mempunyai pengetahuan dan juga kepakaran dalam bidang ini. Kalau dua daripada 8 orang iaitu hanya 25% sahaja daripada keanggotaan Lembaga ini mempunyai *background investment* saya rasa ia mungkin tidak memadai. Yang seterusnya adalah berkenaan dengan Rang Undang-undang ini saya rasa kira kalau saya lihat *drafting* Rang Undang-undang ini ianya mungkin ada sedikit kelemahan *pre-amble* Berkenaan dengan *pre-amble* itu kalau kita lihat kita baca *pre-amble* satu Enakmen bagi membuat keuntungan pentadbiran sebagai satu Kumpulan Amanah yang dikenal sebagai dan sebagainya. Kalau kita bicara *pre-amble* ini tidak tahu kalau orang luar dia tidak tahu apakah tujuan penubuhan tabung ini. Tapi kalau untuk orang macam kita sebagai Wakil Rakyat kita tahu apa itu TAWAS dan NAWAS dan sebagainya, ia masa depan untuk anak-anak kita. Jadi saya kira untuk perkara ini kita perlu *precise*, dari situ kalau kita lihat sekali lagi sebagai contoh LTAT Lembaga Akta Tabung Angkatan Tentera saya baca dengan izin dalam Bahasa Inggeris sangat *detail* "An act to provide for the establishment of a fund to be known as the Tabung Angkatan Tentera for the primary purposes of providing super an.... and other benefit for contributor and for the NCD purposes for promoting the sosial

*development and welfare of and providing other benefits for retiring and retired personnel of the regular forces of the designated member of the voluntary forces.*

Jadi ia sangat-sangat lengkap dan saya rasa untuk melengkapkan atau pun mencantikkan Rang Undang-undang ini *pre-ember* perlu mengandungi semua semangat yang ada dengan jitu. Jadi saya rasa perkara ini perlu dilihat dengan lebih mendalam oleh Kerajaan Negeri pada masa-masa akan datang. Dan saya kira walaupun ini adalah satu Enakmen iaitu satu Undang-undang Negeri kalau dibandingkan dengan beberapa Akta Parlimen yang berkaitan dengan penubuhan Tabung dan sebagainya ianya kelihatan agar ringkas. Enakmen ini agar ringkas dan saya tak pasti sama ada mungkin ada perlukan atau tidak pada masa depan untuk melengkapkan atau pun membanyakkan Seksyen di dalam Rang Undang-undang ini tapi kalau kita lihat beberapa contoh Tabung Haji Akta, Tabung Haji Angkatan Tentera dan sebagainya ia mengandungi banyak sangat regulasi-regulasi atau pun Seksyen yang mengawal khususnya pelaburan dan kalau kita lihat tentang *Investment of Fund* itu Seksyen 7 Tabung Amanah Warisan Anak Selangor ini ia hanya menyatakan secara ringkas apakah bentuk pelaburan yang akan dan boleh dilakukan oleh Tabung ini. Kalau kita lihat ada banyak lagi syarat-syarat tertentu termasuk hak termasuk liabiliti termasuk syarat-syarat dia dan masuk sama ada boleh buat atau pun tidak pelaburan di dalam ataupun di luar negara. Jadi ada banyak fikir yang perlu kita lihat dan saya harap hujjah-hujjah saya ini sekiranya benar dan bernas Kerajaan Negeri dapat mengambilnya satu iktibar untuk penambah baikkan di masa hadapan dan sekiranya kalau ada apa-apa sekiranya ada *I stand corrected* dan saya harapkan perkara ini dapat dijelaskan dengan yang terperinci oleh YAB EXCO. Jadi di situlah saya mengakhiri ucapan saya dengan ribuan terima kasih dan saya berharap Enakmen ini akan digunakan dengan sebaik-baik oleh kerajaan untuk generasi-generasi yang akan datang. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, saya mengambil bahagian membahaskan Enakmen Tabung Amanah Warisan Anak Selangor yang saya rasa usaha yang sangat baik seperti mana yang disebut oleh Sekinchan tadi hanya Selangor menjadi kebajikan rakyat sejak dari akhir lahir sehinggalah ke akhir hayat. Lahir-lahir saja Tabung Anak Selangor dan kalau meninggal warga emas dapat skim Mesra Usia Emas. Cumanya saya rasa tabungnya agak besar. Seandainya 200,000 peserta pun tabung ini mencapai RM300 juta. Dalam masa 10 tahun daripada sekarang seandainya peserta kita mencapai 600 ribu orang tabung ini akan mencapai RM600 juta atau RM700 juta dan yang pentingnya ialah Lembaga Amanah yang diminta untuk menguruskan hendaklah mereka yang benar-benar amanah sebab ingatan yang diberikan kepada kita apabila amanah diberi kepada orang yang tidak hak tunggulah saat kehancuran, sepertinya tabung 1MDB apabila diberi kepada orang yang tidak amanah hutang RM4.2 Bilion bila ditanya tak tahu ke mana. Inilah akibatnya apabila amanah tidak diberi dan tidak ada ketelusan dalam pengurusan

hingga hari ini 1MDB menjadi tanda tanya oleh rakyat. Di mana duit itu dapat?. Di mana ia dibelanjakan. Sampai Menteri-menteri Kabinet pun tak boleh jawab. Dan tertanya-tanyalah rakyat di mana ia dibelanjakan 1MDB yang tahu-tahu meletup bila akaun Perdana Menteri RM2.6 Bilion. Tak tahu daripada mana. Rakyat tanya ini datang daripada mana?. Kenapakah Bank Negara tidak bertindak?. Apakah ini tidak melanggar undang-undang negara? tetapi apa yang berlaku ialah *reshuffle* kabinet, Timbalan Perdana Menteri.

**Y.B TUAN SHARUM BIN MOHD SHARIF:** Tuan Speaker, lari tajuk.

**TUAN SPEAKER:** Balik pada Tawas. Kota Anggerik.

**Y.B TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Contoh. Ini amanah. Bila amanah, ini tabung amanah. Kita kena jaga amanah. Jangan jadi seperti di Persekutuan. Jadi rakyat tertanya-tanya di mana peraturan yang ada di negara ini. Orang yang siasat dinaikkan pangkat tak boleh siasat. Yang siasat disiasat oleh polis. Jadi ini amanah yang diamanah kepada orang yang tidak amanah. Saranan saya ialah kepada Lembaga ini orang yang menjaga amanah rakyat.

**Y.B PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Puan Speaker,

**TUAN SPEAKER:** Ya Kota Damansara.

**Y.B PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Nak cerita pasal amanah tetapi adakah kerajaan Negeri peka bahawa Tabung Amanah Warisan Anak Selangor ini, kalau nak dikirakan kita lihat di Selangor ini, tak tahulah amanah ke tak amanah pelaksanaannya rata-rata dapat ke tak dapat. Itu amanah tak amanah juga. Jangan cerita amanah orang. Cerita amanah Negeri Selangor ini. Amanahnya pelaksanaannya. Sama ada mereka dapat ke dapat. Tetapi kena kaji semula dapat ke tak dapat semuanya. Saya tahu ada yang tak dapat.

**Y.B TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya pasti contohnya di Kota Anggerik, memang kita dapat jemputan semua sekali untuk program-program bagi anak-anak TAWAS ini. Jadi yang mendaftar memang dapat. Cuma yang Kota Damansara tak pasti sebab dia tidak amanah. Jadi...

**Y.B PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Speaker, dia tidak jawab soalan saya. Soalan saya adakah pelaksanaannya menyeluruh ke tidak? Bukan saya pertikaikan Kota Damansara dapat ke tak dapat. Saya kata pelaksanaan adakah menyeluruh? Dan pemohon adakah layak mendapatnya.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah Kota Anggerik tidak perlu jawab kerana Kota Anggerik bukan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tetapi Kota Anggerik sila balik kepada

TAWAS. Kalau tidak pembangkang akan bangun dan akan cabar ucapan Kota Anggerik.

**Y.B TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Ingatan saya ialah, oleh sebab tabung ini adalah agak besar, saya akan menjangkakan akan mencapai RM700 juta menjelang 10 tahun daripada sekarang dan jumlah pencarum ahli akan mencapai sekitar 500,000. Sekarang ini lagi setahun akan mencapai RM200,000 dan dananya RM300 juta. Jadi soal amanah ini adalah penting. Lembaga yang jaga amanah ini jangan sampai jadi 1MDB tidak amanah. Itu peringatan saya. Jadi bukan lari jauh sangat. Cuma hendak beri tahu soal amanah. Jadi Lembaga ini wajar ditubuhkan sebab dalam Yayasan ia agak terhad sebab itulah kebijaksanaan Menteri Besar agar sebuah lembaga ditubuhkan dan kita tanya juga di mana sumber-sumber dana ini diperolehi oleh Yayasan. Dengan adanya Yayasan akan mengatur sumber negeri Selangor dengan lebih baik dan saya yakin bahawa rizab Selangor meningkat kepada RM3.7 Bilion. Bila diurus dengan baik dan amanah rizab meningkat tetapi kalau tidak amanah hutang meningkat. Bila hutang meningkat rakyat susah.

**Y.B DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Tuan Speaker, saya ingin membuat pertanyaan. Berapa ramai, berapa peratus terlibat dengan Tabung TAWAS ini?.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Bernam, Hulu Bernam, saya dah jelaskan tadi, Kota Anggerik bukan ahli Exco, ahli MMKN. Hulu Bernam boleh bahaskan.

**Y.B DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Tapi, jawapan macam seorang EXCO. Sebab itu saya tanya dia.

**Y.B TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya boleh jawab yang mendaftar semua boleh dapat bantuan. Tentang Kota Anggerik saya jawab. Kecuali....

**Y.B TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Cuma Tuan Speaker, saya hendak tanyalah berapakah jumlah Kota Anggerik yang telah mendaftar dan berbanding dengan jumlah yang menerima TAWAS ini. Terima kasih.

**Y.B TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Di Kota Anggerik sudah 1400 lebih yang mendaftar.

**Y.B DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** *Figure* betul-betul. Jawab.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik tak perlu jawab. Terus dengan perbahasan.

**Y.B TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya sebut tadi, rizab yang ada di Selangor mencapai 3.7. Saya rasa seandainya amanahnya ini diberi kepada kita sampai hujung penggal ini sambung lagi sepenggal, sambung lagi sepenggal, rizab negeri Selangor mencapai sampai sekarang RM3.7 mungkin sampai RM5 bilion. Amanah

ini diberi kepada kita. Kalau amanah dijaga dengan baik rizab meningkat dan kalau amanah tidak dijaga dengan jujur ringgit meningkat susah. Ringgit merudum. Rakyat susah. Jadi amanah diberi kepada ahlinya. Yang ahlinya Pakatan Rakyat.

Tuan Speaker, saya kembali kepada pengurusan dana ini amat besar agar dijaga dengan baik, dengan amanah supaya dapat dikembalikan kepada rakyat.

Tuan Speaker, saya menyokong enakmen ini.

**TUAN SPEAKER:** Ada ADUN yang hendak berbahas. Yang Berhormat semua. Hulu Kelang.

**Y.B TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini dengan menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang asal punca sejarah penubuhan TAWAS sebagai satu tabung warisan anak Selangor yang memperuntukkan satu pelaburan yang dikatakan sebagai pelaburan RM100.00 bagi seorang peserta yang dikatakan bertujuan mengingatkan kepada ibu bapa anak-anak ini yang kemudian menjadi warga Selangor bahawa mereka ada hak dalam saham atau hak dalam mendapat kekayaan dan khazanah hasil negeri Selangor. Di mana gambaran yang dinyatakan itu adalah wang RM100.00 itu akan dilaburkan dan dalam tempoh berusia 18 tahun akan mendapat RM1500.00 tetapi sebagai anggota ahli Jawatankuasa ABAS apabila kami mengadakan beberapa tinjauan, pertemuan di pendalaman dengan agensi dan badan-badan yang bertanggungjawab bahawa perkara itu tidak berlaku. Manakala audit mengatakan Jabatan Audit Negara telah menyatakan bahawa keanggotaan dan keahlian persekitaran anak-anak Selangor itu tidak *tally* dengan izin dengan jumlah kelahiran. Berlakulah konflik yang sukar ditangani dari segi pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor untuk mendapat senarai lengkap anak-anak yang lahir di Negeri Selangor kerana kurang mendapat kerjasama daripada pihak Kerajaan Persekutuan.

Apa yang timbul adalah dalam pengertian kami *time bomb* dengan izin sudah wujud Apabila pendaftaran itu menjangkau kepada angka ratusan ribu. Maka kita bercakap tentang dalam tempoh beberapa tahun lagi Kerajaan Negeri Selangor nampak ada aktiviti pelaburan kepada tabung yang asal itu akan perlu menyediakan satu dana yang besar sekurang-kurangnya satu tarikh tertentu RM200 juta hingga RM300 juta setahun. Ini merupakan satu perkara membebankan Kerajaan Negeri kalau tidak diwujudkan satu *exit point* dengan izin. Itu satu pendekatan untuk keluar daripada lingkaran ini. Kalau setiap tahun RM90 ke RM100 juta maka ia tidak menjadi satu yang efektif. Oleh kerana itu saya ingat lagi dalam satu penyata yang dijadikan usul dalam persidangan Dewan ini. Kita mencadangkan satu *exit* program menyediakan program ini sebagai program anak masuk tadika atau anak masuk sekolah. Itu berhenti dalam tempoh 3 tahun ataupun 7 tahun selepas pendaftaran. Jadi itu singkatlah dan kurang bebanan yang dilakukan.



Apabila saya membaca dan merenung akan Rang Undang-undang yang dikemukakan saya melihat satu *exit point* kepada asal sejarahnya iaitu RM100 ke dalam Tabung Amanah akaun anak-anak itu yang mana tidak mungkin dapat. Saya sendiri selalu mendengar ucapan daripada Dato' Menteri Besar Mantan dahulu ADUN Pelabuhan Klang ketika ini menegaskan bahawa daripada pelaburan daripada pelaburan pasir. Ini kita kena muhasabah. Saya sebagai ADUN Kerajaan ingin memberi peringatan kepada kita bahawa kadang-kadang kita diberi maklum bahawa maklumat yang tidak tepat dan tidak benar dan menjadikan kita mempunyai satu pendekatan yang salah dan silap. Walau bagaimanapun kita tidak boleh membebankan kerajaan pada masa hadapan dengan bebanan kewangan yang tinggi dan terlalu besar.

Jadi apabila saya meninjau saya melihat bahawa Lembaga Tabung Amanah Warisan Anak Selangor ini terlalu besar. Kemungkinan melibatkan kos yang tinggi sedangkan dalam Peruntukan 4 seksyen 4 wang yang dikehendaki dibayar kepada kumpulan wang bagi kepada dua. Satu sumbangan dari semasa ke semasa yang diperuntukkan daripada kumpulan wang yang disatukan iaitu belanjawan tahunan. Kedua segala wang yang merupakan hasil daripada apa-apa laporan kumpulan wang yang dibuat oleh lembaga.

Saya melihat kalau pecahan ini 50 – 50. Maksudnya Kita dapat caruman daripada *budget* tahunan puluh ribu ratus juta. Hasil daripada pelaburan itu puluh juta setiap tahun maka memadai wajar. Saya melihat Tabung Amanah Warisan ini tidak mungkin mempunyai satu caruman yang tinggi dan besar yang bernilai juta-juta yang boleh memberi pulangan pelaburan yang tinggi. Jadi kemungkinan besar kita akan melibatkan pelaburan yang berisiko rendah. Apabila kita bercakap pelaburan yang berisiko rendah maksudnya *management*nya tidak begitu ekstensif dengan izin. Saya melihat bahawa saya khawatir dan gusar bahawa ia merupakan satu unjuran ke depan yang kita risaukan dan yang kita gusarkan ialah kos yang tidak sepatutnya dikenakan kepada Lembaga Tabung ini walhal aktiviti pelaburan itu tidak begitu ekstensif intensif yang merupakan satu kos yang tinggi. Jadi saya ingin memberi peringatan ataupun dalam bentuk soalan bahawa adakah perkara ini telah ditimbang dengan wajar dan teliti agar cadangan yang lebih awal daripada ini mencari jalan laluan keluar daripada 18 tahun kepada satu jangka yang lebih pendek untuk setiap kitaran anak yang lahir di Selangor itu mendapat manfaat sama ada dari segi Program Anak Masuk Tadika ataupun Anak Masuk Sekolah ataupun selepas 18 tahun yang mana anak itu juga dalam tempoh sama ada umur 17 tahun ataupun 18 tahun akan masuk IPT dan Program IPT pun dah dia dapat RM1,500.00. Kalau dia dapat RM1,500 di atas dasar pendapatan keluarganya rendah daripada RM3,000 dan dia dapat yang ini lagi jadi saya rasa elok kita wujudkan satu program yang lebih mendekati, *exit point* yang lebih baik. Terima kasih.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Tuan Speaker, boleh saya bercakap sikit?

**TUAN SPEAKER:** Ya Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Terima kasih. Saya kira saranan ADUN Hulu Kelang tadi perlu diambil kira sebab pada masa mula-mula nak menambat hati pengundi menjanjikan macam-macam. Emas, Intan, Permata, dan sebagainya. Bila tiba masanya keuntungan apa pun rizab negara negeri ini digunakan untuk pelaburan itu maka sudah tentu terjejas perkara-perkara yang lain. Contohnya, walaupun ini benar atau tidak saya juga ingin membuat pertanyaan mengapa Hotel Brisdale di Kuala Lumpur diberhentikan, dilelong, dijual? Apakah kerana *management* yang tak cekap ataupun dasar yang kononnya amanah tak amanah tadi? Sila, saya ingin jawapannya.

**TUAN SPEAKER:** Brisdale ini di bawah TAWAS, Program TAWAS. Yang Berhormat Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Tadi disentuh juga TAWAS 1MDB, Yayasan Selangor sebab itu saya sentuh juga sedikit perkara ini. Sebab itu pun di luar, di luar tajuk TAWAS.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Tuan Speaker. Teratai mengalukan dengan cadangan Rang Undang-Undang berkenaan dengan Tabung Amanah Warisan Anak Selangor akan tetapi apabila kita melihat Rang Undang-Undang sebegini ia lebih bermatlamat untuk membuat pelaburan daripada mencapai matlamat iaitu Skim Tabung Warisan, Tabung Warisan Anak Selangor. Teratai di sini mencadangkan supaya kita dapat menambah baik Rang Undang-Undang sebegini yang mana memberi definisi Skim Tabung Warisan Anak Selangor seperti mana yang telah digariskan tujuan penggunaan kumpulan wang berkenaan di Bawah Seksyen Fasal Kelima berkenaan. Tadi Teratai mendengar ada ramai wakil-wakil rakyat yang menyentuh berkenaan dengan amanah. Isu amanah memang di Selangor ini tidak mencapai satu isu hangat di arena antarabangsa seperti mana isu 1MDB dan juga RM2.6 bilion yang telah diketengahkan di arena antarabangsa yang mana tidak rakyat kita tidak terima yang derma itu ke dalam akaun seseorang. Jadi dalam Rang Undang-Undang yang telah dibangkitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Teratai di sini mencadangkan supaya kita dapat menambahbaikkan lagi Rang Undang-Undang ini dengan menggariskan definisi-definisi supaya kita dapat melihat matlamat Kerajaan Selangor yang memberi manfaat kepada rakyat Selangor. Tambahan pula saya Teratai juga menyokong cadangan daripada Sekinchan berkenaan dengan Fasal Tujuh, ahli-ahli lembaga di bawah Rang Undang-Undang ini yang mana sepatutnya Y.A.B. Menteri Besar dan juga EXCO-EXCO kerajaan yang memegang portfolio yang berkenaan seharusnya dimasukkan di dalam Lembaga Tabung Amanah Warisan Anak Selangor di bawah Fasal Ketiga ini. Ini

adalah selaras dengan penubuhan lembaga seperti mana penubuhan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor. Di mana Y.A.B. Menteri Besar Selangor menjadi pengerusi dan kita juga terdapat EXCO Kerajaan Negeri menjadi wakil kerajaan juga. Selain daripada itu di bawah Skim Tabung Warisan Anak Selangor ini, saya juga menyeru supaya Kerajaan Selangor dapat mengkaji bagaimana kita dapat menambah baik Skim Tabung Warisan Anak Selangor ini dan masukkan syarat-syarat dan manfaat yang boleh anak Selangor kita dapati di bawah Enakmen Rang Undang-Undang sebegini supaya ia menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang yang di akan dan akan dan telah dibentangkan ini. Penubuhan Tabung Amanah Warisan Anak Selangor merupakan satu, pertama kalinya yang telah dilakukan di Malaysia bukan sahaja di Selangor bahkan juga di Malaysia. Jadi saya rasa usaha baik Kerajaan Selangor ini haruslah digalakkan yang mana bagi penubuhan Tabung Enakmen berkenaan di bawah Penubuhan Tabung Amanah Warisan Anak Selangor di bawah Enakmen Selangor ini bukan sahaja menunjukkan Kerajaan Selangor hanya nak menubuhkan tabung sedemikian sesuka hati. Kita juga telah menyediakan Enakmen supaya menjadi satu, kita kata garis panduan dengan jelasnya untuk bagaimana lembaga ataupun tabung sedemikian digunakan. Teratai memang berharap Kerajaan Selangor dapat mengkaji semula Rang Undang-Undang ini ataupun dengan pindaan seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat - Yang Berhormat dalam sesi perbahasan ini supaya kita dapat satu Enakmen yang lebih sempurna dan lebih memberi hala tuju yang jelas kepada kita semua. Maka dengan ini Teratai menyokong. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Puan Speaker, terima kasih. Saya cuma ingin menambah sedikit tentang cadangan untuk Enakmen Tabung Amanah Warisan Anak Selangor 2015 ini. Saya merasakan ini adalah satu inisiatif yang bagus yang mana asal penubuhan tabung ini pada awalnya yang pertama adalah untuk kita menggalakkan satu sikap menabung ataupun menyimpan di kalangan masyarakat. Kalau seingat saya semasa pelancaran ini salah satu objektifnya yang mana kerajaan memainkan peranan sebagai '*one of the starting point*' dengan izin sebab dia sebagai apa yang kita sedia maklum selalunya Skim simpanan ini biasanya kalau sebelum ni cara konvensionalnya adalah ahli keluarga ataupun mak ayah sendiri yang akan mulakan untuk menyimpan untuk anak-anak mereka seperti kita yang kecil bila terima duit angpau kita digalakkan juga anak untuk buka akaun di bank. Jadi saya nampak dalam tabung ini kerajaan negeri telah meletakkan satu asas yang baik tetapi adakah kita akan mengkaji juga supaya skim ini juga dibuka kepada untuk menggalakkan ibu bapa kepada anggota anak YAWAS itu sendiri juga untuk *contribute* ke dalam tabung ini. Sekiranya kita ada Skim-skim Pelaburan yang menarik yang boleh bersaing dengan Skim-skim Perbankan yang sedia ada di pasaran sekarang supaya kita nampak bahawa peranan itu bukan sahaja dimainkan

oleh Pihak Kerajaan Negeri Selangor tetapi bahawa mak ayah ataupun penjaga kepada anak-anak itu juga memainkan peranan mereka dalam tabung ini supaya skim itu bukan sahaja tanggungan daripada menjadi bebanan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang kepada Kerajaan Negeri tetapi dia menjadi satu skim yang digalakkan oleh kerajaan negeri tetapi juga disokong oleh anggota masyarakat khususnya penjaga kepada anak-anak kecil itu. Yang kedua adalah tentang cadangan Yang Berhormat Hulu Kelang, kita pernah berbincang, saya rasa itu satu cadangan yang baik sebenarnya supaya Pihak Kerajaan Negeri juga mengkaji bukan sahaja kita beri *baucer* ataupun sambutan hari jadi kepada anak-anak kecil bila mereka mencapai umur satu tahun tetapi yang saya nampak kita boleh beri dalam aspek sistem persekolahan maksudnya bila masuk ke sekolah dan kita faham selepas pelaksanaan dengan adanya 6% GST dan sebagainya, kita terima sebenarnya banyak pertanyaan daripada ibu bapa, sama ada skim ini boleh dimanfaatkan oleh mereka kepada anak-anak kecil yang sebenarnya menjadi anggota dalam tabung. Jadi saya harap supaya program yang sedia ada untuk anak-anak ataupun anggota YAWAS ini boleh dipelbagaikan. Seperti kalau anak masuk tadika kita boleh bagi *baucar* untuk mereka pergi beli barang sekolah, uniform dan sebagainya. Saya nampak dia lebih memanfaatkan mereka ikut peringkat dan diselaraskan ikut Program Kerajaan Negeri yang sedia ada dan akhirnya kalau kita ada kemampuan pada umur 18 tahun mereka boleh keluarkan RM1,500 lagi untuk kegunaan masa depan. Itu saja yang ingin saya cadangkan. Terima kasih Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ada lagi yang ADUN nak bahas? Yang Berhormat? Baiklah saya persilakan Pihak Kerajaan jika ingin memberikan apa-apa penjelasan tentang perkara yang telah dibangkitkan tadi.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bersama-sama mengambil bahagian dalam Perbahasan Rang Undang-Undang TAWAS ini daripada Sekinchan, Kampung Tunku, Kota Anggerik, Hulu Kelang, Hulu Bernam, dan Teratai serta Rawang. Pihak Kerajaan, kita akan mengambil kira dan mengambil maklum segala saranan-saranan dan juga cadangan-cadangan yang telah pun dikemukakan oleh para Ahli-Ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Sekali lagi pihak kerajaan ingin menyatakan bahawa penubuhan Tabung Amanah TAWAS melalui Rang Undang-Undang ini adalah tepat pada masanya kerana ianya menggambarkan komitmen yang telus daripada kerajaan negeri untuk memperuntukkan...

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Ya Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Ya. Bila, Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Menyatakan tepat pada masanya, saya ingin penjelasan adakah perkara ini *urgent* dengan izin perlu disegerakan ataupun boleh ditangguhkan. Tahap saya ingin kalau kena pada tempatnya mencadangkan agar tidak diputuskan pada hari ini tetapi sebaliknya pihak Dewan menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Khas untuk meneliti memperbaiki sebelum ia dibawa ke Pihak Kerajaan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Hulu Kelang. “Tepat Pada Masanya” adalah bermaksud kita telah pun enam tahun sejak 2008 sehingga kini dan anak-anak TAWAS kita ini telah pun berusia tujuh tahun. Tujuh tahun ya, untuk mencapai usia 18 tahun kita ada sepuluh, sebelas tahun lagi. Jadi sudah sampai masa untuk kita mengadakan, menubuhkan Tabung Amanah ini.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, kadangkala ada perkara yang kita memang diperlukan tetapi tidak perlu disegerakan dan bagi saya, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sama ada mungkin cadangan yang daripada Hulu Kelang itu dipertimbangkan kerana tadi saya rasa daripada rentetan daripada perbahasan tadi ada ramai ADUN yang banyak mengemukakan cadangan, teguran, pandangan dan macam-macam lagi jadi saya rasa ianya diperlukan memang tidak ada masalah diperlukan dan perlu dipercepatkan tetapi pada masa yang sama kalau boleh saya rasa berdasarkan kepada rekod kalau kita adakan satu Jawatankuasa Pilihan mungkin akan mengambil masa lebih kurang setengah tahun lagi untuk kita kemaskan ataupun dalam Bahasa Inggeris tuan speaker “*tightening all the loose screws*”. Saya rasa ia kalau kita ambil masa sikit mungkin ia akan memberi manfaat kepada kita. Apa pandangan Yang Berhormat.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Tuan Speaker, saya memberi cadangan memandangkan ada beberapa perdebatan nampaknya di kalangan EXCO dan ADUN sendiri ini tidak ada persetujuan, tidak ada perincian, kenapa TAWAS ini sudah dimaklum diwar-warkan tiba-tiba hari ini di dalam Dewan ditangguhkan. Nampak sangat tidak direncanakan dibincangkan dengan betul-betul. Jadi yang ini memang menjadi kegusaran rakyat kalau beginilah caranya dah disebut hari ini diputuskan tiba-tiba berhentikan dulu. Lepas tu, bukankah keseluruhan rakyat dapat dilabelkan ataupun didaftarkan dengan TAWAS. Jadi perkara ini perlu dilihat kepada benar sebelum dilaksanakan selepas ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Kampung Tunku. Saranan daripada Kampung Tunku tadi iaitu untuk diperhalusi lagi tentang Rang Undang-Undang ini, kita pihak Kerajaan Negeri, kita akan mengambil kira segala saranan-saranan yang telah pun dikemukakan dan pandangan, walaupun kita ia tidak perlu ditangguhkan. Ya, dan pindaan boleh kita laksanakan kemudian. Jadi oleh itu saya

ingin menyambung tentang kupasan ini tadi. Walaupun pembayaran pertama hanya akan bermula pada tahun 2026 iaitu 11 tahun lagi yang akan datang, jadi ini turut menggambarkan pengurusan kewangan dari segi aliran tunai Kerajaan Negeri yang lebih cekap. Tanggungan Kerajaan Negeri untuk menyalurkan manfaat Skim TAWAS ini, akan diagihkan secara tahunan mulai 2015 sehingga mana Skim TAWAS ini masih aktif berbanding penyaluran *One Off* pada tahun di mana manfaat ini perlu diagihkan. Sudah tentu ia nya akan memberi kesan kepada bajet Kerajaan Negeri seperti yang disebut oleh Hulu Kelang sebentar tadi. Jadi sebab itulah kita menubuhkan Tabung Amanah ini, bermula pada sekarang. Jadi dalam masa 11 tahun dengan peruntukan bajet setiap tahun, RM12.5 juta dimasukkan, maka *Insyah-Allah* dalam 11 tahun akan datang iaitu pada tahun 2026, ia mencukupi dan kita boleh mengeluarkan peruntukan tersebut. Juga kedudukan rizab Kerajaan Negeri yang semakin mengukuh iaitu sehingga 13 Ogos, yang berjumlah RM3.7 billion. Skim TAWAS merupakan Skim manfaat jangka panjang di mana ahli hanya akan mendapat manfaat Skim TAWAS berjumlah RM1500.00 selepas mencapai usia 18 tahun. Oleh itu kumpulan TAWAS ini akan menggariskan urus tadbir yang jelas berkaitan pengurusan dana manfaat Skim TAWAS. Dengan adanya kumpulan Wang TAWAS ini, maka laporan Tahunan Kumpulan Wang ini hendaklah dibentangkan di dalam Dewan Negeri Selangor. Ini bermakna setiap Ahli Dewan Negeri akan mendapat maklumat yang lengkap berkaitan pengurusan dana manfaat Skim TAWAS ini. Jadi saya kira segala saranan yang dikemukakan tentang ketelusan dan amanah, *Insyah-Allah* akan kita, kita jaga dengan sebaiknya kerana setiap tahun ianya akan di bentang di dalam Dewan Negeri Selangor. Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang berhormat sekalian cadangan di hadapan Dewan ini ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **DIPERSETUJUI**.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Bacaan kali yang kedua, Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen bagi membuat peruntukan mengenai pentadbiran suatu Kumpulan Wang Amanah yang dikenali sebagai Tabung Amanah Warisan Anak Selangor yang ditubuhkan di bawah ketetapan Dewan Negeri Selangor menurut perenggan 10 (4) (b) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) dan perkara lain yang berhubungan dengannya.

**TUAN SPEAKER:** Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT. ALWI:** Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini fasal demi fasal.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 1 hingga fasal 4.

**TUAN PENGERUSI:** Fasal 1 hingga 4 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. DIPERSETUJUI.**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 5 hingga Fasal 8.

**TUAN PENGERUSI:** Fasal 5 hingga Fasal 8 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. DIPERSETUJUI.**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 9 hingga Fasal 12.

**TUAN PENGERUSI:** Fasal 9 hingga Fasal 12 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. DIPERSETUJUI.**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 13 hingga Fasal 16.

**TUAN PENGERUSI:** Fasal 13 hingga Fasal 16 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. DIPERSETUJUI.**

**TUAN PENGERUSI:** Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT. ALWI:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang semula.

**TUAN SPEAKER:** Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT. ALWI:** Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **DIPERSETUJUI**.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Tabung Amanah Warisan Anak Selangor 2015.

Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Usul No. 18 Tahun 2015, Usul Resolusi Tribunal Pengurusan Strata dan Pelantikan Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Anggota, Setiausaha, Pegawai dan Kakitangan Tribunal Pengurusan Strata di bawah Sub Seksyen 103 (1) dan 104 (1) Akta Pengurusan Strata 2013, Akta 757 bagi Persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Cempaka.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** *Bismillahi rahmani Rahim*. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut :

“bahawa Dewan Negeri Selangor yang bersidang pada hari ini, bersetuju untuk membuat suatu ketetapan selaras dengan Fasal 4 Perkara 80, Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut :

- a) Pemberian kuasa Eksekutif kepada Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan persetujuan Kerajaan Negeri untuk melantik Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Anggota, Setiausaha, Pegawai dan Kakitangan Tribunal Pengurusan Strata di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 dan Menteri hendaklah mempertimbangkan dua orang calon yang disyorkan oleh Kerajaan Negeri sebagai anggota Tribunal Pengurusan Strata.
- b) Suatu mekanisme diwujudkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi memastikan bahawa Kerajaan Negeri dilindungi, dirundingi terlebih dahulu sebelum pelantikan anggota Tribunal Pengurusan Strata dibuat.

Tuan Speaker pada 19 Disember 2012, menurut Fasal 4 Perkara 76, Perlembagaan Persekutuan, Parlimen telah meluluskan Rang Undang-undang Pengurusan Strata 2012, berkaitan dengan penambahbaikan Pengurusan Strata di bawah Akta Bangunan dan Harta Bersama Penyelenggaraan dan Pengurusan 2007 Akta 663 :



- i) Fasal 4 Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada Parlimen untuk membuat undang-undang bagi maksud memastikan keseragaman undang-undang dan dasar bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan Kerajaan Tempatan.
- ii) Fasal 3 Perkara 80 Perlembagaan Persekutuan, memperuntukkan bahawa mana-mana undang-undang yang dibuat di bawah Fasal 4 Perkara 76, Perlembagaan Persekutuan yang memberikan kuasa Eksekutif kepada Persekutuan tidak boleh dikuatkuasakan di mana-mana negeri kecuali melalui suatu ketetapan yang telah diluluskan oleh badan perundangan negeri.
- iii) Rang Undang-undang Pengurusan Strata 2012, telah mendapat perkenan diraja pada 5 Februari 2013 dan diwartakan sebagai Akta Pengurusan Strata 2013 iaitu Akta 757 pada 8 Februari 2013 dan tarikh kuat kuasa Akta 757 telah ditetapkan oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 01 Jun 2015. Menurut Seksyen 102 Akta 757 tersebut, satu Tribunal Pengurusan Strata hendaklah ditubuhkan. Akta 757 juga memberikan kuasa kepada Menteri di bawah Seksyen 103 dan 104 untuk melantik seorang Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Anggota Tribunal, Setiausaha, Pegawai dan Kakitangan Tribunal Pengurusan Strata.
- iv) Selaras dengan keputusan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) pada 17 Disember 2014, MMKN telah menimbang dan bersetuju untuk menerima pakai Akta 757 dan memberi kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan dalam hal pelantikan yang disebut di atas oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui resolusi yang telah dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini. Di samping itu Kerajaan Negeri dibenarkan untuk mencalonkan sebahagian wakil, sebahagian wakil sebagai anggota Tribunal pengurusan Strata.

**TUAN SPEAKER:** Penyokong.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong, saya buka untuk perbincangan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu Usul yang berbunyi :

“bahawa Dewan Negeri Selangor yang bersidang hari ini, bersetuju untuk membuat suatu ketetapan selaras dengan Fasal 4 Perkara 80 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut :

- a) Pemberian kuasa Eksekutif kepada Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan persetujuan Kerajaan Negeri untuk melantik Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Anggota, Setiausaha, Pegawai dan Kakitangan Tribunal Pengurusan Strata di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 dan Menteri hendaklah menamakan dua orang calon yang disyorkan oleh Kerajaan Negeri sebagai anggota Tribunal Pengurusan Strata.
- b) Suatu mekanisme diwujudkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, bagi memastikan bahawa Kerajaan Negeri dirundingi terlebih dahulu sebelum pelantikan anggota Tribunal Pengurusan Strata dibuat.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **USUL INI DIPERSETUJUI**.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan mesyuarat seterusnya, Usul No. 19 Tahun 2015, Usul meminda nama dan bidang kuasa Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Selangor, *Special Select Commity On Row Water Resource Management Of The State Of Selangor*, JPK SAM kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor *Special Select Commity On Water Resource Management Of The State Of Selangor* JPK SAS.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Bukit Antarabangsa.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa suatu Usul yang berbunyi seperti berikut :

“bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71, Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, meminda nama dan bidang kuasa Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Selangor atau dengan izin, *Special Select Commity On Raw Water Resource Management Of The State Of Selangor*, JPK SAM kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor dengan izin *Special Select Commity On Water Resource Management Of The State Of Selangor*, JPK SAS. Jawatankuasa JPK SAS ini adalah untuk memantau selia dan memeriksa segala hal berkaitan dengan atau di bawah Kerajaan Negeri Selangor, berkenaan pemeliharaan, pemuliharaan dan pengurusan sumber air mentah, serta perancangan, pengendalian, penyelenggaraan dan pelaksanaan rawatan air dan pengagihan air di dalam segala urusan pentadbiran Lembaga Urus Air Selangor atau LUAS, semua agensi, badan berkanun, anak syarikat, pihak berkuasa dan pertubuhan. Jawatankuasa ini juga diberi kuasa untuk memantau perkara berkaitan

pelaksanaan rancangan dan polisi yang memberikan kesan kepada pengurusan sumber air di dalam negeri Selangor untuk memastikan bekalan air mentah dan terawat sentiasa mencukupi untuk kegunaan rakyat jelata.

Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat, pindaan ini adalah perlu memandangkan pengambilalihan aset-aset air daripada Kerajaan Persekutuan telah dimuktamadkan melalui perjanjian tambahan kepada Perjanjian Utama Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air Di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang ditandatangani pada 10 Julai 2015. Perjanjian utama yang ditandatangani pada 12 September 2014 dan perjanjian jual beli saham Puncak Niaga Holdings Berhad akan dikuatkuasakan bagi membolehkan air Selangor mengambil alih Puncak Niaga Malaysia Sdn. Bhd. dan Syarikat Bekalan Air Selangor atau SYABAS. Di bawah perjanjian utama nilai pengambilalihan keempat-empat konsesi air adalah sebanyak RM9.65 Bilion di mana butirannya adalah seperti berikut. Pertama, RM2 Bilion akan diberikan kepada Kerajaan Selangor melalui air Selangor bagi tujuan mengambil alih *equalityequity* Puncak Niaga Bhd., SYABAS, ABAS dan SPLASH. Dan yang kedua, RM7.65 Bilion bagi tujuan mengambil alih *ability* syarikat konsesi air berkenaan. Sebagai cagaran ke atas penyediaan peruntukan RM2 Bilion aset-aset air yang akan dipindah milik kepada PAP adalah seperti yang tersenarai di dalam 'Appendix 3' Perjanjian Utama di dalam 'Appendix 3A' di dalam Perjanjian Tambahan seperti berikut:

- i. Loji Rawatan Air Sungai Langat
- ii. Loji Rawatan Air Bukit Tampo
- iii. Loji Rawatan Air Bukit Batu
- iv. Loji Rawatan Air Rantau Panjang
- v. Loji Rawatan Air SSP 1

Manakala jumlah RM7.65 Bilion ini Kerajaan Selangor akan menyerahkan aset konsesi negeri ataupun CCWA yang terletak di kawasan negeri Selangor pemindahan hak milik CCWA kepada PAP tidak termasuk hak milik tapak tanah. Manakala CCWA yang terletak di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bersetuju memberi hak milik tapak tanah kepada PAP bagi membolehkan aset air tersebut dipajakkan secara sempurna oleh PAP kepada Air Selangor seperti yang tersenarai di dalam 'Appendix 7' Perjanjian Utama. Aset-aset tersebut akan dipajakkan semula kepada Air Selangor melalui sewa pajak untuk tempoh 45 tahun. Oleh itu secara keseluruhan pengurusan sumber air mentah dan air terawat akan terletak di bawah tanggungan Kerajaan Negeri memandangkan tanggungjawab negeri terhadap sumber air di negeri Selangor diperluaskan maka bidang kuasa jawatankuasa berkaitan dengan pengurusan sumber air juga hendaklah diperluaskan untuk meneruskan tugas memantau selia dan memeriksa perkara-perkara tersebut. Dengan ini saya menyusulkan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat berikut kekal dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor atau dengan izin *Selection To Water*

*Resource management All State Selangor (JKPSAS)* bagi Dewan Negeri Yang Ke-13. Pengerusi, Yang Berhormat Puan Yeo Bee Yin / Ahli Dewan Negeri Kawasan Damansara Utama dan dianggotai oleh ahli-ahli yang berikut:

- i) Yang Berhormat Tuan Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam / Ahli Dewan Negeri Kawasan Seri Andalas;
- ii) Yang Berhormat Tuan Dr. Hj Idris bin Ahmad / Ahli Dewan Negeri Kawasan Ijok;
- iii) Yang Berhormat Tuan Mohd Shafie bin Ngah / Ahli Dewan Negeri Kawasan Bangi;
- iv) Yang Berhormat Tuan Rajiv a/l Riskhakaran / Ahli Dewan Negeri Kawasan Bukit Gasing;
- v) Yang Berhormat Datuk Sulaiman bin Abdul Razak / Ahli Dewan Negeri Kawasan Permatang.
- vi) Yang Berhormat Tuan Jakiran bin Jacomah / Ahli Dewan Negeri Kawasan Bukit Malawati.

Tuan Speaker saya menyusulkan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong dan saya buka untuk dibahaskan.

Ahli-Ahli Yang terhormat sekalian, adapun masalah di Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71 Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor meminda nama dan bidang kuasa Pemilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Selangor *Special Community Resources Management (JKP-SAM)*. Kepada Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor *Selection To Water Resource Management All State Selangor (JKP-SAS)*.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila Kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. Usul ini **DIPERSETUJUI**.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Mesyuarat seterusnya Usul nombor 20 Tahun 2015. Usul di bawah Peraturan Tetap 76.5 oleh Yang Berhormat Bukit Gasing.

**TUAN SPEAKER:** Sebelum saya memanggil Bukit Gasing. Yang Berhormat Bukit Gasing sukacita saya memaklumkan bahawa urusan-urusan kerajaan telah pun diselesaikan maka membolehkan Dewan Negeri Selangor bersidang pada hari ini dan diteruskan dengan membahaskan penyata-penyata berkenaan Jawatankuasa. Saya menggunakan kuasa Speaker di bawah Peraturan Tetap 78 supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 765 bagi membolehkan usul-usul menerima penyata-penyata dibahaskan sekarang juga.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila Kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. DIPERSETUJUI**.

Silakan Yang Berhormat Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Biasanya mengikut Peraturan 765 Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan Yang Mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Selangor / *Community Water Resources Management Of The State Selangor* (JKP-SAM) bagi Dewan Negeri Selangor berhubungan pengurusan air negeri Selangor, kualiti, kaedah menangani pencemaran air yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 37 Tahun 2015. Tuan Speaker dan rakan-rakan Yang Berhormat sekalian, Jawatankuasa ini telah mengadakan beberapa sesi sepanjang tahun ini dan antara isu yang terbesar yang dinilai oleh jawatankuasa ini ialah isu pencemaran yang menyebabkan gangguan air di negeri Selangor. Pada 3hb. Februari, 3hb. Mac, 7hb. Mac, 19hb Mac dan 1 April pada tahun ini Loji Rawatan Sungai Semenyih terpaksa memberhentikan operasi akibat MPHI air mentah yang memberi kesan terhadap proses penyingkiran kandungan mangan dan ammonia di dalam air. Kacau ganggu seperti ini menyebabkan satu impak yang teruk pada rakyat di negeri Selangor dan menjadi satu *consent* yang besar dengan izin kepada jawatankuasa ini untuk membangkitkan beberapa saranan kepada dewan yang mulia ini supaya kita dapat mengelakkan situasi ini daripada berulang di masa akan datang. Saya ingin menuju terus kepada 7 saranan daripada jawatankuasa yang saya akan mengulaskan dengan lebih terperinci. Saranan yang pertama kami adalah Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri memastikan LUAS mempunyai perancangan yang lebih menyeluruh bagi mengawal pencemaran di sumber air mentah. Projek IWRNS hendaklah disegerakan. Pada masa ini kita tidak mempunyai pengesanan automatik atau pun *automated* (dengan izin) pencemaran di sungai-sungai di negeri Selangor dengan lebih luas. Satu sistem kalau dipasang di lembangan-lembangan kita daripada *journey* sehingga ke loji rawatan air dapat mengesan apa-apa jenis pencemaran dengan lebih awal. Beri ruang masa kerana mungkin masa antara empangan hingga loji rawatan air ini mengambil masa perjalanan beberapa jam sehingga 20 jam. Jika terdapat pengesanan pencemaran yang lebih awal ia akan membolehkan pihak LUAS dengan pihak loji rawatan air

bersedia menghadapi pencemaran tersebut dan mengambil tindakan-tindakan supaya kita dapat mengurangkan *down time* (dengan izin) yang dihadapi oleh loji rawatan air tersebut. Perkara ini kita kira tidak mahal jika dibandingkan dengan satu negeri yang besar dengan bilangan penduduk yang lebih daripada 5.5 juta orang dan kita boleh melaburkan untuk mewujudkan satu sistem tersebut. Saranan yang kedua ialah mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menambahkan kakitangan kontrak LUAS dengan segera supaya kerja pemantauan dan penguat kuasa di lembangan-lembangan di Sungai Selangor boleh dibuat dengan kerap dan ketat. Saya ingin merujuk kepada data dibekalkan kepada jawatankuasa yang dibekalkan oleh pihak LUAS yang juga dimaklumkan juga di perkara 7.1 dalam penyata ini di mana bilangan penguat kuasa sangat sedikit. Di Lembangan Sungai Selangor, Sungai Bernam dan Sungai Tinggi hanya terdapat 3 kakitangan penguatkuasaan, dan 5 orang kakitangan teknikal. Di Sungai Klang dan di Sungai Buloh. Di Lembangan Sungai Klang dan Lembangan Sungai Buloh 5 orang kakitangan teknikal dan 4 kakitangan penguatkuasa. Di Lembangan Sungai Langat dan Lembangan Sungai Semenyih di mana berlaku banyak kes pencemaran pada tahun ini terdapat 5 orang kakitangan teknikal dan 4 orang kakitangan penguatkuasa. Kawasan sungai yang perlu dipantau oleh penguat kuasa ini adalah luas. Berpuluh-puluh kilometer panjang sungainya dan besar juga *catchment area* anak-anak sungai yang membekalkan air kepada sungai utama ini, tidak mungkin dapat dipantau oleh 45 penguatkuasa. Di sini jawatankuasa ingin menyarankan Kerajaan Negeri membekalkan LUAS dengan bilangan kakitangan yang mencukupi supaya lebih realistik penguatkuasaan yang ketat dan yang kerap. Saranan yang ketiga, saya akan ulaskan dengan saranan yang keempat ialah jawatankuasa berpendapat bahawa LUAS dan PBT mempunyai kuasa dan undang-undang yang mencukupi untuk mengawalkan punca pencemaran air mentah di Selangor dan memulakan siasatan untuk penguatkuasaan. Kilang-kilang yang mencemar sumber air hendaklah dikenakan tindakan tegas serta-merta. Ini bukan sahaja termasuk kilang yang berdaftar di mana Jabatan Alam Sekitar melakukan pemeriksaan berkala untuk melihat sisa buangan kilang untuk mengawal pencemaran tetapi perlu juga penguatkuasaan pemeriksaan terhadap kilang-kilang yang tidak mempunyai lesen di negeri Selangor. Cukup maklum terdapat banyak kilang yang tidak berlesen yang masih wujud disebabkan oleh mereka menyumbang pada ekonomi di Selangor dan masih dalam proses pemutihan tetapi kita tidak boleh melepas pandang isu kemungkinan kilang-kilang ini menyumbang pencemaran di empangan lembangan sungai. Jawatankuasa mencadangkan Kerajaan Negeri Selangor mengkaji semula undang-undang sedia ada yang berkait rapat dengan pengurusan sumber air untuk mengenal pasti punca kuasa agensi-agensi negeri dalam kawalan pencemaran penguatkuasaan kesalahan berkaitan. Walaupun didapati LUAS mempunyai kuasa di bawah undang-undang di bawah Enakmen yang diluluskan oleh dewan yang mulia ini. Setakat ini kita melihat hanya Jabatan Alam Sekitar sahaja yang digunakan untuk memeriksa dan menyediakan membuat *advancer* (dengan izin) siasatan Jabatan Alam Sekitar sahaja yang digunakan untuk mendakwa kilang-kilang mencemar. Jadi diharapkan peruntukan kuasa yang diberikan kepada LUAS ini digunakan sebaik-baiknya. Saranan kelima ialah

menyarankan Kerajaan Negeri membolehkan menganalisis pencemaran dilaksanakan oleh pakar-pakar selain Jabatan Kimia Malaysia supaya analisis boleh dibuat dalam masa yang pendek untuk tujuan penguatkuasaan. Di sini Jawatankuasa telah mendapat laporan bahawa tempoh yang diperlukan untuk mendapatkan analisis daripada Jabatan Kimia adalah di antara 20 hingga 40 hari. Pencemaran di mana kita perlukan tindakan serta-merta dan kita perlu tindakan penguatkuasaan yang juga cepat. Kita perlu mencari cara yang lain jika Jabatan Kimia tidak dapat memberi kerjasama yang tidak mencukupi ataupun tidak dapat menganalisis dengan cepat, saya berharap dan Jawatankuasa berharap bahawa Kerajaan Negeri akan mencari cara lain untuk melantik pakar. Kita dapat membuat analisisnya dengan cepat dalam masa satu hari, kalau boleh dalam masa 24 jam supaya tindakan boleh diambil terhadap kilang-kilang yang tercemar ini. Kita perlu menunjukkan bahawa kita cekap dan kita tegas terhadap mana-mana kilang, mana-mana industri, mana-mana loji yang mencemarkan sungai kerana apa-apa pencemaran ini memberi kesan satu drastik kepada penduduk-penduduk di Negeri Selangor yang dapat merasai kesusahan apabila bekalan air terjejas.

Yang ke enam jawatankuasa juga menyarankan kepada Kerajaan Negeri Selangor supaya mendesak pihak-pihak yang berkenaan dengan projek tapak pembuangan sampah Pajam, Negeri Sembilan untuk mengambil tindakan segera mengawal pelepasan lecek dan membuat lawatan *on site* dan tindakan-tindakan sewajarnya dan termasuk tindakan undang-undang jika perlu. Tapak pembuangan sampah ini walaupun tidak terletak di Negeri Selangor dan terletak di Negeri Sembilan menjadi suatu penyumbang kepada pencemaran di Sungai Selangor. Lecek daripada tapak pembuangan sampah haram ini masuk ke dalam Sungai Selangor dan akhirnya sampai di Sungai Selangor yang menyebabkan gangguan pada loji rawatan air di Sungai Semenyih dan lepas itu menyebabkan gangguan kepada penduduk-penduduk yang bergantung pada air daripada loji rawatan air ini. Pencemaran ini tidak mengganggu penduduk Negeri Sembilan tetapi mengganggu penduduk Negeri Selangor. Kami berharap Kerajaan Negeri Selangor akan proaktif dan membuat sesuatu untuk membawa isu ini kepada Kerajaan Negeri Sembilan. Dan jika perlu Kerajaan Persekutuan supaya isu ini dapat diselesaikan dan tapak pelupusan sampah di Pajam tidak lagi menjadi penyumbang kepada pencemaran di Sungai Selangor.

Akhirnya saranan ketujuh ialah jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri Selangor melantik perunding pakar yang bebas untuk mengkaji prestasi dan pencapaian fasiliti loji rawatan air terutamanya Loji Rawatan Air Semenyih dalam menangani pencemaran ammonia dan *maganis*. Tujuan saranan ini adalah supaya kita tidak bergantung semata-matanya ke atas pengurusan Loji Rawatan Air Sungai Semenyih untuk melantik pakar mereka dan untuk mereka mengemukakan apa-apa pandangan tentang mungkin *up grading* dengan izin kepada Loji Rawatan Air ini. Tapi disebabkan oleh perkara pencemaran di luar kawalan ataupun luar *capability* dengan izin Loji Rawatan Air untuk memproses telah berlaku dengan kerap sudah

beberapa kali tahun ini. Saya rasa adalah jawatankuasa rasa adalah wajar Kerajaan Negeri melantik satu pakar sendiri untuk menilai apa yang telah dibuat untuk menilai apa yang perlu ataupun boleh ditambah baik Loji Rawatan Air Sungai Semenyih. *To get second opinion* dengan izin berbanding pakar yang dilantik sendiri oleh Loji Rawatan Air di Sungai Semenyih. Itulah dengan ringkas tujuh saranan yang dibawa oleh jawatankuasa ini dan kami harap dia dapat diterima baik oleh pihak kerajaan. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah penyokong Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong, saya buka usul ini untuk dibahaskan. Baiklah pihak kerajaan Bukit Lanjan jika ingin memberi penjelasan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Puan Speaker dan juga Bukit Gasing dan Ijok. Kerajaan Negeri menerima baik syor-syor yang dikemukakan oleh Jawatankuasa *Select Committee on Raw Water Resource Management of The State of Selangor dengan izin* kebanyakan ataupun majoriti isu-isu yang dibangkitkan sebenarnya ialah telah dijawab oleh di sesi dewan sebelum ini dan penyata juga kalau saya tidak silap juga telah dimasukkan untuk sesi dewan ini dan apa yang dicadangkan kita akan kaji dan kita akan jawab secara lebih *detail* semasa dalam menggunakan jawapan penyata pada sesi dewan yang akan datang.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi bahawasanya menurut peraturan 76(5) Peraturan-peraturan tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Selangor *Select Committee On Raw Water Resource Management Of The State Of Selangor - JPK SAM*). Bagi dewan Negeri Selangor berhubung dengan pengurusan air Negeri Selangor, kualiti kaedah menangani pencemaran air yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 37 Tahun 2015. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Isu dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul nombor 21 Tahun 2015, usul di bawah peraturan tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul berbunyi seperti berikut bahawasanya menurut peraturan 76(5) peraturan-peraturan tetap Dewan Negeri Selangor, dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Selangor, *Select Committee On Raw Water Resource Management Of The*



*State Of Selangor (JPK SAM)*. Bagi Dewan Negeri Selangor berhubung pengurusan sumber air Negeri Selangor kuantiti. Persediaan bekalan air untuk musim kering dan masa depan yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat bilangan 38 Tahun 2015.

Tuan Speaker kertas mesyuarat di bilangan 38 ini apa yang kita bentangkan ini adalah masalah dengan kekurangan air dari segi kuantiti. Memang jawatankuasa sangat mengambil berat bahawa dalam musim kering yang bermula dari Mei 2015 sampai sekarang September 2015 sama ada negeri kita Selangor ada cukup air beberapa pendengaran telah pun diadakan dan ini di sini adalah sedikit penemuan yang kita ada dan saranan yang kita bagi kerajaan negeri. Apa yang kita dapati ialah bahawa dari segi air mentah persediaan Negeri Selangor untuk mengalami musim kering tahun ini adalah lebih baik daripada tahun lepas. Jawatankuasa juga mendapati bahawa situasi sumber air mentah di Lembangan Sungai Selangor adalah jauh lebih selesa dengan adanya operasi pembenihan awan yang telah meningkatkan paras Empangan Sungai Selangor serta kolam-kolam yang boleh membekalkan lapan ratus juta liter sehari air mentah tambahan kepada air Sungai Selangor. Ini adalah satu pencapaian yang baik, saya juga ingin merakam tahniah kepada Kerajaan Selangor yang boleh mengatasi masalah air mentah sekarang di Sungai Selangor. Sekarang saya berasa bahawa Johor kena belajar dari kita dalam mengendali Sungai Selangor. Walau bagaimanapun kita ada beberapa lembangan utama, sekarang kita nampak situasi di empangan Sungai Selangor is ok tetapi situasi di Empangan Sungai Langat adalah agak membimbangkan. Kita mendapati bahawa dengan Empangan yang hanya Empangan yang kita ada sekarang hanya boleh sampai bertahan awal Oktober dengan baki 10% sahaja. Jika pelepasan dikurangkan dan Empangan Sungai Langat berkongsi air dengan Empangan Sungai Semenyih. Kedua-dua empangan ini boleh mencapai, boleh bertahan sehingga pertengahan Oktober dengan baki simpanan air sebanyak 30%. Langkah yang terakhir yang boleh kita ambil adalah kita boleh mengepam air dari Terowong Langat 2 yang sudah siap dibina untuk melepaskan sebanyak lima ratus juta liter sehari ke Sungai Langat.

Maka kita nampak situasi membimbangkan, walaupun situasi membimbangkan ada banyak Kerajaan Negeri, telah ada banyak *freebanties step* yang mereka membentangkan kepada jawatankuasa yang di mana kita rekod di perkara 5.4.2 *inter-basin transfer dan interstate transfer* kalau Ahli Yang Berhormat sekalian nak merujuk. Oleh itu Jawatankuasa berpendapat bahawa dengan adanya pemantauan ataupun tindakan yang cepat dari Kerajaan Negeri walaupun situasi membimbangkan ia adalah *under control* dengan izin. Namun so oleh itu jawatankuasa berasa bahawa untuk tahun ini bekalan air kuantiti air adalah *no problem* dengan izin. Tetapi risiko untuk air mentah adalah dari segi pencemaran. Oleh itu kita ada satu penyata yang kita sudah bentangkan tadi. Tetapi selain daripada air mentah, air mentah tidak boleh digunakan oleh pengguna. Apa yang kita jawatankuasa mendapati ialah bekalan air terawat untuk Negeri Selangor adalah

sudah mencapai satu tahap kritikal. Rizab air terawat adalah 1% dan sering kali mencapai negatif di tempat masing-masing. Kini ada banyak loji rawatan air terutamanya di Hulu Langat telah beroperasi jauh melebihi daripada keupayaannya. Jawatankuasa mendapati bahawa sebarang penaiktarafan loji rawatan air tidak mampu memberikan impak yang besar kepada bekalan air terawat penaiktarafan yang kita ada sekarang boleh hanya mampu meningkatkan kurang daripada 1% jumlah air terawat Negeri Selangor. Maka Selangor akan mengalami rizab air terawat yang sangat nipis dari sekarang sehingga tahun 2017. Di mana ini berita yang sangat membimbangkan di mana selepas 2017 rizab air terawat Negeri Selangor akan menjunam kepada negatif secara keseluruhannya. Jawatankuasa mendapati bahawa sekali pun dengan ada rancangan-rancangan *mitigasi* yang kita tersedia ada bekalan air terawat di Selangor tidak akan mencukupi bermula tahun 2017 sehingga projek Langat 2, Fasa 1 siap. Sekarang projek Langat 2, Fasa 1 dijangka siap pada tahun 2019. So sekarang kita ada satu gep di mana 2017 kita tidak akan cukup air tetapi Langat 2 akan siap 2019. Antara penyebab kekurangan bekalan air terawat adalah akibat *another view* seperti yang kita bantangkan di dewan yang mulia ini. Jawatankuasa selain daripada itu jawatankuasa mendapati bahawa penggunaan air rakyat Selangor adalah sangat-sangat tinggi berbanding dengan piawaian antarabangsa. Kempen penjimatan air yang telah dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan Selangor ataupun Persekutuan nampaknya tidak mempunyai impak yang besar. Kita telah menjalankan satu analisis bahawa kita mendapati bahawa penggunaan air domestik Selangor per kapita adalah dua ratus tiga puluh lima liter sehari berbanding dengan piawaian antarabangsa. *World Health Organization* dengan izin WHO iaitu seratus enam puluh lima liter sehari. Iaitu rakyat Selangor satu orang mengguna air 40% lebih daripada apa yang sepatutnya apa *world average* dengan izin. Oleh yang demikian kita berasa bahawa kita ada lapan saranan untuk Kerajaan Negeri dari segi bekalan air, dari segi kuantiti air di Negeri Selangor. Yang pertama Jawatankuasa menggesa Kerajaan Selangor memastikan kebenaran merancang permit serta pengambilan tanah diperlukan untuk membina Langat 2 boleh disegerakan. Saranan yang kedua ialah memandangkan kita ada satu gep 2017 kita tidak cukup air sampai Langat 2, Fasa 1 habis. Oleh itu jawatankuasa berasa bahawa menggesa hak pengurusan aset Berhad sebagai pemilik projek Langat 2 boleh membuat satu rancangan yang baru supaya Langat 2 Fasa 1 sekurang-kurangnya beroperasi sebahagiannya pada tahun 2017. Ini adalah sangat penting di mana kita kena ada air yang mencukupi dari 2017 sampai 2019. Ini adalah satu masa yang kritikal saya harap bahawa Kerajaan Negeri boleh mengambil maklum dan mengambil berat tentang kes ini. Saranan yang ketiga adalah jawatankuasa menggesa supaya Kerajaan Negeri Selangor menetapkan satu piawaian KPI untuk mengurangkan secara signifikan sekurang-kurangnya dua peratus setiap tahun. Jawatankuasa menggesa Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk melipat gandakan usaha kempen penjimatan air seperti apa yang kita dapati tadi kita kena meningkatkan kesedaran antara rakyat Selangor bahawa kita kena menjimatkan air sebab kita terlalu banyak menggunakan air terawat yang kita ada. Tindakan yang jauh lebih agresif dan efektif amat diperlukan untuk menangani

masalah kekurangan air terawat dalam jangka masa pendek. Jawatankuasa berpendapat bahawa Kerajaan Negeri hendaklah melantik seorang Ahli MMKN untuk mengetuai kempen penjimatan air ini. Saranan yang kelima jawatankuasa untuk Kerajaan Negeri untuk pertimbangan Kerajaan Negeri iaitu supaya harga kadar penggunaan berperingkat iaitu *tier pricing* yang lebih efektif dikenakan untuk mengubah tabiat pengguna supaya mengurangkan penggunaan air di negeri Selangor. Saranan keenam iaitu jawatankuasa mencadangkan supaya kerajaan Negeri meningkatkan usaha untuk menguatkuasakan aktiviti-aktiviti haram yang menggunakan air yang tinggi seperti cuci kereta haram kita kena tutup semua tempat-tempat cuci kereta secara haram. Saranan ketujuh ialah jawatankuasa mencadangkan satu insentif yang lebih baik diberikan kepada premis-premis yang menggunakan *rain water harvesting* dengan izin dan peralatan yang menjimatkan air iaitu *water efficient forces*. Saranan yang terakhir yang kita ada ialah untuk memberi teladan yang baik jawatankuasa menggesa semua PBT dan agensi-agensi kerajaan di bawah Kerajaan Negeri hendaklah mengguna pakai sistem menakung air hujan. Sekian sahaja penyata yang kita ada bentangkan untuk sidang yang ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Menyokong. Ya, Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong. Saya buka untuk dibahaskan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Negeri Selangor (JPK-SAM) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung pengurusan air negeri Selangor kuantiti. Persediaan bekalan air untuk musim kering dan masa depan yang telah dibentangkan di dalam dewan yang mulia ini sebagai kertas bilangan 38 tahun 2015. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Seterusnya usul no. 22 tahun 2015 usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa usul yang berbunyi seperti berikut. Bahawasanya menurut Peraturan Tetap 76(5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor Dewan yang mulia ini menerima penyata jawatankuasa pilihan mengenai Pihak Berkuasa Tempatan JPPBT bagi Dewan Negeri Selangor berhubung isu perumahan awam kos rendah dan *commissioners of building* (COB) susulan daripada lawatan ke *Housing Development Board* (HDB) dan Majlis

Perbandaran Ang Mo Kio Singapura yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat bilangan 39 tahun 2015. Tuan Speaker, saya hanya ingin menyentuh antara beberapa saranan di dalam kertas yang telah dibentangkan iaitu perkara 5.2 Jawatankuasa menyarankan supaya kajian secara menyeluruh dilakukan supaya kerajaan Negeri dapat mengambil alih tugas untuk menyelenggara kediaman berstrata kos rendah dan sederhana. Ini adalah saya memang ingin menegaskan bahawa ini adalah sangat penting kerana sekiranya pihak kerajaan dapat mengambil alih penyelenggaraan kediaman berstrata kos rendah dan kos sederhana ia memang dapat membantu menyelesaikan banyak masalah di negeri Selangor ini terutamanya permasalahan kebersihan di rumah pangsa kos rendah dan kos sederhana yang sedang dihadapi oleh semua PBT. Ini adalah kerana mereka tidak mampu ataupun pemilik-pemilik tidak mampu untuk menjalankan tugas JMB dan kadang-kadang mereka langsung tidak dapat beroperasi kerana kutipan yang terlalu rendah ini adalah satu cara untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi sekarang ini. Selepas itu saya ingin menyentuh perkara 5.8 dan 5.9. Jawatankuasa menyarankan supaya susun atur perumahan awam mahupun perumahan-perumah komersial di Selangor dapat menggunakan modul perumahan HDB di Singapura sebagai rujukan di mana akses ke hub pengangkutan awam dan kemudahan awam adalah mudah. 5.9 PBT perlu memastikan pemaju dapat menunjukkan melalui pelan pembangunan mereka bahawa pembangunan tersebut disambungkan ke jaringan pengangkutan awam dengan sempurna sebelum meluluskan pembangun tersebut. Ahli Yang Berhormat sekalian kami nampak kegagalan kerajaan lampau iaitu kerajaan Barisan Nasional dalam perancangan perbandaran telah menyebabkan banyak permasalahan yang timbul pada masa kini dan kami pula kerajaan Selangor terpaksa menghadapi masalah tersebut. Sebagai contohnya terdapat pembangunan rumah pangsa kos rendah yang terletak di tempat atau di kawasan yang tidak ada perkhidmatan bas adalah hanya boleh nampak perkhidmatan teksi tetapi kami kena faham mereka yang tinggal di rumah pangsa kos rendah bukannya semua mampu mengambil perkhidmatan teksi. Oleh yang demikian, saya rasa ini mungkin boleh diselesaikan dengan satu penambahan syarat ke atas permohonan kebenaran merancang iaitu supaya pemaju mendapatkan sokongan daripada pihak SPAD untuk permohonan mereka mungkin ulasan-ulasan atau pandangan daripada pihak SPAD boleh membantu mengurangkan masalah sedemikian. Ini samalah perlu kajian lebih terperinci dari pihak PBT-PBT untuk melaksanakannya. Dan akhir sekali saya ingin menyentuh saranan 5.16 iaitu kerajaan Negeri juga disarankan untuk memperkenalkan opsyen skim beli balik pajakan yang diperkenalkan di Singapura. Ini adalah supaya untuk mengurangkan keadaan yang sedang berlaku sekarang iaitu flat atau rumah pangsa kos rendah dan sederhana disewakan kepada warga asing dan di mana saya rasa kemungkinan besar kebanyakan daripada penyewa itu merupakan pendatang asing tanpa izin. Sekiranya kerajaan Negeri bersedia untuk memperkenalkan skim membeli balik pajakan mereka seperti yang dilaksanakan di Singapura saya yakin ia bukan hanya dapat membantu meringankan lagi beban mereka yang ingin membeli rumah yang lebih bernilai tinggi tetapi boleh menjualkan

rumah itu semula kepada golongan yang lebih memerlukan. Dengan itu sekian terima kasih. Saya mengusulkan usul itu untuk disokong. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong. Saya buka untuk dibahaskan. Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Tuan Speaker. Teratai menyokong atas usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Balakong. Ada beberapa isu yang amat penting telah diketengahkan oleh Yang Berhormat Balakong yang mana selepas lawatan ke Singapura salah satunya berkenaan dengan isu penyelenggaraan aset-aset di rumah pangsapuri kos rendah dan kos sederhana rendah. Di mana setiap kali apabila terdapat kerosakan-kerosakan lif dan juga barang kemudahan awam di rumah kos rendah selalunya pihak penduduk akan datang berjumpa dengan wakil rakyat supaya datang meminta bantuan. Salah satu insiden telah berlaku di pangsapuri kos rendah LC700 di kawasan Teratai yang baru berlaku semalam di mana terdapat kerosakan paip pecah di dalam kawasan rumah pangsapuri kos rendah berkenaan apabila terdapat kerosakan begini selalunya kita perlu mengeluarkan kos ataupun duit dalam keadaan kecemasan supaya dapat membantu penduduk kita yang dalam kesusahan dan semasa waktu kritikal. Apa yang telah disarankan oleh jawatankuasa memang Teratai menyokong yang mana di antaranya adalah kerajaan Negeri boleh menubuhkan skuad kecemasan 24 jam bagi membaiki kerosakan-kerosakan kecil yang memerlukan perhatian segera. Teratai pernah pergi ke Pulau Pinang yang mana salah satu projek perintis yang telah dilakukan oleh Kerajaan Pulau Pinang adalah mengupah penduduk-penduduk yang tinggal di rumah pangsapuri kos rendah itu menjadi pegawai yang mana membekalkan teknikal atau menyelenggarakan rumah ataupun flat kos rendah yang mereka tinggal. Dengan melantik atau mengupah pekerja yang merupakan penduduk rumah pangsa kos rendah itu ini bukan sahaja kita dapat menyelesaikan masalah membekalkan peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk yang tinggal di rumah pangsapuri kos rendah itu bahkan juga pegawai yang telah diupah mereka akan lebih bertanggungjawab sebab rumah pangsapuri kos rendah itu merupakan tempat tinggal mereka. Apabila terdapat kerosakan-kerosakan kecil walaupun kadangkala merupakan mungkin ialah *railing* dengan izin ataupun tangga tetapi ini merupakan satu kemudahan yang sekiranya tidak dapat diselenggarakan dengan baik ia akan meragut nyawa juga penduduk ada juga pernah berlaku insiden di mana disebabkan kerosakan lif di dalam rumah pangsapuri telah mengakibatkan kecederaan berlaku ataupun kematian juga berlaku jadi dengan penemuan dari jawatankuasa berkenaan Teratai menyokong sepenuhnya atas saranan berkenaan dan Teratai juga berharap kerajaan Negeri Selangor dengan ada hasil yang kita kata tinggi kita dapat menolong golongan yang memerlukan khususnya kepada golongan

yang tinggal di rumah pangsapuri kos rendah berkenaan. Selain daripada itu berkenaan dengan saranan yang telah diketengahkan oleh Yang Berhormat Balakong iaitu dengan menyusun semula perumahan awam yang mana dapat menggunakan model HDB yang mana dengan memudahkan penduduk yang tinggal di rumah pangsapuri kos rendah itu ke hub pengangkutan awam dan kemudahan awam. Jadi bagi di negeri Selangor ataupun di Malaysia bagi masalah kemudahan awam ataupun pengangkutan awam ini bukan sahaja di atas bahu kerajaan Negeri Selangor bahkan juga di bawah SPAD dan Kerajaan Pusat mereka sepatutnya memikul tanggungjawab yang lebih berat dengan membekalkan pengangkutan awam kepada golongan yang tinggal di rumah flat berkos rendah berkenaan. Salah satunya insiden yang berlaku di kawasan Pandan yang mana laluan MRT *line* 2 yang mana pelan laluan asal sepatutnya melalui kawasan-kawasan yang memerlukannya antaranya adalah salah satu stesennya sepatutnya dibina di sebelah sebuah sekolah rendah dan bersebelahan dengan sebuah hospital kerajaan tapi disebabkan kerajaan pusat yang tidak cukup prihatin mereka telah memindah laluan MRT 2 itu ke Putrajaya itu yang tidak mempunyai populasi yang tinggi seperti populasi yang tinggi di kawasan Pandan sekarang. Apabila terdapat kerajaan pusat yang tidak cukup prihatin walaupun kerajaan negeri Selangor yang telah menubuhkan satu unit khas di bawah pimpinan Yang Berhormat Dato' Teng dengan melihat kemudahan pengangkutan awam berkenaan dengan salah satunya membekalkan bas komuniti secara percuma. Tetapi apabila kerajaan pusat, kerajaan persekutuan tidak prihatin dengan tidak membekalkan jaringan pengangkutan awam yang memerlukan kawasan yang padat di kawasan di populasi penduduk yang tinggi jadi rakyat kita rakyat Selangor yang menyusahkan apabila walaupun kita mempunyai ataupun pelan kerajaan Selangor mungkin respons kepada cadangan jawatankuasa berkenaan dengan membina kawasan perumahan...

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Teratai boleh duduk. Baiklah Ahli-Ahli Yang Berhormat semua masa telah menunjukkan jam 4.30 petang maka saya tangguhkan sidang dewan sehingga esok 18 Ogos jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan jam 4.30 petang )**